KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

# LAPORAN TAHUNAN

## JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

## 2 0 2 1



*Berkat Berjasa Menyantuni Masyarakat*

Diterbitkan Oktober 2022

Hak cipta ©**Jabatan Kebajikan Masyarakat**. Semua hak cipta terpelihara.
Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, dicetak semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau sebaliknya,
tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat atau hubungi:

**BAHAGIAN KAWALAN STANDARD**
**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**
ARAS 6,9-18, NO. 55,
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658
FAKS: 03-8323 2094

Jabatan Kebajikan Masyarakat mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penghasilan buku ini serta mereka yang bersetuju membenarkan kami menggunakan koleksi gambar.

Dicetak dan direkabentuk oleh:
**OMR PRESS SDN. BHD**
NO. 18 JALAN INDUSTRI USJ 1/12,
TAMAN PERINDUSTRIAN USJ I,
47600 SUBANG JAYA SELANGOR.

# SIDANG REDAKSI



**PENASIHAT**

Rosmahwati binti Ishak



**KETUA EDITOR**

Hajah Wan Zarina binti Wan Salleh



**EDITOR**

Wan Zabariah binti Wan Harun



**PENOLONG EDITOR**

Rosemary anak Hepburn Toho



**PENOLONG EDITOR**

Noraini binti Rusdi

# PENYELARAS BAHAGIAN



**Rosemary anak Hepburn Toho**

Bahagian Kawalan Standard



**Mohamad Tajul Aris bin Hassan**

Bahagian Komuniti



**Majdi bin Muhammad Yusuf**

Bahagian Kanak-kanak



**Maznah binti Othman**

Bahagian Perancangan dan Pembangunan



**Sharifah Sharina binti Syed Muhsin**

Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa



**Mohd Hidzir bin Jamhuri**

Bahagian Kebajikan Produktif



**Rashnizahwati binti Abdul Rashad**

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya



**Norazlan bin Rosli**

Bahagian Warga Emas



**Zuraiini binti Ghani**

Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan



**Dr. Wan Nurayunee binti Wan Zulkifli**

Bahagian Psikologi dan Kaunseling



**Nur Akmal Fatin binti Azahari**

Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat



**Wan Nur Izzati binti Wan Hanapi**

Bahagian Pengurusan



**Nor Hazwani binti Mazlan**

Bahagian Pengurusan Maklumat

# RASIONAL LOGO JKM

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat
*Berkat Berjasa*

Logo ini dicipta sebagai memenuhi aspirasi bangsa yang progresif dan membangun. Justeru itu, keseimbangan yang berterusan antara infrastruktur dan pembangunan kebajikan dapat dicapai.




Logo dalam bentuk hati membayangkan masa depan dan pemodenan jabatan serta pendayaupayaan yang maksimum dalam menyediakan perkhidmatan kebajikan secara menyeluruh. Pendayaupayaan ini disokong oleh rasa kasih sayang dan kefahaman yang positif daripada kumpulan sasaran dan masyarakat secara keseluruhannya.




Bulatan berwarna jingga di atas hati merupakan simbolik yang mewakili usaha kemanusiaan yang dijalankan dalam merealisasikan misi dan visi jabatan, manakala warna unggu melambangkan sifat semulajadi jabatan yang proaktif dan dinamik selaku sebuah organisasi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.




Sebagai rasa kebanggaan terhadap usaha yang dijalankan, warna-warna jalur gemilang seperti merah, putih, biru dan kuning telah dipilih sebagai asas terhadap integrasi, integriti, dedikasi serta komitmen individu, masyarakat dan bangsa keseluruhannya.

# KUMPULAN SASAR



# ISI KANDUNGAN


4 Rasional Logo JKM

5 Kumpulan Sasar

8 Tinta Bicara Kebajikan Masyarakat (KPKM)

9 Pengurusan Tertinggi, Pengarah Bahagian dan Pengarah Negeri JKM

14 Maklumat Korporat

- 14 Sejarah Penubuhan
- 15 Visi, Misi, Moto dan Objektif JKM
- 16 Perundangan, Dasar dan Komitmen Antarabangsa
- 19 Hala Tuju JKM
- 20 Nilai Bersama Warga JKM

22 Laporan Bahagian

- 22 Pengurusan
- 37 Sektor Strategik
  - 38 Perancangan dan Pembangunan
  - 88 Dasar dan Hubungan Antarabangsa
  - 106 Kawalan Standard
  - 126 Psikologi dan Kaunseling
  - 136 Pengurusan Maklumat
- 159 Sektor Operasi
  - 160 Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
  - 174 Kanak-kanak
  - 200 Warga Emas
  - 216 Kebajikan Produktif
  - 228 Perundangan dan Penguatkuasaan
  - 242 Komuniti
  - 258 Perintah Khidmat Masyarakat











PENERIMA BANTUAN
KUALA TERENGGANU
NOV 2021

# **TINTA** BICARA

**Bismillahirrahmanirrahiim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua dapat direalisasikan penerbitan Laporan Tahunan 2021 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang merupakan satu dokumentasi penting dalam memaparkan pencapaian dan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun oleh warga JKM meskipun dalam suasana norma baharu.

Tahun 2021 adalah tahun yang sangat mencabar bagi JKM yang bertanggungjawab menjadi sebahagian daripada anggota barisan hadapan ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Budaya dan amalan kerja telah berubah mengikut pengamalan norma baharu bagi memastikan output atau penghasilan kerja tidak terjejas.

Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan terima kasih kepada semua warga JKM kerana telah berjaya menonjolkan daya usaha, prestasi dan kreativiti yang tinggi dalam melaksanakan tugas sepanjang tahun 2021. Saya amat menghargai keikhlasan semua warga kerja JKM untuk berkhidmat tanpa mengenal waktu dan penat lelah.



Saya menyeru agar semua warga JKM terus memberikan komitmen dan sentiasa menerapkan budaya kerja yang berkualiti dan cemerlang, kreatif dan inovatif seiring dengan peredaran dan keperluan semasa demi meningkatkan kepuasan hati pelanggan dan pemegang taruh tanpa mengira lokaliti, agama dan bangsa selaras dengan visi Jabatan sebagai peneraju kepada perkhidmatan kebajikan.

Harapan saya agar semua pegawai Jabatan mengambil peluang untuk memantapkan dan memartabatkan profesion Kerja Sosial serta mengamalkan prinsip-prinsip Kerja Sosial dalam menyantuni masyarakat. Semoga semua pencapaian dan kejayaan pada tahun 2021 dijadikan penanda aras untuk kita mengorak langkah dengan jauh.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan penghargaan setingginya kepada semua pihak yang terlibat menerbitkan Laporan Tahunan 2021 Jabatan Kebajikan (JKM) ini. Semoga penerbitan ini dapat menjadi wadah meningkatkan kualiti perkhidmatan sekaligus meletakkan sebuah Jabatan yang kekal relevan dan disegani.

**BERKAT BERJASA**

**Rosmahwati binti Ishak**
**Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)**
Menjalankan Tugas
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

# **PENGURUSAN** TERTINGGI




**Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)**
Puan Rosmahwati binti Ishak

**Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)**
Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh

# **PENGARAH** BAHAGIAN



Bahagian Pengurusan
Puan Marhanum
binti M.Haniff



Jabatan Pembangunan
Orang Kurang Upaya
Encik Zuhami bin Omar



Bahagian Perancangan
dan Pembangunan
Encik Arfan bin Sulaiman



Bahagian Kanak-Kanak
Puan Wan Noraidah binti
Wan Mohd. Zain



Bahagian Kebajikan
Produktif
Encik Azmir bin Kassim



Bahagian Warga Emas
Puan Hezleen binti Hassan



Bahagian Dasar dan
Hubungan Antarabangsa
Dr. Sopian bin Brahim



Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan
Puan Ruhaini binti Ahmad Zawawi (Cuti Sakit)



Bahagian Kawalan Standard
Puan Wan Zarina binti Wan Salleh



Bahagian Psikologi dan Kaunseling
Encik Mohamad Razuki bin Sibi



Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat
Encik Ahmad bin Hashim



Bahagian Komuniti
Encik Quek Kia Ann



Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
Puan Dirayana binti Kamarudin

# **PENGARAH** JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI



**Terengganu**
Puan Mazura binti Ngah Abd Manan



**Selangor**
Dr. Zaitol binti Salleh



**Kelantan**
Encik Said bin Sidup



**Perak**
Cik Nor Tipah binti Majin



**Kedah**
Encik Shaballah bin Zainal Abidin



**Johor**
Encik Mohamad bin Hapil



**WP Kuala Lumpur**
Encik Che Samsuzuki bin Che Noh



**Sabah**
Encik Jais bin Asri



**Sarawak**
Puan Noriah binti Haji Ahmad



**Pahang**
YH Dato' Zulkhairi bin Zainol Abidin, DIMP.



**Pulau Pinang**
Encik Zakaria bin Taib



**Negeri Sembilan**
Puan Rosnah binti Sardi



**Melaka**
Encik Burhanuddin bin Bachik



**Perlis**
Encik Mohammad Hazam bin Ismail



**WP Labuan**
Encik Ansharey bin Matarsad

# MAKLUMAT KORPORAT JKM

## SEJARAH PENUBUHAN JKM

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah ditubuhkan pada bulan April 1946. Bermula dengan penglibatan menangani pelbagai masalah yang timbul akibat Perang Dunia Kedua, peranan dan fungsi Jabatan telah berkembang kepada **perkhidmatan pelindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan** dan **pengintegrasian** dalam menangani masalah dan isu-isu sosial masyarakat yang semakin kompleks. Sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan sosial, JKM telah bernaung di bawah beberapa Kementerian.

Fungsi utama JKM adalah untuk mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang dan sejahtera melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial yang professional.




Jabatan KEBAJIKAN Masyarakat
Berkat Berjasa

# VISI, MISI DAN OBJEKTIF JKM



## VISI

**Peneraju utama kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat**

## MISI

**Memperkasa masyarakat yang memerlukan ke arah kesejahteraan sosial**

## MOTO

**Berkat Berjasa**

## OBJEKTIF JKM

**01** Meningkatkan kompetensi, prestasi, produktiviti dan daya inovasi pekerja sektor kebajikan;

**02** Meningkatkan keupayaan dan memberi nafas baharu kepada organisasi;

**03** Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kebajikan;

**04** Memperluas jaringan kerja dan kolaborasi strategik (*multiple helix*) dalam dan luar negara; dan

**05** Membudayakan patriotisme, nilai-nilai murni, etos dan integriti

# PERUNDANGAN, DASAR DAN KOMITMEN ANTARABANGSA

## AKTA - AKTA DI BAWAH PENTADBIRAN JKM

- Akta Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (Diperbadankan) 1948 [Akta 529]
- Akta Orang-Orang Papa 1977 [Akta 183]
- Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308] dan Akta Taman
- Asuhan Kanak-kanak (Pindaan) 2007 [Akta A1285]
- Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]
- Akta Pusat Jagaan Pindaan 2007 [Akta A 1292]
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]
- Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2012 [Akta A1414]
- Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2017 [Akta A1538]
- Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]
- Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 [Akta A1511]
- Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]

## AKTA - AKTA YANG BERKAITAN DENGAN BIDANG KUASA JABATAN

- Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai III-Senarai Bersama
- Akta Pengangkatan 1952 [Akta 257]
- Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [Akta 253]
- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran
- 2007 [Akta A670] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan
- Antipenyeludupan Migran (Pindaan) 2015 [A1500]
- Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
- Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 [Akta 676]
- Akta Kaunselor 1998 [Akta 580]
- Akta Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Kanun Tatacara
- Jenayah Pindaan 2012 [Akta A1423]
- Akta Penjagaan Budak 1961

## PERATURAN – PERATURAN

- Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Perlindungan Kanak-kanak & Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017
- Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017
- Peraturan-peraturan Kanak-Kanak (Sekolah Diluluskan) 2017
- Peraturan-peraturan Asrama Akhlak 2017
- Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012
- Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Pengkompaunan Kesalahan) 2011
- Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994
- Peraturan-peraturan Pusat Jagaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2011
- Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Borang dan Daftar ditetapkan) 2007
- Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Tempat Selamat) 2017
- Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Orang Yang Layak dan Sesuai) 2017
- Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Perlindungan) 2017
- Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017
- Peraturan-Peraturan Keganasan Rumahtangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018

## KAEDAH – KAEDAH

- Kaedah-kaedah bagi Pusat-pusat Pemulihan Cacat Akal 1977
- Kaedah-kaedah Pengurusan Rumah-rumah Pesakit Melarat 1978
- Kaedah-kaedah Workshop Terlindung 1979
- Kaedah-kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-orang Papa 1981
- Kaedah-kaedah bagi Pengurusan Rumah Orang Tua 198

JKM mempunyai enam (6) dasar utama yang menjadi rujukan dalam menyampaikan perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Dasar-dasar berikut digubal bagi tujuan memperkasa masyarakat yang memerlukan kearah kesejahteraan sosial.


















# HALA TUJU JKM






# NILAI BERSAMA WARGA JKM

## 01 BERILMU

Warga JKM hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi 'figura contoh' kepada masyarakat.

## 02 KEBOLEHPERCAYAAN

Meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat.

## 03 BUDAYA AMALAN KERJA TERBAIK

Warga JKM harus bersungguh dan sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, tepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi supaya dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya mendepani sebarang cabaran yang mendatang.

## 04 PROFESIONALISME

Warga JKM bekerja secara profesional dan beretika.

## 05 PERMUAFAKATAN KERJA

Warga JKM harus meninggalkan amalan bekerja secara *silo* dan berurusan secara muafakat, saling bantu membantu serta bekerja sebagai satu pasukan (*team work*) dalam suasana gembira.

## 06 NILAI TAMBAH DAN KOMPETENSI

Warga JKM yang berkompetensi mempunyai nilai tambah yang tinggi.

## 07 BUDAYA KREATIVITI DAN INOVASI

Warga JKM perlu menampilkan pelaksanaan tugas yang lebih kreatif dan inovatif bagi menyahut cabaran untuk memenuhi jangkaan rakyat yang semakin bertambah kompleks, pelbagai dan sentiasa berubah.

## 08 BUDAYA KEBERHASILAN

Budaya ini penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja yang bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang.

# BAHAGIAN PENGURUSAN

## PENGENALAN

Bahagian Pengurusan bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan sokongan berkaitan pembangunan sumber manusia, pentadbiran, kewangan, latihan serta pengurusan perhubungan awam kepada semua warga kerja JKM di peringkat ibu pejabat dan negeri. Bahagian ini mempunyai empat (4) cawangan dan dua (2) unit seperti berikut:

### Cawangan



Pengurusan Sumber Manusia



Perolehan dan Pengurusan Aset



Kewangan dan Pentadbiran



Latihan dan Kompetensi

### Unit



Unit Perhubungan Awam



Unit Naziran

## PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### 1. Pengisian Perjawatan Tahun 2021 (Sehingga Disember 2021)

| PERJAWATAN | JUMLAH | ISI | KOSONG | PERATUS PENGISIAN |
|---|---|---|---|---|
| JKM | 7078 | 6572 | 506 | 93% |

### STATISTIK PENGISIAN PERJAWATAN DI JKM TAHUN 2021



## 2. Pengisian Perjawatan dan Lapor Diri Pegawai Lantikan Baharu Tahun 2021

### 2.1 Kumpulan Pengurusan dan Profesional

| BIL | JAWATAN/ GRED | TARIKH LAPOR DIRI | LOKASI | JUMLAH PEGAWAI |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 | 3 & 17 Mei 2021 | Ibu Pejabat JKM | 19 |
| **JUMLAH PEGAWAI** | | | | **19** |

### 2.2 Kumpulan Pelaksana

| BIL | JAWATAN/ GRED | TARIKH LAPOR DIRI | LOKASI | JUMLAH PEGAWAI |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 | 6 Mei & 1 November 2021 | Ibu Pejabat JKM | 45 |
| 2. | Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 | 2 & 3 Mei 2021 | Ibu Pejabat JKM, JKMN Sarawak & JPKA Sabah | 30 |
| 3. | Pembantu Tadbir (Perkeranian)/ Operasi) Gred N19 | 4 Januari & 8 Jun 2021 | Ibu Pejabat JKM & JKMN | 5 |
| 4. | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 | 31 Mei 2021 | JKMN | 3 |
| 5. | Penyelia Asrama Gred N19 | 3 Mei 2021 | JKMN Perak | 1 |
| 6. | Pembantu Operasi Gred N11 | 3 Mei & 1 Julai 2021 | JKMN | 6 |
| 7. | Pemandu Kenderaan Gred H11 | 1 April & 3 Mei 2021 | JKMN | 2 |
| 8. | Jurupulih Perubatan Gred U29 | 24 Mei 2021 | JKMN | 5 |
| 9. | Jururawat Gred U29 | 31 Mac 2021 | JKMN | 2 |
| 10. | Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 | 24 Mei 2021 | JKMN | 37 |
| **JUMLAH PEGAWAI** | | | | **155** |

### 3. Pertukaran dan Penempatan Induk JKM

Jawatankuasa Pertukaran dan Penempatan Induk JKM telah bersidang sebanyak 20 kali dengan pecahan seperti berikut:

**JAWATANKUASA PERTUKARAN DAN PENEMPATAN INDUK JKM**




### 4. Urusan Pemangkuan dan Kenaikan Pangkat Tahun 2021

#### 4.1 Kenaikan Pangkat Pegawai/Penolong/Pembantu Pembangunan Masyarakat

| BIL | URUSAN | JUMLAH DILULUSKAN |
|---|---|---|
| 1. | Gred S52 ke Gred S54 | 2 |
| 2. | Gred S48 ke Gred S52 | 2 |
| 3. | Gred S44 ke Gred S48 | 11 |
| 4. | Gred S41 ke Gred S44 | 3 |
| 5. | Gred S29 ke Gred S32 | 2 |
| 6. | Gred S22 ke Gred S26 | 1 |
| **JUMLAH** | | **21** |

#### 4.2 Kenaikan Pangkat Secara *One-Off*

| BIL | URUSAN | JUMLAH DILULUSKAN |
|---|---|---|
| 1. | Pembantu Operasi Gred N11 ke Gred N14 | 1 |
| **JUMLAH** | | **1** |

## 4.3 Pemangkuan Pegawai/Penolong/Pembantu Pembangunan Masyarakat

| BIL | URUSAN | JUMLAH DILULUSKAN |
|---|---|---|
| 1. | Gred S52 ke Gred S54 | 4 |
| 2. | Gred S48 ke Gred S52 | 2 |
| 3. | Gred S44 ke Gred S48 | 9 |
| 4. | Gred S41 ke Gred S44 | 7 |
| 5. | Gred S32 ke Gred S38 | 1 |
| 6. | Gred S29 ke Gred S32 | 9 |
| 7. | Gred S22 ke Gred S26 | 4 |
| 8. | Gred S19 ke Gred S22 | 15 |
| **JUMLAH** | | **51** |

## 4.4 Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan

| BIL | URUSAN | JUMLAH DILULUSKAN |
|---|---|---|
| 1. | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S32 ke Gred S38 | 31 |
| 2. | Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 ke Gred S32 | 111 |
| 3. | Penolong Pegawai Psikologi Gred S29 ke Gred S32 | 20 |
| 4. | Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 ke Gred N32 | 3 |
| 5. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N22 ke Gred N26 | 1 |
| 6. | Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19 ke Gred N22 | 29 |
| 7. | Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W19 ke Gred W22 | 10 |
| 8. | Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 ke Gred DV22 | 1 |
| 9. | Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S22 ke Gred S26 | 16 |
| 10. | Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 ke Gred S22 | 609 |
| **JUMLAH** | | **831** |

### 5. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Majlis penganugerahan telah diadakan pada **6 April 2021** bertempat **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)**. Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang disampaikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Seramai **527** orang warga JKM menerima APC 2020 yang terdiri daripada **45** orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan **482** orang pegawai Kumpulan Pelaksana.

## PRESTASI PERBELANJAAN JKM BAGI TAHUN 2021

- JKM mempunyai **168 Pusat Tanggungjawab (PTJ)** dan **17 Pusat Kos** bagi mengurus perbelanjaan peruntukan Jabatan.
- Prestasi perbelanjaan JKM di bawah **peruntukan mengurus (B48)** tahun 2021 adalah sebanyak **99.93%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2,294,610,153.86.
- Prestasi perbelanjaan JKM di bawah **peruntukan pembangunan (P48)** tahun 2021 adalah sebanyak **94.63%** dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM14,441,465.82.
- Prestasi perbelanjaan JKM di bawah **peruntukan lain-lain** tahun 2021 adalah sebanyak 97.50% iaitu sebanyak RM402,383,400.10.

**PRESTASI PERBELANJAAN JKM TAHUN 2021**



## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN (JPKA)

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1 - Pelaksanaan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun, JKM telah mengadakan empat (4) kali JPKA seperti berikut:

| BIL | BIL MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Bil.1/2021 | 27 April 2021 |
| 2 | Bil.2/2021 | 27 Julai 2021 |
| 3 | Bil.3/2021 | 28 Oktober 2021 |
| 4 | Bil.4/2021 | 18 Februari 2022 |

## PENGURUSAN ASET KERAJAAN

### 1. Pengurusan Aset Kerajaan

Pengurusan Aset Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merangkumi data pelaporan pengurusan aset alih, aset hidup dan stok. Ringkasan maklumat adalah seperti berikut:

**i. Penyelenggaraan Aset Alih JKM Tahun 2021**

| JENIS PENYELENGGARAAN | KUANTITI | JUMLAH KOS (RM) |
|---|---|---|
| Pencegahan | 1,282 | 613,318.15 |
| Pembaikan | 615 | 1,125,403.36 |
| **JUMLAH KOS** | | **1,738,721.51** |

**ii. Pelupusan Aset Alih JKM Tahun 2021**

| KUANTITI PELUPUSAN | JUMLAH NILAI PEROLEHAN ASAL (RM) | HASIL PELUPUSAN |
|---|---|---|
| 6,944 | 4,449,176.76 | 15,018.90 |

### 2. Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)

Selaras dengan **Pekeliling Perbendaharaan AM 1.1 - Pengurusan Aset Kerajaan, Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan** (JKPAK) telah bermesyuarat setiap tiga (3) bulan sekali selepas tamat tempoh sesuatu suku tahun seperti jadual berikut:

| BIL | BIL MESYUARAT | TARIKH |
|---|---|---|
| 1 | Bil.1/2021 | 22 April 2021 |
| 2 | Bil.2/2021 | 22 Julai 2021 |
| 3 | Bil.3/2021 | 22 Oktober 2021 |
| 4 | Bil.4/2021 | 8 Februari 2022 |

# PENGURUSAN LATIHAN DAN KOMPETENSI

## 1. Pelaksanaan Kursus di bawah Pelan Operasi Latihan bagi Tahun 2021

| KATEGORI KURSUS | JUMLAH KURSUS |
|---|---|
| Kursus Perkhidmatan | 127 |
| Kursus Peningkatan Kompetensi | 6 |
| **JUMLAH** | **133** |

### PELAKSANAAN KURSUS DI BAWAH PELAN OPERASI LATIHAN TAHUN 2021




## 2. Kehadiran Latihan/ Kursus Warga Kerja JKM Tahun 2021

| LEBIH 3 HARI (ORANG) | TIDAK BERKURSUS (ORANG) |
|---|---|
| 6417 | 0 |

### STATISTIK KEHADIRAN KURSUS WARGA JKM TAHUN 2021



### 3. Peperiksaan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) (Calon Hadir Peperiksaan)

| GRED | BAHAGIAN PEPERIKSAAN | | JUMLAH CALON (ORANG) |
|---|---|---|---|
| S41 | I | Pentadbiran dan Kerja Kemasyarakatan | 21 |
| | II | Pembangunan Sosial Di Malaysia | 24 |
| | III | Karangan Panjang Disertasi | 4 |
| **Jumlah** | | | **49** |
| S29 | I | Pentadbiran dan Kerja Kemasyarakatan | 98 |
| | II | Penyediaan Laporan | 91 |
| **Jumlah** | | | **189** |
| **JUMLAH KESELURUHAN HADIR PEPERIKSAAN** | | | **238** |

## NAZIRAN PENGURUSAN

### 1. Pelaksanaan Naziran Pengurusan

Dalam memantapkan tahap akauntabiliti dalam urusan pengurusan, Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan Naziran Pengurusan JKM Tahun 2021 melalui tiga (3) pendekatan iaitu naziran berkala, naziran secara mengejut dan naziran secara hibrid. Skop naziran ini meliputi pengurusan kewangan (seperti kawalan pengurusan, kawalan bajet, kawalan terimaan, kawalan perbelanjaan), pengurusan perolehan, pengurusan aset dan stor, pengurusan kenderaan Jabatan dan pengurusan myPortfolio di Pejabat JKM Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Bahagian/Jajahan dan Institusi JKM.

#### 1.1 Naziran Pengurusan JKM bagi Tahun 2021

##### 1.1.1 Naziran Secara Berkala

| BIL | SKOP NAZIRAN | JUMLAH PTJ |
|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Kewangan | 7 |
| 2 | Pengurusan Perolehan | 1 |
| 3 | Pengurusan Aset | 1 |
| 4 | Pengurusan Stor | 2 |
| 5 | Pengurusan Kenderaan | 6 |
| **JUMLAH** | | **17** |

### 1.1.2 Naziran Secara Mengejut

| BIL | SKOP NAZIRAN | JUMLAH PTJ |
|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Kewangan | 3 |
| 2 | Pengurusan Aset dan Stor | 1 |
| 3 | Pengurusan Kenderaan | 2 |
| **JUMLAH** | | **6** |

### 1.1.3 Naziran Secara Hibrid

| BIL | SKOP NAZIRAN | JUMLAH PTJ |
|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Peti Besi, Pemeriksaan Dalaman (AP308) dan Pemeriksaan Mengejut (AP309) | 23 |
| 2 | Pengurusan Kenderaan | 22 |
| 3 | Pengurusan myPortfolio | 22 |
| **JUMLAH** | | **67** |

## PELANTIKAN KONTRAK 224 PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT GRED S29

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 5 Februari 2021 telah memperakukan pengambilan secara kontrak (*Contract of Service*) seramai **224** jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 (PPPM Gred S29) sebagai Pegawai Pelindung Kanak-Kanak dan Pegawai Akhlak di Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pegawai Pelindung Kanak-Kanak ini bertanggungjawab memastikan kes kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan dapat diuruskan dan dikendalikan dengan baik dan lancar sebagaimana pematuhan di bawah Seksyen 17 Akta Kanak-Kanak (Akta 611).

Manakala Pegawai Akhlak berperanan dalam memastikan kes kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah yang didapati/mengaku bersalah dapat diuruskan dengan baik dan teratur.

## PELAKSANAAN KURSUS DAN LATIHAN OLEH BAHAGIAN PENGURUSAN

Bagi memastikan warga kerja Jabatan sentiasa kompeten dalam melaksanakan tugas dan memberikan perkhidmatan yang terbaik, Bahagian Pengurusan telah menganjurkan **47** kursus dan latihan sepanjang tahun 2021.

Keperluan latihan ini adalah untuk meningkatkan kualiti pengurusan dengan cemerlang, meningkatkan kompetensi dan keupayaan serta inovasi dan kreatif. Secara tidak langsung, ianya meningkatkan tahap profesionalisme dan prestasi warga kerja JKM. Perincian kursus/latihan yang telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

## PELAKSANAAN KURSUS DAN LATIHAN OLEH BAHAGIAN PENGURUSAN TAHUN 2021




## SOROTAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN 2021

1. **Naziran Secara Mengejut di PKMD Port Dickson, Negeri Sembilan**
   - **Tarikh: 10 Mac 2021**



2. **Naziran Secara Mengejut di PKMD Kulai, Johor**
   - **Tarikh: 16 Mac 2021**



3. **Kursus Tatacara Pengurusan Pindahan Dana Elektronik (*Elektronik Fund Transfer*–EFT) Ditolak/ Cek Terbatal**
   - **Tarikh: 2 hingga 4 Jun 2021**



4. **Taklimat Penyalahgunaan Dadah dan Kesannya ke atas Pegawai Perkhidmatan Awam yang disabitkan Kesalahan Penyalahgunaan Dadah**
   - **Tarikh: 23 Ogos 2021**



**5. Kursus Program Transformasi Minda (PTM) (Dalam Talian)**
- **Tarikh: 6 hingga 10 September 2021**



**6. Kursus Pengurusan Tatatertib (Dalam Talian)**
- **Tarikh: 7 September 2021**



**7. Majlis Lapor Diri dan Taklimat Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29**
- **Tarikh: 6 Mei 2021**



**8. Majlis Lapor Diri dan Taklimat Pegawai Tadbir dan Diplomatik**
- **Tarikh: 16 November 2021**



**9. Peperiksaan Perkhidmatan Pegawai Gred S41 dan S29 Kertas Bahagian III: Pentadbiran Sosial**
- **Tarikh: 11 Oktober 2021**





**10. Sesi Temuduga bagi Pelantikan Kontrak Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 (Dalam Talian)**
- **Tarikh: 18 hingga 21 Oktober 2021**







SEKTOR STRATEGIK

# BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN

## PENGENALAN

Bahagian Perancangan dan Pembangunan (BPP) merupakan Bahagian utama di bawah sektor strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Bahagian ini telah diperkukuh dan dimantapkan lagi di bawah penstrukturan semula Jabatan pada tahun 2013 selaras dengan peranannya sebagai pemikir, perancang dan penyokong kepada pelbagai pembaharuan serta pembangunan Jabatan. Bahagian Perancangan dan Pembangunan menjadi nadi yang membuat perancangan strategik bagi pembangunan serta fungsi Jabatan secara holistik agar mampu melaksanakan fungsinya dengan lebih cekap, berkesan serta relevan dengan keperluan semasa. Perancangan yang mampan merupakan suatu usaha yang kritikal selaras dengan tema "Penyampaian Perkhidmatan Kebajikan Yang Profesional".

## FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Perancangan dan Pembangunan bertanggungjawab memastikan pengurusan strategik Jabatan yang merangkumi aspek perancangan, pembangunan, pemantauan, penyelidikan, penilaian projek dan program, maklumat perangkaan Jabatan serta usaha ke arah peningkatan kompetensi dan profesionalisme dalam bidang kerja sosial.

Fungsi Bahagian Perancangan dan Pembangunan juga adalah untuk menentukan projek pembangunan Jabatan berperanan sebagai logistik sokongan yang berkesan ke arah pencapaian objektif Jabatan; menerajui pembangunan kemahiran bagi melahirkan tenaga kerja yang berketerampilan dalam bidang penjagaan dan perkhidmatan komuniti.

Bahagian Perancangan dan Pembangunan mengandungi empat (4) cawangan seperti berikut:



Aktiviti atau program-program utama daripada setiap cawangan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan adalah seperti berikut:

## PERANCANGAN

01 Penyelarasan *Key Performance Indicator* (KPI) PPTPA Tier 1, Tier 2 dan Tier 3

02 Penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik KPWKM 2021-2025

03 Penyelarasan dan pemantauan pelaksanaan Pelan Strategik JKM 2021-2025

04 Penyelarasan Sasaran Kerja Tahunan (SKT)

05 Penyediaan Laporan Rancangan Malaysia Ke-12

06 Penyediaan Penstrukturan semula JKM

07 Pelaksanaan penilaian program Penyumberan Luar Perkhidmatan (ASD) (untuk November 2021 sehingga Oktober 2022 sahaja)

## PENYELIDIKAN DAN PENILAIAN *OUTCOME*

01 Kajian/ Penyelidikan

02 MyResearch

03 Analisis Kajian

04 Statistik Perkhidmatan

# PEMBANGUNAN



- Pembangunan Fizikal & Pembangunan Bukan Fizikal
- Pengurusan Fasiliti
- Pengurusan Tanah
- Pelan Tindakan Pembangunan Fizikal
- Pelan Tindakan Pengurusan Tanah

# KOMPETENSI KERJA SOSIAL




## Program Penyeliaan Kerja Sosial



## Analisis Praktis Kerja Sosial



## PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

**01** JKM sebagai Badan Peneraju Industri Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti

**02** Pengiktirafan Sijil Kemahiran Malaysia

**03** Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti

**04** Program Persijilan Kemahiran Malaysia Secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Bagi Bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3

**05** Pelaksanaan Program Pembangunan Kemahiran (PPK) Tenaga Pengajar Vokasional JKM

**06** Pengurusan Pusat Transformasi dan Informasi Kebajikan (WELTRAIN)

**07** Kolaborasi Strategik Dalam Bidang Latihan dan Kemahiran

## KAJIAN PENILAIAN *OUTCOME*

**Pada tahun 2021, Kajian Penilaian *Outcome* telah dijalankan bagi:**



- Projek Pembinaan Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB) Pahang
- Projek Naik Taraf Kuarters Kakitangan Rumah Seri Kenangan (RSK) Ulu Kinta, Perak
- Projek Naik Taraf Kuarters Kakitangan Rumah Seri Kenangan (RSK) Taiping, Perak

| BIL | TAHUN | TAJUK | PENCAPAIAN OUTCOME |
|---|---|---|---|
| 1. | 2021 | Kajian Penilaian *Outcome* Projek Pembinaan Depoh Simpanan Keperluan Bencana (DSKB) Pahang | ▪ Pembentangan di Peringkat KPWKM telah diadakan pada 14 Disember 2021 dan 14 Februari 2022.<br>▪ Kajian Penilaian *Outcome* Projek Pembinaan DSKB Pahang telah dipilih oleh KPWKM untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU, Jabatan Perdana Menteri pada 2 Mac 2022. |
| 2. | 2021 | Kajian Penilaian *Outcome* Projek Naik Taraf Kuarters Kakitangan Rumah seri Kenangan (RSK) Ulu Kinta, Perak | |
| 3. | 2021 | Kajian Penilaian *Outcome* Projek Naik Taraf Kuarters Kakitangan Rumah seri Kenangan (RSK) Taiping, Perak | |

## MYRESEARCH

Aplikasi MyResearch merupakan satu sistem permohonan dalam talian bagi menjalankan kajian sosial di Jabatan Kebajikan Masyarakat. Sistem ini merupakan suatu kemudahan memproses pendaftaran dan permohonan bagi menjalankan kajian sosial oleh pelajar-pelajar atau ahli akademik. Semua kemudahan yang disediakan adalah percuma dan boleh dilayari melalui http://myresearch.jkm.gov.my.

STATISTIK PERMOHONAN BAHARU TAHUN 2021 - (122 PERMOHONAN)




BILANGAN STATISKTIK MENGIKUT BIDANG KAJIAN
BAGI TAHUN 2021



# PROGRAM/AKTIVITI DI BAWAH PROFIL KPI PPTPA TAHUN 2021

| KPI TIER I (KSU) | |
|---|---|
| BIL. | **TAJUK** |
| 1. | Perluasan TASKA baharu di tempat kerja sektor awam |
| **KPI TIER II (KPKM)** | |
| 2. | Perluasan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) |
| 3. | Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu |
| 4. | Perluasan TASKA Baharu di Tempat Kerja Sektor Awam |
| 5. | Program Rintis Bayaran Bantuan Tanpa Tunai (*Cashless*) JKM |
| 6. | Pembangunan Sistem Warga Emas Nasional (E-WEN) |
| **KPI TIER III (TKP STRATEGIK)** | |
| 7. | Pembangunan Sistem Warga Emas Nasional (E-WEN) |
| 8. | Pelaksanaan Projek Rintis bagi Porgram Pensijilan Kemahiran Malaysia Secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi Bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3 di WELTRAIN dan 3 buah Institusi Bahagian Warga Emas |
| 9. | Perluasan Program Penyeliaan Kerja Sosial di Peringkat Institusi |
| 10. | Penyampaian Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling kepada Kumpulan Sasar Jabatan |
| 11. | Pelaksanaan Inspektorat terhadap Pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perkhidmatan Institusi Kanak-kanak |
| **KPI TIER III (TKP OPERASI)** | |
| 12. | Peluasan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) |
| 13. | Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu |
| 14. | Perluasan TASKA Baharu di Tempat Kerja Sektor Awam |
| 15. | Projek Rintis Bayaran Bantuan Tanpa Tunai (*Cashless*) Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| 16. | Pemberian Geran Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) |
| | **JUMLAH PROGRAM : 10** |

## PROGRAM/AKTIVITI DI BAWAH PROFIL SKT JKM TAHUN 2021

| BIL. | TAJUK |
|---|---|
| 1. | Perluasan Projek Rintis Perkhidmatan Akhlak |
| 2. | Pemerkasaan sistem sokongan sosial kepada kanak-kanak lepasan institusi JKM |
| 3. | Perluasan TASKA baharu di tempat kerja sektor awam |
| 4. | Pengukuhan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) |
| 5. | Pemantapan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) |
| 6. | Pewujudan Pengkalan Data Pendaftaran OKU (OKU *Registry*) |
| 7. | Penyumberan luar (ASD) perkhidmatan penjagaan warga emas di institusi JKM |
| 8. | Pemantapan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sebagai hub perkhidmatan warga emas |
| 9. | Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu |
| 10. | Pemantapan Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) |
| 11. | Pelaksanaan sesi libat urus Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO) |
| 12. | Pelaksanaan Program Kembara Prihatin Negara (KPN) |
| 13. | Pemberian Geran Bantuan Kewangan kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) |
| 14. | Penyediaan Pelan Tindakan Pembangunan Penerima Bantuan JKM |
| 15 | Penubuhan Koperasi PROWELL |
| 16 | Pemberian Bantuan Kewangan Bulanan Persekutuan |
| 17 | Projek rintis Bayaran Bantuan Tanpa Tunai (*Cashless*) Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| 18 | Pelaksanaan Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan melalui Sistem MySACC |
| 19 | Penyediaan Manual Pengurusan Pusat Jagaan |
| 20 | Perluasan tempat selamat/tempat berlindung bagi mangsa keganasan rumahtangga |
| 21 | Perluasan kerjasama strategik bersama NGO/NGI/swasta/korporat berkaitan mangsa pemerdagangan |
| 22 | Pelaksanaan Projek Rintis bagi Program Persijilan Kemahiran Malaysia secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3 di WELTRAIN dan 3 buah institusi Bahagian Warga Emas |
| 23 | Pembangunan Pakar Bidang (SME) |
| 24 | Penyediaan Pelan Pengurusan Perubahan |
| 25 | Kolaborasi strategik dalam bidang latihan vokasional di institusi kanak-kanak dan PLPP |
| 26 | Perluasan Program Penyeliaan Kerja Sosial di peringkat institusi |
| 27 | Pembangunan Pelan Strategik Pengurusan Sumber Manusia (PSPSM) |
| 28 | Pemantapan pelaksanaan Sijil Eksekutif Kerja Sosial (SPEKS) dan Diploma Pasca Siswazah Kerja Sosial (DPSKS) |
| 29 | Penyelarasan penyediaan input berkaitan Dasar Kanak-Kanak Negara (DKKN) |
| 30 | Penyelarasan penyediaan input bagi pembangunan *National Children Development Index* |

| | |
|---|---|
| 31 | Pelaksanaan Projek Rintis *Diversion* bagi kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang |
| 32 | Pelaksanaan Projek Rintis Pemeliharaan Berasaskan Keluarga (PBK) bagi kanak-kanak yang sesuai dikembalikan ke institusi keluarga |
| 33 | Pelaksanaan inspektorat terhadap pematuhan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) perkhidmatan institusi kanak-kanak |
| 34 | Penyediaan Pelan Inovasi JKM |
| 35 | Penyelarasan penyediaan input Pelan Strategik Pendigitalan JKM |
| 36 | Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (e-WEN) |
| 37 | Pembangunan Sistem eCSO |
| 38 | Pembangunan Pelan Pengurusan Kesejahteraan Psikologi warga kerja JKM |
| 39 | Penyampaian perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada kumpulan sasar Jabatan |
| 40 | Penghasilan alat ujian psikologi bagi menilai kecenderungan minat kerjaya dan kesesuaian penempatan pegawai JKM (iJ-*Career*) |
| | **JUMLAH PROGRAM : 40** |

## PROJEK PEMBANGUNAN

### Projek Sambungan JKM di Bawah Kawalan dan Seliaan Bahagian Pembangunan KPWKM

Terdapat 20 projek sambungan JKM yang dikawal selia oleh Bahagian Pembangunan KPWKM seperti jadual di bawah:

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) | PERBELANJAAN SEHINGGA 2021 (RM) |
|---|---|---|---|
| 1 | Kompleks Penyayang Sinar Kasih, Nibong Tebal | 56,400,000 | 36,497,215.79 |
| 2 | Menaik Taraf Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah | 46,710,000 | 868,548.94 |
| 3 | Menaik Taraf Rumah Seri Kenangan Johor Bahru, Johor | 70,500,000 | 1,468,315.73 |
| 4 | Menaik Taraf Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti Kepala Batas, Pulau Pinang | 36,665,000 | 636,383.36 |
| 5 | Menaik Taraf, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Institusi Di Bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat | 100,000,000 | 54,473,500.76 |
| 6 | Membina Dan Menaiktaraf Kuarters Institusi JKM Di Desa Bina Diri, Mersing, Johor | 31,200,000 | 13,067,724.45 |
| 7 | Membina Dan Menaiktaraf Kuarters Institusi JKM Di Taman Seri Puteri Batu Gajah, Perak | 19,093,250 | 6,749,850.30 |
| 8 | Pembelian Dan Pembaikan Bangunan Bagi Kegunaan PKMD Bagan Datuk, Perak | 3,100,000 | 1,350,000.00 |
| 9 | Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan PKMD Mersing, Johor | 5,950,000 | - |

| BIL | NAMA PROJEK | KOS PROJEK (RM) | PERBELANJAAN SEHINGGA 2021 (RM) |
|---|---|---|---|
| 10 | Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan PKMD Muallim, Perak | 2,720,000 | 98,000.00 |
| 11 | Pembelian Dan Pembaikan Bangunan Bagi Kegunaan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Tangkak, Johor | 4,000,000 | - |
| 12 | Pembelian Ubah Suai Bangunan Bagi Kegunaan PKMD Langkawi, Kedah | 5,800,000 | - |
| 13 | Pembelian Dan Ubah Suai Ruang Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Kangsar, Perak | 5,500,000 | - |
| 14 | Pembelian Dan Ubah Suai Ruang Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Temerloh, Pahang | 5,180,000 | - |
| 15 | Pusat Aktiviti Warga Emas | 17,000,000 | 9,034,908.98 |
| 16 | Menaik Taraf Bengkel Dan Membangunkan Modul Latihan Kemahiran Bagi Institusi Di Bawah JKM Sebagai Pusat Bertauliah/ Pusat Latihan Sistem Latihan Dual Nasional | 10,000,000 | 7,580,383.72 |
| 17 | Program Exit Bagi Penerima Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Produktif Fasa Ii | 4,000,000 | 2,054,492.71 |
| 18 | Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (EWEN) | 3,304,500 | - |
| 19 | Pembinaan Kompleks Penyayang Kempas, Johor | 66,173,410 | 25,251,977.58 |
| 20 | Membina Kompleks Ehsan Slim River, Perak | 70,000,000 | 1,952,759.06 |
| | **JUMLAH** | **563,296,160** | **161,084,061.38** |

Jabatan telah menerima beberapa sumber peruntukan bagi menguruskan agenda pembangunan Jabatan bagi tahun 2021. Sumber peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

**(i) Bajet Mengurus (OE) (B48)**
Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak **RM2,300,000.00**. Sebanyak **52** premis telah menerima peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan dengan prestasi perbelanjaan sebanyak **RM2,273,437.00** atau **98.9%**.

**(ii) Bajet Pembangunan (DE) (P48)**
Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak **RM19,128,223.00.** Sekatan peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak **RM3,875,800.00** menjadikan jumlah peruntukan sebanyak **RM15,252,423.00**. Jumlah perbelanjaan yang dilaksanakan adalah sebanyak **RM14,441,465.82** dengan prestasi perbelanjaan **94.68%**.

| BIL. | PROGRAM | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH SEKATAN (RM) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Menaiktaraf, Pembaikan Dan Penyelenggaraan Institusi JKM | 10,910,000.00 | 1,195,900.00 | 9,108,118.68 | 93.8 |
| 2. | Program Exit Bagi Penerima Bantuan JKM (2YEP) | 1,000,000.00 | 0.00 | 999,877.80 | 100.0 |
| 3. | Penubuhan Baharu Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) | 2,000,000.00 | 1,100,000.00 | 873,388.54 | 97.0 |
| 4. | Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) | 1,500,000.00 | 629,800.00 | 807,641.60 | 92.8 |
| 5. | *Operational Readiness* (OR) Rumah Seri Kenangan Seremban | 1,100,000.00 | 70,100.00 | 1,029,900.00 | 100.0 |
| 6. | *Operational Readiness* (OR) Depoh Keperluan Mangsa Bencana Sarawak | 140,000.00 | 0.00 | 46,075.20 | 32.9 |
| 7. | Sistem Pengurusan Kebajikan Mangsa Bencana (SPKMB) | 114,000.00 | 0.00 | 113,941.00 | 99.9 |
| 8. | *Operational Readiness* (OR) PKMD Kubang Pasu, Kedah | 1,464,223.00 | 0.00 | 1,462,523.00 | 99.9 |
| 9. | Sistem Pendaftaran Warga emas Nasional (eWEN) | 900,000.00 | 870,000.00 | 0.00 | 0.0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **19,128,223.00** | **3,875,800.00** | **14,440,465.82** | **94.7** |

Jadual program dan peruntukan serta perbelanjaan di bawah Bajet Pembangunan P48

**(iii) Bajet Pemerkasa (P99)**

Jabatan telah menerima peruntukan sebanyak **RM4,932,100.00.** Sebanyak **11** premis telah menerima peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan. Sekatan peruntukan yang diluluskan adalah sebanyak RM1,385,137.42 menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM3,546,962.58. Jumlah perbelanjaan yang dilaksanakan adalah sebanyak **RM3,509,590.96** dengan prestasi perbelanjaan **98.9%.**

**Projek Baharu di Bawah *Rolling Plan* 1 RMKe 12 Tahun 2021**

Pada tahun 2021, Kerajaan telah meluluskan **dua (2) projek** baharu di bawah RP2 iaitu:

(i) Pembelian dan Pengubahsuaian Bangunan bagi PKMD Langkawi, Tangkak sebanyak **RM5.8 juta**.
(ii) Pembelian dan Pengubahsuaian Bangunan bagi PKMD Tangkak, Johor sebanyak **RM4 juta.**

**LAPORAN ASET TAK ALIH KERAJAAN (FASILITI)**

Pada tahun 2021, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah melaksanakan peranan dan fungsi Jabatan mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) – Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012.

Pengurusan aset tak alih merupakan satu aspek pengurusan yang penting bagi menyediakan ruang kerja yang kondusif dan seterusnya dapat menyampaikan perkhidmatan yang berkesan kepada kumpulan sasar. Jabatan juga telah mewujudkan Unit Pengurusan Fasiliti yang bertindak sebagai Pengurus Aset dan pasukan pemantau penyenggaraan fasiliti.

Berikut adalah maklumat pemilikan aset Jabatan bagi tahun 2021:

**Status Pemilikan Premis Aset:**



**Status Pendaftaran Premis Aset (DPA)**

Sebanyak 11 premis aset yang telah mendaftar DPA manakala 96 masih belum mendaftar.

| | Milikan | Tumpang | Sewaan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|
| Mendaftar DPA | 79 | 17 | 15 | 207 |
| Belum Mendaftar DPA | 9 | 40 | 47 | 96 |

**Pelantikan Unit Pengurusan Fasiliti Jabatan (UPF)**

Ketua Setiausaha KPWKM telah membuat pelantikan UPF di premis aset yang dikenalpasti. Kedudukan bilangan UPF adalah seperti di jadual.

| | Milikan | Sewa/ Tumpang | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Bil. Premis Aset | 88 | 119 | 207 |
| Bil. UPF | 81 | 106 | 187 |

## Ruang Lantai (*Gross Floor Area*) Premis JKM

| | Milikan | Sewa/ Tumpang | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Bil. Premis Aset | 88 | 119 | 207 |
| GFA (meter persegi) | 4,165,564.38 | 352,712.74 | 4,491,277,12 |

## Kos Modal Aset

Kos Modal Aset adalah jumlah kos asal ketika pewujudan aset termasuk kos perolehan tanah atau/dan kos pembinaan bagi sesuatu premis.

Kos sewaan premis pula adalah kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan/Negeri bagi membolehkan pejabat beroperasi.

| | Milikan | Sewa | Jumlah |
|---|---|---|---|
| Bil. Premis Aset | 88 | 62 | 207 |
| Kos Modal Aset/Kos Sewaan (RM) | 1,283,624,811.16 | 1,109,459.62 | 4,491,277,12 |

*Masih terdapat premis aset/negeri yang belum mendapat maklumat atau bukti perolehan tanah/bangunan milikan*

### Nilaian Aset Premis

Nilaian aset premis adalah nilaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)

Sebanyak **66** daripada 88 premis aset Jabatan telah mendapatkan nilaian aset premis masing-masing. Keseluruhan nilaian aset Jabatan bagi tahun 2021 adalah **RM1,860,122,732.91.**

### Hapus Kira Aset Tak Alih JKM

Laporan ini merujuk kepada jumlah pelupusan bagi struktur/ komponen binaan/ tanah/ bangunan/ infrastruktur. Jumlah nilaian ini adalah mengikut nilai pasaran semasa sesuatu aset tak alih tersebut.

Hapus Kira Aset Tak Alih JKM




### MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN JKM (MJTP JKM)

Bahagian Perancangan dan Pembangunan telah melaksanakan empat (4) MJTP JKM seperti berikut:
(i) MJTP JKM Bil. 1/2021 pada 10 Februari 2021 (Secara Sidang Video)
(ii) MJTP JKM Bil. 2/2021 pada 25 Jun 2021 (Secara Sidang Video)
(iii) MJTP JKM Bil. 3/2021 pada 21 September 2021 (Secara Sidang Video)
(iv) MJTP JKM Bil. 4/2021 pada 28 Disember 2021 (Secara Sidang Video)

### MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET KERAJAAN FASILITI JKM (JKPAK FASILITI JKM)

Bahagian Perancangan dan Pembangunan telah melaksanakan empat (4) JKPAK Fasiliti seperti berikut:
(i) JKPAK Fasiliti JKM Bil. 1/2021 pada 30 April 2021 (Secara Edaran)
(ii) JKPAK Fasiliti JKM Bil. 2/2021 pada 19 Julai 2021 (Secara Edaran)
(iii) JKPAK Fasiliti JKM Bil. 3/2021 pada 18 Oktober 2021 (Secara Edaran)
(iv) JKPAK Fasiliti JKM Bil. 4/2021 pada 24 Januari 2022 (Secara Edaran)

## GAMBAR-GAMBAR KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBINAAN PREMIS.

### 1. PROJEK PEMBINAAN

### Kompleks Penyayang Sinar Kasih Nibong Tebal, Pulau Pinang





### Depoh Kota Kinabalu





### Kompleks Penyayang Kempas, Johor





## 2. PROJEK PEROBOHAN

### Tanah Kosong RSK Bedong





### Tanah Kosong RSK Johor Bharu, Johor





## 3. PROJEK PEMBELIAN

### PKMD Kubang Pasu, Kedah




### PKMD Langkawi, Kedah




### PKMD Tangkak, Johor




**PKMD Bagan Datuk, Perak**





**PKMD Muallim, Perak**





## MESYUARAT MJTP DAN JKPAK FASILITI JKM





## PERMOHONAN BAYARAN INSENTIF

1. Satu sesi taklimat dan perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenai Permohonan Bayaran Insentif JKM telah diadakan pada **26 Mac 2021**. JPA telah mengesyorkan agar di peringkat permulaan bayaran insentif JKM dikhususkan kepada kakitangan JKM yang berkhidmat di institusi warga emas/orang papa dan Institusi Orang Kurang Upaya, mengambil kira risiko tugas yang lebih mencabar.

2. Susulan daripada taklimat tersebut, pada **20 April 2021** satu sesi pemantauan dan tinjauan penyampaian perkhidmatan JKM ke Taman Sinar Harapan Kuala Kubu Bharu dan Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu telah diadakan dan dihadiri oleh YB Menteri KPWKM.

3. Kerajaan telah meluluskan pemberian insentif melalui pembentangan Bajet bagi tahun 2022 pada **29 Oktober 2021**, dengan pengumuman pemberian bayaran insentif sebanyak **RM200**. Elaun akan diberikan kepada Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S19 dan Pembantu Perawatan Kesihatan Gred U11 dan U14 yang bertugas di institusi kebajikan atas jasa dan pengorbanan mereka yang terlibat secara langsung dalam perkhidmatan menjaga dan merawat penghuni warga emas, OKU dan pesakit mental.

## CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA JKM

Gerak kerja Penstrukturan Semula JKM telah dimulakan oleh Bahagian Perancangan dan Pembangunan mulai bulan Mac 2020. Sebagaimana digariskan di dalam Pelan Strategik 2016-2020, keperluan menyusun semula Jabatan adalah mendesak bagi memenuhi kehendak klien seiring dengan perubahan masa dan keperluan kehidupan masa kini. Penstrukturan semula mengambil kira kriteria-kriteria yang telah dibangunkan bagi Ibu Pejabat, JKMN Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) dan Institusi. Inisiatif ini bertujuan untuk memperkasa dan memantapkan perkhidmatan JKM secara menyeluruh, di mana ia dapat membantu menangani isu beban tugas, kompleksiti kes dan keperluan perjawatan serta menjamin penyampaian perkhidmatan yang profesional.

Cadangan Permohonan Penstrukturan Semula JKM bagi fasa pertama yang melibatkan 2,525 perjawatan telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 31 Disember 2020. JPA telah memberi maklum balas melalui e-mel pada 18 Januari 2021 iaitu **“Penstrukturan semula Jabatan hendaklah mengambil kira dasar semasa Kerajaan sedia ada berhubung**

**pewujudan jawatan baharu ialah melalui kaedah tukar ganti (*trade-off*) jawatan sedia ada dan pengagihan semula (*redeployment*) serta tiada pertambahan implikasi kewangan".**

Pada 11 Februari 2021, YB Menteri telah mengemukakan surat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan supaya JPA memberi pertimbangan ke atas Cadangan Penstrukturan Semula JKM yang melibatkan pertambahan 2,525 perjawatan. JPA telah memberi maklum balas melalui e-mel pada 18 Jun 2021 supaya "**Pihak KPWKM mengkaji semula keperluan perjawatan di JKM secara berfasa dan mengguna pakai beberapa alternatif berikut seperti:**

**(a) Pewujudan jawatan baharu secara *trade off* menggunakan jawatan kosong sedia ada agensi-agensi di bawah KPWKM;**
**(b) Pewujudan jawatan secara kontrak di bawah peruntukan OS29000 menggunakan siling peruntukan sedia ada KPWKM; dan**
**(c) Mengenal pasti jawatan-jawatan yang diperlukan untuk dilantik di JKM berdasarkan keutamaan dengan mengguna pakai kelulusan Kementerian Kewangan (MOF) melibatkan 2,500 personel MySTEP kepada KPWKM yang melibatkan implikasi kewangan sebanyak RM27 juta tahun 2021".**

## MAJLIS APRESIASI SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-75 JKM

Bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-75 tahun JKM, satu Majlis Apresiasi telah diadakan pada **11 April 2021** di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Majlis telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Pada majlis ini, YAB Perdana Menteri telah mengucapkan tahniah dan syabas kepada JKM kerana telah memainkan peranan yang penting terutamanya dalam menjayakan misi kemanusiaan dan kebajikan sosial. Ramai kakitangan JKM telah pun mencurahkan khidmat bakti sebagai *frontliners* dalam membantu usaha kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID-19 walaupun terpaksa menghadapi pelbagai kekangan. Antaranya termasuklah pengedaran bakul makanan semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Selain itu, JKM turut terlibat secara langsung dalam pengurusan aspek kebajikan di Pusat-pusat Kuarantin COVID-19 di seluruh negara.

YAB Perdana Menteri turut menyentuh berkenaan beberapa perkara:

(i) **Penstrukturan semula Jabatan Kebajikan Masyarakat** termasuk usaha memperkukuh penyampaian perkhidmatan bantuan, penyelarasan perjawatan serta menambah baik pengagihan tugas;

(ii) **Pemberian elaun khas kepada warga kerja JKM yang berkhidmat di kawasan berisiko** seperti institusi warga emas dan OKU;

(iii) **Penggubalan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial** bagi memastikan kebajikan para pekerja sosial terbela termasuk Pegawai Kebajikan Masyarakat agar mereka diiktiraf mengikut kepakaran masing-masing;

(iv) YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara **pada 22 Februari 2021** yang telah membincangkan **Hala Tuju Baharu Bantuan Sosial termasuklah cadangan untuk mewujudkan pangkalan data berpusat** bagi menyelaraskan semakan kelayakan serta rekod penerima bantuan memandangkan terdapat sebanyak 192 jenis bantuan yang disalurkan kepada rakyat merentasi pelbagai agensi kerajaan; dan

(v) Pada masa yang sama, YAB Perdana Menteri berharap semua agensi yang terlibat dalam pemberian bantuan sosial dapat **menyelaraskan mekanisme penyampaian bantuan** supaya bantuan dapat disampaikan kepada mereka yang memerlukan dengan kadar segera. Ini termasuklah menambah baik proses permohonan bantuan, mengurangkan kekangan birokrasi dan memastikan bantuan benar-benar sampai kepada mereka yang memerlukan, tanpa mengira agama, kaum dan latar belakang. Sesiapapun yang memenuhi kriteria kelayakan penerima bantuan perlu dilayan secara adil dan saksama.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat, YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusof, Ketua Setiausaha KPWKM, Timbalan KSU, Pegawai dan kakitangan JKM.








**BICARA EKSKLUSIF YB MENTERI WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT BERSAMA WARGA KERJA JKM**

Sempena Sambutan Ulang Tahun JKM ke-75, berlangsungnya Bicara Eksklusif YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama-sama warga JKM di Putrajaya yang telah diadakan pada **12 April 2021.**

Dalam amanatnya di majlis tersebut YB Menteri menyeru agar warga JKM menyahut saranan YAB Perdana Menteri Malaysia untuk menjadi agen penyampai yang proaktif dan cekap di kalangan masyarakat. Disamping memupuk budaya kerja kelas pertama yang menggabungkan integriti, disiplin dan tanggungjawab. Warga JKM juga diseru agar menjadi "agen pemangkin" dalam menerapkan budaya cemerlang sesama rakan sekerja seterusnya mampu mempromosikan segala perkhidmatan dan pencapaian JKM dan Kerajaan kepada masyarakat di luar sana. YB Menteri juga turut melancarkan Pelan Strategik JKM 2021-2025. Majlis turut dihadiri oleh YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan juga 'Hero Jaket Oren' dari seluruh negara.











## PELAN STRATEGIK JKM 2021-2025

JKM telah membangunkan Pelan Strategik JKM 2021-2025 sebagai kesinambungan daripada Pelan Transformasi JKM 2011-2015 dan juga Pelan Strategik JKM 2016-2020. Pelan ini akan menjadi dokumen rujukan dan panduan dalam merangka segala perancangan dan aktiviti mampan, berdaya saing dan inklusif bagi semua kumpulan sasar untuk tempoh lima (5) tahun yang akan datang dalam memperkukuhkan kesejahteraan sosial bagi membangun keupayaan golongan terpinggir untuk keluar daripada kemiskinan.

Seluruh kakitangan sentiasa komited dalam memastikan penyampaian perkhidmatan JKM. Perkhidmatan kebajikan merupakan satu perkhidmatan penting yang berperanan memastikan kesejahteraan masyakarat dan pembangunan sosial yang profesional dapat dipertingkatkan. Di bawah Pelan Strategik JKM 2021-2025, Jabatan telah membuat pindaan kepada kumpulan sasar selari dengan kumpulan sasar baharu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kumpulan sasar Jabatan **telah dipinda** daripada **sepuluh (10) kepada lapan (8) kumpulan sasar.**

**KUMPULAN SASAR SEBELUM 2021**

1. Kanak-Kanak
2. Warga Emas
3. Orang Kurang Upaya
4. Keluarga
5. Orang Papa
6. Mangsa Bencana
7. Mangsa Keganasan Rumah Tangga
8. Pesalah Muda
9. Komuniti Rentan
10. Mangsa Pemerdagangan Orang

**KUMPULAN SASAR BAHARU**

1. Kanak-Kanak
2. Warga Emas
3. Orang Kurang Upaya
4. Orang Papa
5. Mangsa Bencana
6. Mangsa Keganasan Rumah Tangga
7. Pesalah Perintah Khidmat Masyarakat
8. Mangsa Pemerdagangan Orang

## PELAN STRATEGIK JKM 2021-2025

Pelan Strategik JKM 2021-2025 adalah **bertemakan Penyampaian Perkhidmatan Kebajikan Yang Profesional** dimana JKM memperluaskan praktis kerja sosial dalam perkhidmatan kebajikan, pembangunan modal insan serta peningkatan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan. Di dalam Pelan Strategik JKM 2021-2025, terdapat tujuh (7) Teras Strategik yang digariskan mengambil kira kebajikan dan kesejahteraan semua kumpulan sasar JKM. Pelan Strategik JKM 2021-2025 telah mengenal pasti teras dan langkah-langkah strategik yang didokong oleh Pelan Strategik KPWKM 2021-2025, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB), Rancangan Malaysia Ke-12, *Outcome Based Budget* (OBB) 2021-2025, Maqasid Syariah, *Sustainable Development Goals* (SDGs) dan *United Nation Convention*.

Di bawah Pelan Strategik JKM 2021 – 2025, pelbagai inisiatif dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat, Negeri, Daerah dan Institusi melalui langkah-langkah strategik yang telah ditetapkan. Pelan Strategik JKM menjadi rujukan utama dan panduan kepada setiap Bahagian, JKMN, PKMD dan Institusi dalam merancangkan strategi serta inisiatif secara sistematik dan berfokus. Di samping itu, turut merealisasikan Visi dan Misi Jabatan dalam menjamin pembangunan dan kesejahteraan masyarakat.

Majlis Pelancaran Pelan Strategik JKM 2021 - 2025 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Rina Mohd Harun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di dalam Majlis Bicara Eksklusif Warga JKM bersama YBM KPWKM pada 12 April 2021 di Hotel Everly Putrajaya.







## SISTEM MAKLUMAT PERANGKAAN

Unit Perangkaan telah menyediakan format profil sebagai medium pengumpulan data perkhidmatan JKM yang baharu bagi menggantikan format penggumpulan data sedia ada. Format profil ini akan mula digunakan oleh JKMN, PKMD dan Institusi bermula Februari 2022.

Bagi memastikan kelancaran penggumpulan data menggunakan kaedah baharu ini, satu ujian rintis telah dijalankan bersama JKM Melaka, JKM Perlis, PKMD Melaka Tengah, PKMD Alor Gajah dan PKMD Jasin yang melibatkan format profil perkhidmatan kanak-kanak, Perintah Khidmat Masyarakat, kes keganasan rumah tangga dan orang papa. Ujian rintis ini telah berlangsung selama empat bulan iaitu bermula Ogos sehingga Disember 2021.

JKMN dan PKMD yang terlibat telah memberikan kerjasama yang baik dan maklum balas positif terhadap format baharu ini.

## PELAKSANAAN PROJEK RINTIS BAGI PROGRAM PERSIJILAN KEMAHIRAN MALAYSIA SECARA SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) DI BAWAH BIDANG OPERASI PUSAT JAGAAN ORANG TUA TAHAP 3

JKM telah diiktiraf oleh Kementerian Sumber Manusia sebagai Badan Peneraju Industri atau *Industry Lead Body (ILB)* bagi Sektor Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti mulai tahun Ogos 2011 hingga kini. Pengiktirafan tersebut adalah secara dwi tahunan iaitu 2 (dua) tahun sekali. Pengiktirafan ILB adalah mengikut kepada pencapaian ILB dalam melaksanakan peranan sebagai ILB bagi bidang yang telah dikenal pasti.

Pengiktirafan JKM sebagai ILB adalah bersesuaian dengan peranan yang dilaksanakan oleh JKM sebagai organisasi pemacu dalam bidang Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti di Malaysia. Pelaksanaan program PB-SLDN ini adalah yang pertama di bawah JKM dan memilih bidang penjagaan warga emas di bawah NOSS Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3 (Kod NOSS : CC-013:3-2013) sebagai pelaksanaan projek rintis ini.

WELTRAIN telah dipilih menjadi institusi pertama di JKM yang ditauliah sebagai PB-SLDN dan untuk projek rintis ini sebanyak tiga (3) buah institusi warga emas dipilih akan menjadi Syarikat SLDN bagi NOSS Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3.

Elemen pelaksanaan SLDN ini meliputi perkara-perkara seperti berikut;

**i. Pusat Latihan SLDN**

Dikenali sebagai Pusat Bertauliah SLDN (PB-SLDN) dan ditauliah di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Mempunyai kemudahan lengkap sebagai sebuah pusat latihan bagi membolehkan calon mengikuti pembelajaran secara teori. PB-SLDN bagi projek ini adalah Pusat Transformasi dan Informasi Kebajikan atau *Welfare Tranformation and Information Centre* (WELTRAIN) di Kuala Kubu Bharu.

**ii. Syarikat SLDN**

Pemilihan premis/institusi/pusat jagaan yang mempunyai kemudahan bagi melaksanakan sesi pembelajaran secara amali. Syarikat SLDN yang dipilih adalah institusi warga emas JKM iaitu;

a) Rumah Ehsan Kuala Kubu Bharu, Selangor;
b) Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor; dan
c) Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka

**iii. *Trainer* SLDN**

Tenaga pengajar teori bagi pelaksanaan sesi pembelajaran teori di WELTRAIN. Terdiri daripada pegawai JKM dari Gred 44 ke atas yang memiliki pengalaman berkhidmat di institusi warga emas JKM.

**iv. *Coach* SLDN**

Tenaga pengajar amali bagi sesi pembelajaran amali yang akan dijalankan di tiga (3) buah institusi warga emas seperti di atas. Pemilihan tiga (3) orang kakitangan dari setiap institusi yang memiliki pengalaman berkhidmat di institusi masing-masing untuk tempoh tiga (3) tahun dan ke atas.

**v. Perantis SLDN**

Kakitangan dari tiga (3) institusi tersebut yang berkhidmat kurang dari tiga (3) tahun akan dipilih untuk mengikuti program SLDN ini. Setiap institusi yang dipilih akan diwakili oleh lima (5) orang kakitangan.

**vi. Tempoh Pembelajaran SKM bagi bidang Operasi Pusat Jagaan Orang Tua Tahap 3**

Tempoh selama 1070 jam meliputi teori selama 214 jam (27 hari) di WELTRAIN dan amali 856 jam (107 hari/4 bulan) akan dilaksanakan di insitusi warga emas JKM yang akan ditauliah sebagai Syarikat SLDN.

**vii. Personal kemahiran yang diperlukan bagi pelaksanaan SLDN perlu dilantik oleh JPK.**

Personal tersebut adalah seperti berikut;

a. Pengurus Pusat Latihan SLDN/Syarikat SLDN;
b. Pengajar SLDN bagi Pusat Latihan SLDN (terdiri daripada pengajar teori); dan
c. Coach SLDN bagi Syarikat SLDN (terdiri daripada pegawai/kakitangan yang mempunyai pengalaman kerja melebihi 3 tahun)





## PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN PROFESIONALISMA PENGAJAR TVET (RESKILLING/UPSKILLING/PROFESIONAL)

Pelaksanaan Program Pembangunan Kepakaran (PPK) dan Profesionalisma Pengajar TVET adalah berdasarkan kepada penilaian yang telah dibuat di sistem yang diberi nama *TVET Intructor eProfiling System* (TiPS). Semua tenaga pengajar TVET di JKM perlu berdaftar di Sistem TiPS ini dan perlu membuat penilaian kompetensi mereka sebagai tenaga pengajar secara tahunan. Sistem ini berperanan untuk mengumpul data profil tenaga pengajar, menilai tahap kemahiran dan pengetahuan tenaga pengajar serta menganalisa keperluan latihan tenaga pengajar. Sistem ini juga dapat mengenal pasti jurang *ability* setiap tenaga pengajar secara automatik dan senarai *ability* yang dibangunkan dalam setiap penilaian adalah berdasarkan kepada NOSS.

Penilaian akan dibuat pada setiap tahun dan setelah proses penilaian tenaga pengajar selesai, *Admin* sistem TiPS boleh terus merancang kursus/latihan yang bersesuaian untuk menutup atau mengurangkan jurang *ability* mereka dalam bidang tersebut. Setiap latihan yang dirancang akan didaftarkan di dalam sistem TiPS bagi memudahkan tenaga pengajar untuk mendaftar dan mengikuti latihan yang akan ditawarkan. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 53 orang tenaga pengajar TVET di JKM yang berdaftar di Sistem TiPS telah selesai membuat penilaian.

Objektif PPK dan Profesionalisma Pengajar TVET adalah seperti berikut:

i. Meningkatkan kompetensi Tenaga Pengajar TVET dalam kemahiran mengajar dan pengurusan latihan TVET;
ii. Meningkatkan kompetensi Tenaga Pengajar TVET dalam bidang kemahiran yang diajar;dan
iii. Memastikan TVET berada dalam standard yang memenuhi keperluan industri/pasaran kerja

**Status Penilaian Pengajar Agensi: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**
**Petunjuk dan Status Pengajar Agensi: Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**




| | |
|---|---|
| 54 | Perjawatan Aktif (termasuk Bidang) |
| 0 | Belum Membuat Penilaian |
| 0 | Penilaian Belum Siap |
| 0 | Menunggu Penilaian/Permakahan Supervisor |
| 54 | Penilaian Selesai |

## KOLABORASI STRATEGIK DALAM BIDANG LATIHAN DAN KEMAHIRAN KEPADA KUMPULAN SASAR JABATAN

Bahagian Perancangan dan Pembangunan telah mengadakan siri perbincangan dengan agensi kerajaan/swasta/NGO sebagai usaha untuk mengadakan kerjasama dalam bidang latihan dan kemahiran kepada kumpulan sasar JKM. Jalinan kerjasama ini dapat meningkatkan pembangunan modal insan dalam mengarus perdana latihan kemahiran dan membentuk sesebuah negara maju. Antara agensi/syarikat/NGO yang tersebut adalah seperti berikut:

i. **PERKESO** bagi pemadanan pekerjaan OKU di PLPP;
ii. **Selangor *Youth Community* (SAY)** bagi pelaksanaan Program TEAM dengan kanak-kanak di institusi;
iii. **Syarikat INSAN INISIATIF Sdn Bhd** bagi modul latihan dan penempatan latihan di industri (INSAN) klien PKM, pelatih institusi dan anak-anak klien bantuan; dan
iv. **HRD Corp. Sdn Bhd** bagi program latihan dan penempatan pekerjaan kepada warga emas di PAWE.







## KOMPETENSI KERJA SOSIAL

Program Penyeliaan Kerja Sosial pada tahun 2021 diperluaskan kepada Asrama Akhlak (AA). Program penyeliaan ini dilaksanakan selama lapan bulan bermula pada bulan April hingga Disember 2021. Peserta program penyeliaan pada tahun ini melibatkan Pengetua Asrama Akhlak (AA) di enam buah negeri iaitu AA Perempuan Jitra Kedah, AA Paya Terubong, Pulau Pinang, AA Bahagia, Kuala Lumpur, AA Sentosa Sentul, Kuala Lumpur, AA Bukit Baru, Melaka, AA Kempas, Johor dan AA Rusila, Terengganu. Semua pengetua AA tersebut berperanan sebagai Individu Yang Diselia (IYD) oleh Penyelia. Penyelia dilantik dalam kalangan Ketua Bahagian Kanak-Kanak daripada negeri yang berkenaan. Dalam program ini, seramai 7 orang Pengetua AA diselia oleh enam orang Ketua Bahagian Kanak-Kanak.

Kita sedia maklum bahawa wabak COVID-19 masih menular dan masih belum menunjukkan tanda-tanda ianya akan reda. Dalam situasi ini, semua perkara perlu dilakukan dalam norma baharu dan pelaksanaan dan pemantauan Program Penyeliaan Kerja Sosial juga tidak terkecuali menerima kesan yang besar apabila dalam tempoh pandemik COVID-19 ini perlu dilaksanakan secara dalam talian. Bagi memastikan program ini berjalan dengan berkesan walaupun dalam tempoh pandemik, pemantauan penyelia terhadap IYD masih perlu dilakukan dan borang pemantauan secara dalam talian dengan menggunakan "google document" bagi tujuan pemantauan tersebut telah dibangunkan.

Kemahiran dan kompetensi peserta program sentiasa diberikan keutamaan sepanjang program penyeliaan ini berjalan. Semua peserta ini telah mengikuti Bengkel Pemantapan Program Penyeliaan Kerja Sosial yang dilaksanakan sebanyak dua siri. Pada bengkel siri pertama, peserta program didedahkan dengan kemahiran kerja sosial secara umum, kemahiran kerja sosial dengan kanak-kanak, hak kanak-kanak, nilai dan etika kerja sosial dangan kanak-kanak, kemahiran menemubual kanak-kanak, kaedah menggunakan genograms dan ecomaps dalam penentuan situasi kanak-kanak dan pengurusan kes kanak-kanak mengikut praktis kerja sosial.

Bengkel pemantapan kedua pula telah dilaksanakan yang memberikan penekanan kepada Proses Menolong Dalam Pengurusan Kes Kanak-Kanak Mengikut Praktis Kerja Sosial, Intervensi Menggunakan Pendekatan Tinglah Laku Dan *Cognitive Behaviour Therapy*, Penilaian Dan Refleksi Diri Dalam Mengendalikan Kes Kanak-Kanak, Bekerja Bersama Ibu Bapa (*Working with Family*) dan pengurusan kes kanak-kanak mengikut praktis kerja sosial.

Dalam tempoh program ini dilaksanakan, pemantauan praktis IYD dilihat dan dipantau dalam pelaksanaan persidangan kes. Persidangan kes bagi Program Penyeliaan Asrama Akhlak ini adalah untuk membincangkan rancangan pembebasan kanak-kanak dari institusi (*exit plan*). Adalah sangat penting untuk memastikan kedua-dua pihak, terutama sekali pihak keluarga bersedia untuk menerima kepulangan kanak-kanak ke pangkuan mereka. Bagi kanak-kanak yang tidak mempunyai keluarga, satu pelan pembebasan yang bersesuaian hendaklah disediakan bagi memastikan kesejahteraan mereka. Persidangan ini juga bertujuan untuk membincangkan, memaklumkan perkembangan kanak-kanak di institusi, masalah yang dihadapi, intervensi yang dijalankan, kemahiran yang diperolehi, pendidikan dan sebagainya.

Peserta-peserta program penyeliaan juga perlu mengikuti Kursus Penulisan Laporan Pengurusan Kes bagi melatih dan menambah ilmu tentang penulisan laporan yang berkesan berdasarkan praktis kerja sosial. Kompetensi para peserta program Fasa 1 tahun 2019 masih dipantau melalui persidangan kes yang dilaksanakan. Pada peringkat permulaan, seramai 3 orang IYD telah membentangkan kes. Pemantauan ini akan berterusan untuk semua IYD Fasa 1 yang dilaksanakan secara berperingkat.

Taklimat berkaitan Kanak-Kanak Tidak Terkawal juga telah diadakan. Taklimat ini diadakan bagi menambah dan memantapkan pengetahuan Pengetua Asrama Akhlak (AA) mengenai pengurusan penghuni di AA dan berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001. Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memastikan peningkatan dalam pengetahuan dan kompetensi warga JKM.

## PROGRAM PENGUKUHAN KERJA BERPASUKAN

Antara strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kerja berpasukan dan melaksanakan kerjasama pasukan di Bahagian Perancangan dan Pembangunan adalah mengadakan aktiviti-aktiviti di luar waktu pejabat. Selain dapat meredakan ketegangan akibat tekanan kerja, aktiviti yang dirancang khusus menjadi satu kaedah bagi memantapkan lagi prestasi kakitangan Bahagian Perancangan dan Pembangunan. Beberapa aktiviti yang memberi penekanan kepada aspek kebertanggungjawaban, semangat juang yang tinggi di samping pengukuhan budaya kerja berpasukan telah dilaksanakan.

Antara pengisiannya adalah aktiviti mendaki bukit, pertandingan boling, meraikan sambutan ulangtahun kelahiran kakitangan, pemberian hadiah kepada kakitangan yang bertukar keluar dari Bahagian Perancangan dan Pembangunan, sesi bertukar-tukar hadiah dan majlis bacaan Yassin secara mingguan.









# SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

## BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN (PP)

### 1. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Program Bicara Eksklusif Warga Kerja JKM Bersama YB Menteri KPWKM Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-75 JKM

- **Tarikh:** 29 Mac 2021
- **Pengerusi:** Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain (Pengarah)





### 2. Program Puspanita – "Wanita, Isteri, Ibu, Apa Adanya" Sempena Sambutan Hari Wanita

- **Tarikh:** 9 April 2021
- **Urus setia :** Biro Kepenggunaan & Perundangan Puspanita KPWKM (Bahagian PP)





### 3. Majlis Apresiasi bersama YAB Perdana Menteri.

- **Tarikh:** 11 April 2021
- **Urus Setia:** Penyediaan Dan Pemasangan Time Tunnel 75 Tahun JKM (Bahagian PP)
- **Lokasi :** PICC.
- **Perasmi:** YAB Perdana Menteri




### 4. Program Bicara Eksklusif Warga JKM Bersama YBM KPWKM Di Hotel Everly Putrajaya

- **Tarikh:** 12 April 2021
- **Perasmi:** YBM KPWKM



5. **Lawatan YB Menteri Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat Ke Sesi Pemantauan Dan Tinjauan Penyampaian Perkhidmatan JKM Dan Pusat Transformasi Dan Informasi Kebajikan WELTRAIN Di Kuala Kubu Bharu**

- **Tarikh:** 20 April 2021









### 6. Perhimpunan Bulanan JKM BIL. 2/2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 30 Julai 2021
- **Urus Setia:** Bahagian PP dan Bahagian WE







### 7. Aktiviti Khidmat Masyarakat di Rumah Kakitangan Bahagian Perancangan dan Pembangunan yang Terkesan Bencana Banjir

- **Tarikh:** 21 Disember 2021





| **CAWANGAN PERANCANGAN** | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **TARIKH** | **AKTIVITI/PROGRAM** | **KETERANGAN PROGRAM** |
| 1 | 5 – 7 Februari 2021 | Sesi Semakan Draf Pelan Strategik JKM 2021-2025 Bersama Bahagian-Bahagian | Dalam talian<br>Pengerusi: Puan Rosmahwati bt Ishak (TKPS) |
| 2 | 8 Februari 2021 | Pembentangan Draf Pelan Strategik JKM 2021-2025 | Pengerusi: Puan Fatimah Zuraidah bt Salleh (TKPO) |
| 3 | 25 Mac 2021 | Perbincangan Mengenai Cadangan Pemberian Bayaran Insentif JKM | Pengerusi: Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain (Pengarah) |
| 4 | 26 Mac 2021 | Sesi Perbincangan Mengenai Cadangan Pemberian Bayaran Insentif JKM | Urus setia: JPA<br>Hadir: SUB KPWKM, Pengarah (PP), Pengarah (P), Ketua dan kakitangan Institusi bersama KPPK dan KPP (PP) |
| 5 | 30 Mac 2021 | Perbincangan Penyediaan Bahan Cetakan Sejarah dan Evolusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | Pengerusi: Dr. Chan Soak Fong (KPPK) |
| 6 | 20 - 22 April 2021 | Bengkel Kemahiran Penyelidikan dan Penilaian Program | Tempat: Dewan Makan, Aras 21, KPWKM |
| 7 | 4 Mei 2021 | Sesi Perbincangan Pemurnian Graf Garis Panduan Pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Kepada Pelaksanaan Program Berasaskan Komuniti JKM | Tempat: Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 15, KPWKM |
| 8 | 5 Mei 2021 | Mesyuarat Penyelarasan dan Penilaian Program ASD di RSK Seri Iskandar Perak | Pengerusi: En. Arfan Bin Sulaiman (Pengarah) |
| 9 | 19 Mei 2021 | Mesyuarat Pemurnian Format Pemantauan dan Penilaian Projek ASD di RSK Seri Iskandar Perak | Pengerusi: Puan Rosmahwati Bt Ishak (TKPS) |
| 10 | 20 Mei 2021 | Perbincangan Kertas Pertimbangan Hala Tuju Pendidikan Kanak-Kanak di Institusi Kanak-Kanak Kendalian JKM Tiada Dokumen Sah | Dalam Talian<br>Pengerusi: En. Arfan Bin Sulaiman (Pengarah) |
| 11 | 25 Mei 2021 | Perbincangan Cadangan Penilaian Outcome 2021 @ Aras 15 | Pengerusi: En. Arfan Bin Sulaiman (Pengarah) |
| 12 | 25 Mei 2021 | Sesi *Brainstorming* Pewujudan SME JKM | Dalam Talian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 13 | 25, 28 Mei 2021 & 2 Jun 2021 | Mesyuarat SKT JKM & SKT BHG PP (Bahagian 1, 2 & 3) | Pengerusi: En. Arfan Bin Sulaiman (Pengarah) |
| 14 | 2 Jun 2021 | Mesyuarat Cawangan Perancangan Bil.2/2021 | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Dr. Chan Soak Fong (KPPK) |
| 15 | 2 Jun 2021 | Perbincangan Berkaitan KPI PPTPA TIER 1, TIER 2 & TIER 3 Bersama<br><br>Pengarah dan Wakil-Wakil Bahagian Yang Terlibat Dalam Inisiatif KPI | Pengerusi: Puan Rosmahwati Bt Ishak (TKPS) |
| 16 | 9 Jun 2021 | Mesyuarat SKT JKM & SKT BHG PP (Bahagian 1, 2 & 3) | Pengerusi: En. Arfan Bin Sulaiman (Pengarah) |
| 17 | 9 Jun 2021 | Perbincangan Penstrukturan Semula JKM Bersama Pengarah Dan Pegawai Bahagian Pengurusan & PP | Pengerusi: Puan Rosmahwati Bt Ishak (TKPS) |
| 18 | 11 Jun 2021 | Perbincangan TOR Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan JKM. | Pengerusi: Dr. Chan Soak Fong (KPPK) |
| 19 | 14 Jun 2021 | Sesi *Brainstorming* Pelaksanaan Program Penempatan Silang<br><br>Ketua Cawangan Bahagian Perancangan Dan Pembangunan | Urus Setia: Cawangan Perancangan |
| 20 | 15 Jun 2021 | Mesyuarat Penetapan Cadangan Menaik Taraf Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP) Sebagai Kolej Khusus Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) | Kehadiran: Bahagian PP, JPOKU & PLPP<br><br>Pengerusi: Puan Rosmahwati Bt Ishak (TKPS) |
| 21 | 15 Jun 2021 | *Brainstorming* Hala Tuju Penstrukturan Semula Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | Pengerusi: Puan Rosmahwati Bt Ishak (TKPS) |
| 22 | 16 Jun 2021 | Mesyuarat SKT JKM & SKT Bhg PP (Bahagian 1, 2 & 3) | Pengerusi: En. Arfan Bin Sulaiman (Pengarah) |
| 23 | 18 Jun 2021 | Perbincangan Berkaitan Projek Rintis Pelaksanaan Penyampaian ASD Penjagaan Warga Emas di RSK Seri Iskandar | Urusetia: Bahagian Warga Emas |
| 24 | 22 Jun 2021 | Perbincangan Penambahbaikan SMP Bersama Pengarah Bahagian Perancangan Dan Pembangunan JKM. | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 25 | 29 Julai 2021 | Perbincangan Awal Mengenai Kolaborasi Antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Dengan MERCY Malaysia Bagi Pelaksanaan Program Penempatan Silang/ Cross Fertilization Program (PCF) | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 26 | 4 Ogos 2021 | Perbincangan Maklum Balas Mengenai Pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Puan Rosmahwati Bt Ishak (TKPS) |
| 27 | 5 Ogos 2021 | Taklimat Penggunaan Format Profil Sebagai Kaedah Pengumpulan Data Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat | Dalam Talian |
| 28 | 5 Ogos 2021 | Mesyuarat Cadangan Input Dasar Bajet 2022 | Pengerusi : Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 29 | 18 Ogos 2021 | Sesi Perbincangan Pembangunan Pengetahuan Staff JKM dengan Kolaborasi UIAM dan JKM | Dalam Talian |
| 30 | 21 Ogos 2021 | Mesyuarat Cadangan Input Dasar Bajet Tahun 2022 Bagi Inisiatif JKM | Pengerusi: Puan Fatimah Zuraidah binti Haji Salleh (TKPO) |
| 31 | 28 Ogos 2021 | Sesi Perbincangan Penelitian Cadangan Dasar Bajet 2020 Daripada NGO | Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 32 | 3 September 2021 | Perbincangan Program Penempatan Silang (PCF) Bersama MERCY Malaysia | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 33 | 8 September 2021 | Sesi Perbincangan Berkaitan Pelan Strategik dan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2021 Bahagian PP | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 34 | 10 September 2021 | Perbincangan Berkenaan Kompleks Penyayang Bakti (KPB) | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 35 | 20 September 2021 | Taklimat Penggunaan Format Profil Sebagai Kaedah Penggumpulan Data Perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi<br><br>Kes Keganasan Rumah Tangga dan Orang Papa | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 36 | 21 September 2021 | Taklimat Panduan Pelaksanaan Kajian Penilaian Outcome Program/Projek 2021 | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 37 | 21 September 2021 | Mesyuarat Pasukan Pemantauan dan Penilaian Projek Rintis Penyumberan Luar Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas (ASD) di Rumah Seri Kenangan Seri Iskandar Perak Bil 1/2021 | Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 38 | 1 Oktober 2021 | Perbincangan Berkaitan Penyelarasan dan Pemantauan Key Performance Indicator (KPI) PPTPA Tier I, Tier II dan Tier Iii, JKM Tahun 2021 | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 39 | 7 Oktober 2021 | Lawatan ke Kompleks Penyayang Bakti (KPB) Sungai Buloh, Selangor | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 40 | 8 Oktober 2021 | Sesi Perbincangan Pelaksanaan Penilaian Kajian Outcome Projek Menaik Taraf Kuarters RSK Taiping Dan RSK Ulu Kinta, Perak | Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 15, KPWKM |
| 41 | 11 Oktober 2021 | Sesi Perbincangan Pelaksanaan Kajian Penilaian Outcome Projek Depoh Simpanan Keperluan Mangsa Bencana Pahang | Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 15, KPWKM |
| 42 | 13 Oktober 2021 | Bengkel Penyediaan Kajian Penilaian Outcome Projek/Program KPWKM Tahun 2021 | |
| 43 | 21 Oktober 2021 | Lawatan Naziran Perjawatan Ke Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 44 | 27 Oktober 2021 | Pembentangan Kerangka Bagi 3 Projek Penilaian Outcome JKM Tahun 2021 | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 45 | 27 Oktober 2021 | Perbincangan Penyediaan Soal Selidik Bagi Projek Menaik Taraf Kuarters Kakitangan RSK Taiping dan Ulu Kinta | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 46 | 28 Oktober 2021 | Perbincangan Penyediaan Soal Selidik Kajian Penilaian Outcome bagi Kuarters RSK | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 47 | 29 Oktober 2021 | Semakan Buku Statistik 2020 bagi Tujuan Percetakan - Sesi Pertama<br><br>Bersama Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian | Bilik Perbincangan, Aras 15, KPWKM |
| 48 | 29 Oktober 2021 | Pembentangan Deraf Soal Selidik Kajian Penilaian Outcome Bagi Projek/ Program JKM Tahun 2021 | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 49 | 29 Oktober 2021 | Semakan Buku Statistik 2020 bagi Tujuan Percetakan - Sesi Kedua<br><br>Bersama Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian | Bilik Perbincangan, Aras 15, KPWKM |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 50 | 8 November 2021 | Sesi Taklimat Bersama Ahli Pasukan Kajian Dan Pengumpulan Data Bagi Kajian Penilaian Outcome di RSK Ulu Kinta | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 51 | 9 November 2021 | Lawatan ke Kuarters RSK Taiping bagi Kajian Penilaian Outcome | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 52 | 9 November 2021 | Lawatan ke Kuarters RSK Ulu Kinta bagi Kajian Penilaian Outcome | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 53 | 9 November 2021 | Focus Group Disscussion (FGD) Bersama Kakitangan yang Menduduki Kuarters RSK Taiping Bagi Kajian Penilaian Outcome | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 54 | 10 November 2021 | Lawatan ke Pengkalan Hadapan Sungai Lembing dan Pengkalan Hadapan Penor bagi Kajian Penilaian Outcome. | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 55 | 10 November 2021 | Lawatan ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana Pahang bagi Kajian Penilaian Outcome. | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 56 | 11 November 2021 | Lawatan ke Mini Depoh PKMD Temerloh bagi Kajian Penilaian Outcome | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 57 | 11 November 2021 | Perbincangan Bersama Pengarah JKMN Pahang, Kakitangan PKMD Kuantan dan JKMN yang Terlibat Dengan Bencana bagi Kajian Penilaian Outcome | Pengerusi: PKMN Pahang |
| 58 | 11 November 2021 | Semakan Buku Statistik Tahun 2020 dan Bahan-bahan Penerbitan Tahun 2021 | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 59 | 19 November 2021 | Pembentangan Laporan Analisis Pra-Penilaian Projek Rintis Penyumberan Luar Perkhidmatan Penjagaan Warga Emas (ASD) di Rumah Seri Kenangan, Seri Iskandar Perak | Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 60 | 25 November 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan JKM Bil.2 Tahun 2021 | Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 61 | 1 Disember 2021 | Perbincangan Program Penempatan Silang (PCF) | Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 62 | 6 – 10 Disember 2021 | Perbincangan Pencapaian PS SKT Tahun 2021 dan Penetapan SKT Tahun 2022 – Bersama Wakil daripada Setiap Bahagian | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| **CAWANGAN KOMPETENSI KERJA SOSIAL** | | | |
| **BIL** | **TARIKH** | **AKTIVITI/PROGRAM** | **KETERANGAN PROGRAM** |
| 1 | 26 Februari 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Program Penyeliaan Kerja Sosial Bilangan 1 Tahun 2021 | Secara Hibrid |
| 2 | 9 Mac 2021 | Mesyuarat Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Kerja Sosial Jabatan Kebajikan Masyarakat | Bilik Mesyuarat Mawar Aras 15, JKM |
| 3 | 17 Mac 2021 | Pembentangan Kes oleh Penyelia dan IYD JKMN Perlis | Bilik Mesyuarat Mawar Aras 15, JKM |
| 4 | 30 Mac 2021 | Mesyuarat Program Penyeliaan Kerja Sosial di Asrama Akhlak | Pengerusi: Puan Wan Noraidah bt Wan Mohd Zain (Pengarah) |
| 5 | 28 April 2021 | Pembentangan Kes: Program Penyeliaan Kerja Sosial Fasa 2 bagi JKMN Pulau Pinang | Dalam Talian |
| 6 | 16 Jun 2021 | Perbincangan Mengenai Persediaan Bengkel Penulisan Laporan Pengurusan Kes Penyeliaan Kerja Sosial Fasa 2 | Dalam Talian |
| 7 | 26-28 Jun 2021 | Bengkel Pemantapan Program Penyeliaan Kerja Sosial Siri 1 | Dalam Talian |
| 8 | 4-5 Ogos 2021 | Bengkel Pemantapan Program Penyeliaan Kerja Sosial Siri 2 | Dalam Talian |
| 9 | 25-26 Ogos 2021 | Pelaksanaan Bengkel Penulisan Laporan Pengurusan Kes Penyeliaan Kerja Sosial Siri 1 | Dalam Talian |
| 10 | 21 September 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Taklimat Berkenaan Kanak-Kanak Tidak Terkawal | Dalam Talian |
| 11 | 25 Oktober 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial Bagi Asrama Akhlak Kempas, Johor | Dalam Talian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12 | 26 Oktober 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial bagi Asrama Akhlak Paya Terubong, Pulau Pinang | Dalam Talian |
| 13 | 27 Oktober 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial bagi Asrama Akhlak Jitra, Kedah | Dalam Talian |
| 14 | 28 Oktober 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial bagi Asrama Akhlak Bukit Baru, Melaka | Dalam Talian |
| 15 | 10 November 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial bagi Asrama Akhlak Rusila , Terengganu | Dalam Talian |
| 16 | 17 & 20 November 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial bagi Asrama Akhlak Bahagia, Kuala Lumpur | Dalam Talian |
| 17 | 19 November 2021 | Program Penyeliaan Kerja Sosial: Persidangan Kes Penyeliaan Kerja Sosial bagi Asrama Sentosa, Sentul Kuala Lumpur | Dalam Talian |
| 18 | 25 November 2021 | Sesi Perjumpaan dan Persidangan kes Oleh Individu Yang Diselia (IYD) Program Penyeliaan Kerja Sosial Fasa 1 Tahun 2019 Bilangan 1 | Dalam Talian |
| 19 | 21 Disember 2021 | Sesi Perjumpaan Dan Persidangan Kes Oleh Individu Yang Diselia (IYD) Program Penyeliaan Kerja Sosial Fasa 1 Tahun 2019 Bilangan 2 | Dalam Talian |

| **CAWANGAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN** | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **TARIKH** | **AKTIVITI/PROGRAM** | **KETERANGAN PROGRAM** |
| 1. | 11 Mac 2021 | Perbincangan Berkaitan Pengalaman Kiddocare Dalam Pelaksanaan Perkhidmatan Mobile Carer bagi Penjagaan Kanak-Kanak | Pengerusi: Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain (Pengarah) |
| 2. | 18 Mac 2021 | Perbincangan bersama pihak PERKESO Berkaitan Kolaborasi Strategik Penempatan Pekerjaan Kepada Pelatih di Institusi OKU dan Kanak-Kanak JKM | Bilik Mesyuarat PERKESO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | 5 Mei 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Program Pembangunan Kepakaran dan Profesinalisme Pengajar TVET (Reskilling/Upskilling/Profesional) Bil 5/2021 | Bilik Perbincangan Aras 15 |
| 4. | 24 Mei 2021 | Mesyuarat Penyelarasan ILB Cawangan Pembangunan Kemahiran PP | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 5. | 17 Jun 2021 | Mesyuarat TOR Kajian Permintaan Tenaga Kerja Berasaskan TVET Bidang Penjagaan dan Perkhidmatan Komuniti Bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran dan CIAST | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 6. | 22 Jun 2021 | Sepetang Bersama Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan JKM bagi Perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa ILB JKM | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 7. | 2 Julai 2021 | Mesyuarat ILB Bagi Sektor Penjagaan Dan Perkhidmatan Komuniti Bil. 1/2021 | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Pn Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 8. | 13 Julai 2021 | Sesi Perbincangan Program Kolaborasi Strategik Dalam Bidang Latihan Vokasional di Institusi Kanak-Kanak, OKU dan WE JKM | Dalam Talian |
| 9. | 2 Ogos 2021 | Sesi Perbincangan Bersama KPTM Kota Bharu Berkaitan Permohonan Pengiktirafan Kesetaraan Diploma PAKK dengan KAP Serta Permohonan Sebagai Agensi Pelaksana KAP | Dalam Talian |
| 10. | 2 Ogos 2021 | Sesi Taklimat Berkaitan Projek Rintis Persijilan Kemahiran Malaysia Secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) bagi Bidang Penjagaan Warga Emas di Pusat Jagaan | Dalam Talian |
| 11. | 24 Ogos 2021 | Sesi Taklimat Kolaborasi Program Team Anjuran Selangor Youth Community Bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (Cawangan Pembangunan Kemahiran) | Dalam Talian |
| 12. | 25 Ogos 2021 | Perbincangan Berkaitan Penyaluran Peruntukan Kajian ILB Bersama Jabatan Pembangunan Kemahiran | Dalam Talian |
| 13. | 1 September 2021 | Taklimat SKM-PPT kepada Petugas PDK JKMN Sembilan | Anjuran Bersama JKMN Sembilan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 14. | 2 September 2021 | Perbincangan Berkaitan Penetapan Bidang Penilaian Dalam Sistem TiPS Kepada Pengajar TVET | Anjuran CIAST |
| 15. | 6 September 2021 | Taklimat SKM-PPT Kepada Petugas PDK Negeri Selangor | Anjuran Bersama JKMN Selangor |
| 16. | 8 September 2021 | Taklimat SKM-PPT Kepada Petugas PDK Negeri Perak | Anjuran Bersama JKMN Perak |
| 17. | 10 September 2021 | Live Webinar Kerja Sosial Siri II:<br>Ke Arah Persediaan Pengiktirafan Pekerja Sosial Melalui Persijilan Kemahiran Malaysia (SKM) Dalam Bidang Kerja Sosial | Dalam Talian |
| 18. | 14 September 2021 | Taklimat SKM-PPT Kepada Petugas PDK Negeri Melaka | Anjuran Bersama JKMN Melaka |
| 19. | 6 Oktober 2021 | Sesi Taklimat SKM Kepada Petugas PDK di WPKL dan Putrajaya | Anjuran Bersama JKMWPKL |
| 20. | 2 November 2021 | Lawatan Tapak daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) ke WELTRAIN | Lokasi: WELTRAIN |
| 21. | 12 November 2021 | Sesi Kunjung Hormat dan Taklimat Program Pembangunan Kerjaya dan Penempatan Pekerjaan oleh Insan Inisiatif Sdn. Bhd. | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 22. | 1.12.202 | Sesi Taklimat Program Latihan Pembangunan Kerjaya dan Penempatan Pekerjaan | Disampaiakan oleh Inisiatif Sdn. Bhd. (INSAN) |
| 23. | 8 Disember 2021 | Seminar Of dan NOSS: Keperluan Peningkatan Kemahiran dan Kerjaya | Dalam Talian<br>Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 24. | 10 Disember 2021 | Sesi Perbincangan Penyelarasan Hala Tuju Aktiviti Latihan dan Program Pensijilan Kemahiran Kakitangan | Bilik Mesyuarat Mawar Aras 15, JKM |
| 25. | 14 Disember 2021 | Perbincangan ISM dan JKM Mengenai Pelaksanaan Pusat Bertauliah, Kursus Asuhan dan Pendidikan Kanak-Kanak (KAP) serta Program Keusahawanan Orang Kurang Upaya (OKU) | Dalam Talian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 26. | 14 Disember 2021 | Mesyuarat Penyelarasan Antara SAY Dan JKM Berkaitan Pelaksanaan Program Team Penghuni Institusi Kanak-Kanak JKM | Dalam Talian |
| 27. | 27 Disember 2021 | Sesi Lawatan Verifikasi Pentauliahan WELTRAIN Sebagai Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual National (PB-SLDN) | Lokasi: WELTRAIN |
| **CAWANGAN PEMBANGUNAN FIZIKAL** | | | |
| **BIL** | **TARIKH** | **AKTIVITI/PROGRAM** | **KETERANGAN PROGRAM** |
| 1. | 3 Januari 2021 | Lawatan YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri KPWKM, ke Cadangan Projek Tukar Guna Aset Tak Alih di Kampung Kastam Rantau Panjang Kelantan | Tapak Lokasi Cadangan |
| 2. | 3 Januari 2021 | Mesyuarat Koordinasi Cadangan Projek Tukar Guna Aset Tak Alih Kampung Kastam Rantau Panjang Kelantan bersama Jabatan Kastam DiRaja Malaysia Negeri Kelantan | Pengerusi: YBrs. TKSU (O) KPWKM |
| 3. | 3 Januari 2021 | Lawatan Tapak Cadangan Projek Pembelian Bangunan Untuk Dijadikan PKMD Tanah Merah Kelantan | Tapak Lokasi Cadangan |
| 4. | 4Januari 2021 | Lawatan Tapak Cadangan Projek Pembelian Bangunan PKMD Kuala Berang, Terengganu | Tapak Lokasi Cadangan |
| 5. | 4 Januari 2021 | Lawatan Pemantauan Cadangan Pembaikan dan Penyelenggaraan Bangunan PKMD Dungun, Terengganu | Tapak Lokasi Cadangan |
| 6. | 13 Januari 2021 | Mesyuarat Perbentangan Rekabentuk Konsep bagi Projek RSK Bedong, Kedah (Secara Atas Talian) | Pengerusi: Encik Mohd Hanafee bin A Rahman<br><br>(SUB Pembangunan KPWKM) |
| 7. | 19 Januari 2021 | Bengkel Dokumentasi Cadangan Projek/Program/Kajian di Bawah Permohonan Peruntukan Pembangunan(DE) RP2 RMKe-12 Tahun 2022 | Dalam Talian |
| 8. | 29 Januari 2021 | Pembentangan Rekabentuk Konsep Projek Kompleks Ehsan Slim River Perak oleh Pihak Perunding | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Encik Mohd Hanafee bin Abdul Rahman (SUB Bahagian Pembangunan KPWKM) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | 10 Februari 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (MJTP) JKM Bilangan 1 Tahun 2021 | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh, TKP(O) |
| 10. | 4 Mac 2021 | Sesi Pembentangan Rekabentuk Konsep Projek Kompleks Ehsan Slim River, Perak dan RSK Johor Bahru, Johor | Dalam Talian<br><br>Pengerusi: Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh, TKP(O) |
| 11. | 21 Mei 2021 | Perbincangan Penyelarasan Brif Projek Cadangan Pembangunan Semula WELTRAIN | Bilik Mesyuarat Mawar Aras 15, JKM |
| 12. | 27 Mei 2021 | Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan KPWKM Bil. 2 2021 | Pengerusi: Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh, TKP(O) |
| 13. | 8 Jun 2021 | Mesyuarat Khas Perbincangan Kelulusan Peruntukan Sewaan Pejabat JKMWPKL | Dalam Talian |
| 14. | 11 Jun 2021 | Sesi Bajet *Screening* bagi Tahun 2022 Bersama Kementerian Kewangan | Dalam Talian |
| 15. | 14 Jun 2021 | Perbincangan Unjuran Peruntukan Projek Pembangunan RP1 RMK12 2021 bersama SUB Pembangunan KPWKM | Pengerusi: Encik Mohd Hanafee bin Abdul Rahman (SUB Bahagian Pembangunan KPWKM) |
| 16. | 23 Jun 2021 | Taklimat Perlaporan Tadbir Urus Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Jabatan Kebajikan Masyakat Bilangan 1 Tahun 2021 | Dalam Talian<br><br>Pengerusi:Encik Mohd Mahir bin Mohd Tahir |
| 17. | 25 Jun 2021 | Mesyuarat Jawatakuasa Tindakan Pembangunan Jabatan Kebajikan Masyakat Bilangan 2 Tahun 2021<br><br>(Secara Atas Talian/Online). | Pengerusi: Puan Rosmahwati Binti Ishak (TKPS) |
| 18. | 28 Julai 2021 | Mesyuarat Cadangan Projek Pembangunan Secara Pertukaran Tanah STB Sg. Besi | Kerjasama Awam Swasta |
| 19. | 2 Ogos 2021 | Sesi Taklimat Berkaitan Projek Rintis Persijilan Kemahiran Malaysia Secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Bagi Bidang Penjagaan Warga Emas Di Pusat Jagaan | Dalam Talian |
| 20. | 6 Ogos 2021 | Mesyuarat Pra Pembinaan Projek Kompleks Penyayang Sinar Kasih Nibong Tebal Pulau Pinang | Dalam Talian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 21. | 9 Ogos 2021 | Perbincangan Status Pelaksanaan Kerja Permohonan Pemberimilikan Tanah Untuk Kegunaan JKM | Dalam Talian |
| 22. | 13 Ogos 2021 | Mesyuarat Hala Tuju Pembelian Bangunan RKK Mini Terengganu | Dalam Talian |
| 23. | 23 Ogos 2021 | Lawatan Pemantauan Projek Menaik Taraf Pembaikan Dan Penyelenggaraan Bangunan Di RKK Rembau dan Rumah Perlindungan Rembau Negeri Sembilan | Tapak Lokasi Projek |
| 24. | 23 Ogos 2021 | Lawatan Tapak Cadangan Projek Pembelian Premis PKMD Tangkak Johor | Tapak Lokasi Cadangan |
| 25. | 3 September 2021 | Mesyuarat Pembentangan Kemasan Lif dan Peralatan Dapur RSK Johor Bahru | Dihadiri oleh En Mohd Mahir, En Zamzuri serta wakil Bahagian WE dan JKMN Johor |
| 26. | 6 September 2021 | Perbincangan Penambahbaikan Dokumen Projek Pembinaan PKMD Hulu Selangor | Tapak Lokasi Cadangan |
| 27. | 18 September 2021 | Lawatan YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, KSU KPWKM ke JKMN Perak | Turut dihadiri oleh Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian |
| 28. | 18 September 2021 | Sesi Taklimat dan Lawatan Pemantauan KSU KPWKM ke Tapak Projek Menaiktaraf Kuartes Taman Seri Puteri Batu Gajah Perak | Pengerusi: Dr. Maziah binti Che Yusoff, KSU KPWKM |
| 29. | 20 September 2021 | Mesyuarat Penyelarasan Kerja-Kerja Pembaikan Perpindahan Pejabat JKMWPKL | Bilik Mesyuarat Mawar Aras 15, JKM |
| 30. | 21 September 2021 | Mesyuarat Jawatakuasa Tindakan Pembangunan JKM Bilangan 3 Tahun 2021 | Pengerusi: Puan Rosmahwati Ishak (TKPS) |
| 31. | 21 September 2021 | Mesyuarat Tapak Bil 1 Kompleks Penyayang Sinar Kasih Nibong Tebal | Dalam Talian |
| 32. | 22 September 2021 | Perbincangan Penyelarasan Lawatan YBM ke P3S Rantau Panjang Kelantan | Bilik Perbincangan Aras 15, KPWKM |
| 33. | 24 September 2021 | Lawatan Pemantauan Ke WELTRAIN, Kuala Kubu Baru, Selangor | Lokasi: WELTRAIN |
| 34. | 24 September 2021 | Lawatan Pemantauan RKK Mini Selangor | Lokasi: RKK Mini Selangor |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 35. | 5 Oktober 2021 | Taklimat MYGOS dan Latihan Penggunaan Aplikasi Myhartanah | Dalam Talian |
| 36. | 7 Oktober 2021 | Lawatan ke Depoh Simpanan Keperluan Bencana (Zon Tengah) | Lokasi: Depoh Simpanan Keperluan, Sungai Buloh |
| 37. | 7 Oktober 2021 | Lawatan Ke PKMD Kuala Selangor | Lokasi: PKMD Kuala Selangor |
| 38. | 7 Oktober 2021 | Lawatan Ke Rumah Tunas Harapan Kuala Selangor | Lokasi: RTH Kuala Selangor |
| 39. | 25 Oktober 2021 | Lawatan Pemantauan ke Lot Tanah Slim River, Perak | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 40. | 25 Oktober 2021 | Lawatan Pemantauan Projek Penyelenggaraan ke Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar Perak | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 41. | 25 Oktober 2021 | Lawatan Pemantauan ke Tapak Projek Kompleks Penyayang Sinar Kasih Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 42. | 26 Oktober 2021 | Lawatan Pemeriksaan Kerosakan di Kuarters Kakitangan Taman Sinar Harapan Jitra, Kedah | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 43. | 26 Oktober 2021 | Lawatan Pemantauan ke Tapak Projek Penyelengaraan Bangunan untuk dijadikan PMKD Kubang Pasu, Kedah | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah)<br><br>Lawatan turut disertai oleh JKR Kedah dan Kontraktor VC MTA |
| 44. | 26 Oktober 2021 | Lawatan ke Rumah Kanak-Kanak Pokok Sena, Kedah bagi Projek Pembaikan, Penyelenggaraan dan Pembaikan Institusi dan Bangunan JKM Tahun 2022 | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 45. | 26 Oktober 2021 | Lawatan Tapak ke Cadangan Bangunan Baharu untuk Dijadikan PKMD Padang Terap, Kedah | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah)<br><br>Turut hadir adalah Pengurus Developer Solidpreneur Sdn Bhd |
| 46. | 27 Oktober 2021 | Lawatan ke Tanah Milik JKM di Alor Merah, Kedah | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 47. | 27 Oktober 2021 | Lawatan Tapak ke cadangan Bangunan Baharu untuk Dijadikan PKMD Pendang | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 48. | 27 Oktober 2021 | Lawatan Pemantauan ke Pusat Khidmat Setempat OKU, Bedong Kedah | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 49. | 8 November 2021 | Lawatan Pemantauan ke Tapak Projek Pembangunan Pusat Sokongan Sosial Setempat, Rantau Panjang Kelantan | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 50. | 8 November 2021 | Lawatan Pemantauan Kerja-Kerja Pembaikan di PAWE Rantau Panjang, Kelantan | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 51. | 8 November 2021 | Lawatan Pemantauan Projek Menaiktaraf Menara Tangki Air di Rumah Seri Kenangan Kemumin, Kelantan | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 52. | 8 November 2021 | Lawatan Cadangan Pembelian Bangunan ke PKMD Tanah Merah | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 53. | 8 November 2021 | Lawatan Pemantauan Projek Menaiktaraf RKK Mini Kota Bharu, Kelantan | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 54. | 9 November 2021 | Lawatan Pemantauan ke Pusat Khidmat Setempat OKU Marang, Terengganu | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 55. | 9 November 2021 | Lawatan Tapak ke Cadangan Bangunan Baharu untuk Dijadikan PKMD Hulu Terengganu | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 56. | 9 November 2021 | Lawatan ke Tapak Cadangan Projek Pembangunan JKMN Terengganu | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 57. | 10 November 2021 | Lawatan Pemantauan ke Kompleks Penyayang Kuantan dan Depoh Simpanan Keperluan Bencana Negeri Pahang | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 58. | 10 November 2021 | Lawatan Tapak ke Cadangan Pembelian Bangunan Baru untuk dijadikan PKMD Temerloh, Pahang | Pengerusi : Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 59. | 28 Disember 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan (MJTP) JKM Bilangan 4 Tahun 2021 | Pengerusi: Puan Rosmahwati Ishak (TKPS) |

| BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN | | | |
|---|---|---|---|
| **BIL** | **TARIKH** | **AKTIVITI/PROGRAM** | **KETERANGAN PROGRAM** |
| 1 | 29 Mac 2021 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Program Bicara Eksklusif Warga Kerja JKM Bersama YB Menteri KPWKM Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-75 JKM | Pengerusi: Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain (Pengarah) |
| 2 | 9 April 2021 | Program Puspanita – "Wanita, Isteri, Ibu, Apa Adanya" sempena sambutan Hari Wanita | Urus Setia: Biro Kepenggunaan & Perundangan Puspanita KPWKM (Bahagian PP) |
| 3 | 11 April 2021 | Majlis Apresiasi bersama YAB Perdana Menteri. Bahagian PP menjadi urus setia penyediaan dan pemasangan time tunnel 75 tahun JKM | Lokasi: PICC<br>Dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri |
| 4 | 12 April 2021 | Program Bicara Eksklusif Warga JKM Bersama YBM KPWKM di Hotel Everly Putrajaya | Dirasmikan oleh YBM KPWKM |
| 5 | 20 April 2021 | Lawatan YB Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat ke Sesi Pemantauan dan Tinjauan Penyampaian Perkhidmatan JKM ke Pusat Transformasi dan Informasi Kebajikan WELTRAIN di Kuala Kubu Bharu | Turut dihadiri oleh Pengarah dan Pegawai-Pegawai Kanan Bahagian |
| 6 | 21 Mei 2021 | Perbincangan Penyelarasan Brif Projek Cadangan Pembangunan Semula Weltrain @ARAS 15 | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 7 | 3 Jun 2021 | Mesyuarat Pengurusan Bahagian PP Bil 2/2021 | Dalam Talian<br>Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 8 | 15 Jun 2021 | Perbincangan Pelaksanaan Perhimpunan Bulanan JKM Bil. 2/2021 | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 9 | 30 Julai 2021 | Perhimpunan Bulanan JKM Bil. 2/2021 | Diurusetiakan oleh Bahagian PP dan Bahagian WE |
| 10 | 8 September 2021 | Perbincangan Berkaitan Pelan Strategik (PS), Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Key Performance Indicator (KPI) Bahagian Perancangan dan Pembangunan | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |
| 11 | 10 September 2021 | Perbincangan Berkenaan Pengoperasian Kompleks Penyayang Bakti (KPB) | Pengerusi: Encik Arfan bin Sulaiman (Pengarah) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 12 | 17 September 2021 | Majlis Bacaan Yasin dan Tazkirah Bahagian PP Bersama Ustaz Mohd Khalid bin Sujud, PHEI TSH Jubli. Disusuli Mesyuarat Kelab Nadi@15 Bil 1 Tahun 2021 | Pengerusi: Dr Chan Soak Fong (KPPK) |
| 13 | 29 Oktober 2021 | Pembentangan Bajet 2022 dan Membuat Persediaan bagi Mesyuarat Pasca Bajet JKM | Bilik Mesyuarat Mawar, Aras 15 |
| 14 | 21 Disember 2021 | Aktiviti Khidmat Masyarakat di Rumah Kakitangan Bahagian PP yang Terkesan Bencana Banjir | Dihadiri oleh Pengarah dan Pegawai-Pegawai Bahagian |
| 15 | Januari – Disember 2021 | Program-Program Keutuhan Kakitangan – Majlis Sambutan Harijadi, Program Sukan Boling, Aktiviti Rekreasi Mendaki Bukit, Majlis Perpisahan Pegawai yang Bertukar, Bacaan Yaasin Mingguan dan Majlis Jamuan Akhir Tahun | Penyertaan daripada Semua Warga Bahagian PP |

**RINGKASAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021:**

- **15** BAHAGIAN PP
- **62** CAW PERANCANGAN
- **27** CAW PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
- **19** CAW KOMPETENSI KERJA SOSIAL
- **59** CAW PEMBANGUNAN FIZIKAL
- **180** JUMLAH PROGRAM AKTIVITI

**SEKTOR** STRATEGIK

# **BAHAGIAN DASAR** DAN HUBUNGAN ANTARABANGSA

## PENGENALAN

Bahagian ini menyelaras semakan, pindaan dan gubalan akta, peraturan dan kaedah di bawah bidang kuasa Jabatan di samping menjalankan advokasi kepada warga Jabatan, agensi kerajaan, kumpulan sasar dan orang awam mengenai perkhidmatan dan program Jabatan.

Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk merancang, menyelaras, memantau, mengurus dan bertindak balas terhadap isu, aktiviti, program, tindakan serta komitmen yang berkaitan dengan kerjasama di peringkat antarabangsa serta dasar yang didokong oleh Jabatan. Bahagian ini terdiri daripada empat (4) cawangan seperti berikut:



**CAWANGAN KERJA SOSIAL**



**CAWANGAN KANAK-KANAK**



**CAWANGAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)**



**CAWANGAN WARGA EMAS**





# PERUNDANGAN DAN AKTA-AKTA LAIN YANG BERKAITAN DENGAN BIDANG KUASA JKM

- PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, JADUAL KESEMBILAN, SENARAI III-SENARAI BERSAMA
- AKTA PENGANGKATAN 1952
- AKTA PENDAFTARAN PENGANGKATAN 1952
- AKTA KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN 2006)
- AKTA ANTIPEMERDAGANGAN ORANG DAN ANTIPENYELUDUPAN MIGRAN 2007
- AKTA KETERANGAN SAKSI KANAK-KANAK 2007
- AKTA KAUNSELOR 1998
- PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (NO.2) 2013



# PERATURAN

01 *Peraturan-peraturan Pusat Jagaan 1994*

02 *Peraturan-peraturan Pusat Jagaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2011*

03 *Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak (Pengkompaunan Kesalahan) 2011*

04 *Peraturan-peraturan Taman Asuhan Kanak-kanak 2012*

05 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Borang Dan Daftar Ditetapkan) 2007*

06 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Orang Yang Layak Dan Sesuai) 2009*

07 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Orang Yang Layak Dan Sesuai) 2017*

08 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pembantu Pelindung) 2017*

09 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pasukan Pelindungan Kanak-kanak Dan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak) 2017*

10 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017*

11 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Asrama Akhlak) 2017*

12 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Sekolah Diluluskan) 2017*

13 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Tempat Selamat) 2017*

14 *Peraturan-peraturan Kanak-kanak (Tempat Perlindungan) 2017*

15 *Peraturan-peraturan Keganasan Rumahtangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018*

## KAEDAH

01 Kaedah-Kaedah Bagi Pusat-Pusat Pemulihan Cacat Akal 1977

02 Kaedah-Kaedah Pengurusan Rumah Pesakit Melarat 1978

03 Kaedah-Kaedah Woksyop Terlindung 1979

04 Kaedah-Kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-Orang Papa 1981

05 Kaedah-Kaedah Woksyop Terlindung 1979

## DASAR

01 Dasar Kebajikan Masyarakat Negara 1990

02 Dasar Orang Kurang Upaya 2007

03 Dasar Kanak-kanak Negara 2009

04 Dasar Perlindungan Kanak-kanak Negara 2009

05 Dasar Warga Emas Negara 2011



## KOMITMEN ANTARABANGSA

01 *Sustainable Development Goals (SDG)*

02 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak *(Convention on the Rights of the Child – CRC)*

03 Konvensyen Mengenai Hak OKU *(Convention on the Rights of Persons with Disabilities – CRPD)*

04 *Madrid international Plan of Action on Ageing (MIPAA)*

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### MALAM APRESIASI PEKERJA SOSIAL SEMPENA SAMBUTAN HARI KERJA SOSIAL SEDUNIA 2021

Malam Apresiasi Pekerja Sosial Sempena Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2021 telah diadakan pada **16 Mac 2021** di Hotel Marriot, Putrajaya. Majlis ini diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia 2021 dengan tema Saya di Sini Kerana Kita – Memperkukuhkan Solidariti Sosial dan Keterhubungan Global atau *I Am Because We Are-Strengthening Social Solidarity & Global Connectedness.*

Malam Aspresiasi Sempena Sambutan Hari Kerja Sosial Sedunia Tahun 2021 diadakan buat julung kali bagi meraikan dan menghargai pekerja sosial yang telah menyumbang khidmat bakti kepada pembangunan profesionalisme kerja sosial dan mengharumkan nama Negara sehingga ke peringkat Antarabangsa.

Perasmian majlis tersebut telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Rina Mohd Harun Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada majlis sambutan tersebut juga, empat (4) anugerah kepada Tokoh dan Ikon Pekerja Sosial iaitu:

i. Anugerah Tokoh Pekerja Sosial Sepanjang Zaman;
ii. Anugerah Ikon Global Kerja Sosial;
iii. Anugerah Ikon Komuniti Kerja Sosial; dan
iv. Anugerah Ikon Akademia Kerja Sosial

Majlis tersebut dihadiri oleh seramai 200 orang yang terdiri daripada warga Jabatan Kebajikan Masyarakat, warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Pertubuhan Bukan Kerajaan, ahli akademik dan sukarelawan.




Yang Berhormat Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyampaikan ucapan perasmian




Penerima anugerah Tokoh Pekerja Sosial Sepanjang Zaman, Dato' Dr. Abdullah Malim Baginda




Penerima Anugerah Ikon Global Kerja Sosial, Datuk Sayed A. Rahman Bin Sayed Mohd




Penerima Anugerah Ikon Akademia Kerja Sosial, Profesor Dr. Azlinda binti Azman




Penerima Anugerah Ikon Kerja Sosial Komuniti, Dato' Hajah Shamsiah Binti Abd Rahman

## JERAYAWARA RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KERJA SOSIAL

Memorandum Jemaah Menteri bertajuk "Meningkatkan Profesionalisme Dalam Bidang Kerja Sosial" telah diluluskan pada 23 April 2010. Perkara-perkara yang dipersetujui dalam memorandum tersebut termasuklah penggubalan Akta Profesion Kerja Sosial bagi menjamin dan mengawal tahap profesionalime pekerja sosial.

RUU PKS telah melalui proses gubalan dan pindaan hasil daripada keputusan dan resolusi beberapa siri bengkel yang diadakan sejak permulaan usaha (*inception*) pada 27 Januari 2017. Pelbagai usaha telah giat dijalankan bagi memastikan RUU PKS dapat dibentangkan di Parlimen dan seterusnya dapat dikuatkuasakan.

Sebagai salah satu usaha untuk menyebar luas maklumat dan perkembangan penyediaan PUU PKS kepada pegawai dan kakitangan JKM di seluruh negara, jerayawara RUU PKS dijalankan dengan objektif seperti berikut:

i. Memberi penerangan tentang keperluan dan rasional RUU PKS digubal dan diperkenalkan;
ii. Memberi penjelasan dan pemahaman kepada pegawai serta kakitangan JKM, PKMD dan institusi berkaitan persediaan apabila RUU PKS dikuatkuasakan kelak; dan
iii. Mendapatkan komitmen dan *engagement* pegawai serta kakitangan JKM bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dan penguatkuasaan akta kelak.

Jerayawara ini telah dilaksanakan secara bersemuka sejak 2018 dan melibatkan pegawai dan kumpulan pelaksana di seluruh negara. Bagi tahun 2021 dan selari dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa, jerayawara ini telah diadakan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom.

Pelaksanaan jerayawara dalam talian melibatkan tiga (3) buah negeri seperti berikut:

| BIL | TARIKH | NEGERI | BILANGAN PESERTA |
|---|---|---|---|
| 1 | 27 Ogos 2021 | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis | 41 orang |
| 2 | 15 September 2021 | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang | 74 orang |
| 3 | 23 September 2021 | Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sembilan | 119 orang |

## ANALISIS PEGAWAI MENGHADIRI PERSIDANGAN/BENGKEL/LAWATAN/MESYUARAT ANTARABANGSA SECARA DALAM TALIAN TAHUN 2021

### Statistik Keseluruhan 2021

| Tahun | Jumlah Pencalonan | Jumlah Diluluskan/ Hadir |
|---|---|---|
| 2021 | 45 | 41 |
| **Jumlah** | **45** | **41** |

## Pecahan mengikut kekerapan (2021):



***Persidangan/ Seminar***
**30%**



***Bengkel***
**30%**



***Mesyuarat***
**20%**



***Perbincangan***
**20%**

**Analisis Keseluruhan Tahun 2021**

Bilangan pegawai menghadiri persidangan, seminar, bengkel, mesyuarat dan perbincangan mengikut gred

| Gred | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 41 – 44 | 13 | 29 |
| 48 | 11 | 24 |
| 52 | 16 | 36 |
| 54 | 5 | 11 |
| JUSA C dan ke atas | 0 | 0 |
| **Jumlah kehadiran** | **45** | **100** |

**Persidangan Parlimen Bagi Mesyuarat Pertama, Penggal Ketiga, Parlimen Keempat Belas Tahun 2021**

## Statistik Pertanyaan Dewan Rakyat Tahun 2021

| Kementerian/Agensi | Bilangan | % |
|---|---|---|
| BDPS | 20 | 20% |
| LPPKN | 03 | 03% |
| ISM | 01 | 01% |
| LK | 08 | 07% |
| JKM | 55 | 55% |
| JPW | 09 | 09% |
| YKN | 01 | 01% |
| UKK | 04 | 04% |
| JUMLAH PERTANYAAN | 101 | 100% |

## Statistik Pertanyaan Dewan Negara Tahun 2021

| Kementerian/Agensi | Bilangan | % |
|---|---|---|
| BDPS | 14 | 18% |
| LPPKN | 12 | 16% |
| ISM | 01 | 01% |
| LK | 02 | 03% |
| JKM | 33 | 44% |
| JPW | 12 | 16% |
| YKN | 0 | 0% |
| UKK | 02 | 03% |
| JUMLAH PERTANYAAN | 76 | 100% |

## Persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara Tahun 2021

### Taburan Pertanyaan Parlimen Bagi Tahun 2021

| Bahagian | Lisan | Bukan Lisan |
|---|---|---|
| JPOKU | 9 | 1 |
| KANAK-KANAK | 17 | 7 |
| Kebajikan Produktif | 19 | 7 |
| Warga Emas | 5 | 0 |
| Perundangan dan Penguatkuasaan | 10 | 7 |
| Komuniti | 1 | 3 |
| Kaunseling | 0 | 0 |
| Dasar & Hubungan Antarabangsa | 1 | 1 |

**JUMLAH KESELURUHAN 88**

### Taburan Pertanyaan Mengikut Bahagian di JKM

### Dewan Rakyat 2021

| BIL | BAHAGIAN | BILANGAN | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | JPOKU | 5 | 8 |
| 2 | Kanak-Kanak | 16 | 29 |
| 3 | Kebajikan Produktif | 19 | 33 |
| 4 | Warga Emas | 2 | 4 |
| 5 | Perundangan dan Penguatkuasaan | 11 | 20 |
| 6 | Komuniti | 1 | 2 |
| 7 | Dasar & Hubungan Antarabangsa | 2 | 4 |
| **JUMLAH PERTANYAAN** | | **57** | **100** |

| BIL | BAHAGIAN | BILANGAN | PERATUS (%) |
|---|---|---|---|
| 1 | JPOKU | 5 | 17 |
| 2 | Kanak-Kanak | 7 | 24 |
| 3 | Kebajikan Produktif | 8 | 28 |
| 4 | Warga Emas | 1 | 3 |
| 5 | Perundangan dan Penguatkuasaan | 6 | 21 |
| 6 | Komuniti | 2 | 7 |
| **JUMLAH PERTANYAAN** | | **29** | **100** |

**Senarai Kekerapan Pertanyaan Melibatkan JKM Berdasarkan Topik/Isu**

1. Bantuan kepada kanak-kanak bagi ibu bapa yang meninggal disebabkan COVID-19
2. Bakul Makanan/bantuan kepada masyarakat semasa PKP
3. Keganasan rumahtangga semasa PKP
4. Bantuan kewangan dan penamatan bantuan kewangan
5. Bantuan dan perkhidamatan kepada OKU
6. Pemantauan Pusat Jagaan semasa PKP
7. Vaksinasi kepada penghuni pusat jagaan

**Bengkel Penyediaan Input Akta Orang Papa 1977**

Bengkel Penyediaan Input Akta Orang Papa 1977 telah diadakan pada **28 Oktober 2021** secara dalam talian bermula jam 8.30 pagi hingga 1.30 petang.

Objektif bengkel ini adalah seperti berikut:

i. Memberi penjelasan kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tentang keperluan dan rasional kaji semula Akta Orang papa 1977 (AOP 1977);

ii. Menyemak semula peruntukan-peruntukan sedia ada sebagai usaha penambahbaikan dalam menangani isu-isu semasa yang berkaitan;

iii. Mendapatkan maklum balas tentang kelemahan dan kekurangan AOP 1977 yang dikenal pasti semasa urusan penguatkuasaan di lapangan; dan

iv. Mendapatkan input, menilai dan mengkaji kesesuaian pindaan-pindaan berkaitan agensi teknikal yang terlibat demi menambah baik perkhidmatan.

Seramai 40 orang peserta terdiri daripada pegawai bertanggungjawab di Unit Perundangan dan Penguatkuasaan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian telah menghadiri bengkel tersebut.



Peserta bengkel sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh urus setia



Peserta bengkel memberikan input dan maklum balas berhubung cadangan pindaan dan penambahbaikan AOP 1977

**Bengkel Semakan Semula Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah yang Berkaitan**

Selari dengan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 - 2022 dan Perancangan Strategik Jabatan Kebajikan Masyarakat 2021 - 2025, Jabatan komited memperkasakan OKU melalui semakan Akta OKU 2008 dengan mengambil kira cadangan dan pandangan yang dikemukakan oleh pegawai pelaksana, kumpulan sasar (OKU) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkaitan OKU.

Bagi memenuhi keperluan di bawah Seksyen 43(2)(d) dan (e) Akta OKU 2008, Jabatan telah melaksanakan usaha-usaha menyemak semula Kaedah-Kaedah Woksyop Terlindung 1979 dan Kaedah-kaedah Bagi Pusat-pusat Pemulihan Cacat Akal 1977 menerusi penganjuran bengkel dalam talian. Bengkel ini juga bertujuan untuk mendapatkan input bagi pembangunan Peraturan-Peraturan Pusat Pembangunan Kerjaya Bagi Orang Kurang Upaya 2022 selari dengan semakan Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar di institusi OKU.

Sepanjang tahun 2021, sembilan (9) siri libat urus telah diadakan melibatkan pegawai-pegawai dari ibu pejabat, JKMN, PKMD dan insitusi serta beberapa buah Pertubuhan Bukan Kerajaan yang memberikan perkhidmatan kepada OKU.




Bengkel Semakan Kaedah-kaedah Woksyop Terlindung 1979 Siri 1, Siri 2 dan Siri 3/2021




Bengkel Semakan Kaedah-kaedah Bagi Pusat-Pusat Pemulihan Cacat Akal 1977
Siri 1, Siri 2 dan Siri 3/2021




Bengkel Semakan Kaedah-kaedah Bagi Pusat-Pusat Pemulihan Cacat Akal 1977 Siri 1, 2 dan 3/2021




Bengkel Peraturan-peraturan Orang Kurang Upaya
(Pusat Pembangunan Kerjaya 2022) Siri 1, 2 dan 3/2021



Bengkel Peraturan-peraturan Orang Kurang Upaya
(Pusat Pembangunan Kerjaya 2022) Siri 1, Siri 2 dan Siri 3/2021

### ***CONFERENCE OF STATES PARTIES TO THE CONVENTION ON THE RIGHTS OF PERSONS WITH DISABILITIES***

Malaysia dan negara-negara ASEAN menyokong agenda penting *Conference Of States Parties To The Convention On The Rights Of Persons With Disabilities* yang telah diadakan di Ibu Pejabat Bangsa-bangsa Bersatu New York Amerika Syarikat pada **15-17 Jun 2021** yang lalu. Di antara agenda penting dalam persidangan tersebut adalah:

i. Memperkasakan OKU melalui konsep inklusiviti dan kerjasama secara kolektif;

ii. Memberi hak dan peluang kepada OKU untuk menyertai pelbagai program yang melibatkan mereka;

iii. Malaysia dan negara ASEAN menyokong UNCRPD melalui pelaksanaan ASEAN *Enabling Master Plan* yang diadaptasi dari *Bali Declaration*; dan

iv. Menyemak semula perundangan dan polisi yang melibatkan OKU khususnya Akta Orang Kurang Upaya 2008 dan Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 – 2022.



*14th Conference of States Parties to the Convention on the Rights of Persons With Disabilities COSP14, 15-17 June 2021*




*Mr. Zhenmin Liu, Under-Secretary-General of the United Nations Department of Economic and Social Affairs and Temporary Chair*




*H.E. Mr. Jukka Salovaara, President of the Conference and Ambassador and Permanent Representative of Finland*



*H.E. Mr. Volkan Bozkir, President of the General Assembly*



*Ms. Rosemary Kayess, Chairperson of the Committee on the Rights of Persons With Disabilities*



*Mr. Gerard Quinn, Special Rapporteur on the Rights of Persons With Disabilities*



*Ms. Maria Soledad Cisternas, Special Envoy on Disability and Accessibility*

**SEKTOR** STRATEGIK

# BAHAGIAN
KAWALAN
STANDARD

## PENGENALAN

Bahagian Kawalan Standard bertanggungjawab terhadap pelaksanaan inspektorat, pengurusan kualiti, inovasi, penyelarasan dan keurusetiaan mesyuarat utama Jabatan serta dokumentasi dan penerbitan Jabatan agar perkhidmatan yang diberikan cekap, teratur dan berkesan. Bahagian ini terdiri daripada lima (5) Cawangan seperti berikut:




## CAWANGAN INSPEKTORAT

### A. Inspektorat

Cawangan ini bertanggungjawab melaksanakan pemantauan Inspektorat Jabatan. Tujuan pemantauan Inspektorat diwujudkan adalah untuk melaksanakan dan memperluaskan elemen kawalan dalaman bagi memastikan perkhidmatan dilaksanakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan tertinggi jabatan.

### Objektif

- Meningkatkan standard dan kualiti perkhidmatan kebajikan sebagai penandaarasan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat;
- Membangun dan memperkasakan budaya kerja yang efisien;
- Menilai dan menginteprestasi konsep penghargaan dan pengiktirafan; dan
- Melaksanakan sistem kawalan dalaman dalam pengurusan perkhidmatan jabatan

### 1. Kursus Pemantapan Inspektorat Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak JKM (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 9 Hingga 11 Februari 2021

### Objektif

o Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran asas Pegawai Inspektorat dalam pelaksanaan Inspektorat Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak JKM;

o Merancang dan menambah baik teknik, kaedah dan pelaporan bagi pelaksanaan Inspektorat Perkhidmatan Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak JKM yang sistematik dan berkesan; dan

o Meningkatkan dan menambah baik kualiti pelaksanaan Inspektorat Perkhidmatan Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak JKM dI institusi dan negeri.







Kursus Pemantapan Inspektorat Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak JKM

## 2. Kursus Pemantapan Inspektorat Kerja Sosial (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 20 Hingga 21 April 2021

**Objektif**

- Memberi kesedaran kepada kakitangan tentang inisiatif-inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan dalam usaha meningkatkan profesionalisme bidang kerja sosial;
- Memberi pendedahan dan bimbingan kepada Pasukan Inspektorat berkaitan pelaksanaan Inspektorat kerja Sosial; dan
- Mendapatkan sumbang saran daripada peserta kursus untuk penambahbaikan terhadap program dan inisiatif-inisiatif bidang kerja sosial di JKM.






Kursus Pemantapan Inspektorat Kerja Sosial

### 3. Projek Rintis Inspektorat Kerja Sosial

- **Tarikh:** April Hingga November 2022
- **Lokasi:** 3 PKMD dan 3 Institusi Kanak-Kanak

**Objektif**

- Memantau status pelaksanaan amalan kerja sosial di JKM;
- Membimbing dan memberi nasihat mengenai pelaksanaan amalan berdasarkan garis panduan yang telah disediakan; dan
- Menilai dan mencadangkan penambahbaikan terhadap amalan kerja sosial.


RINGKASAN EKSEKUTIF

- Semua lokasi memperolehi markah penarafan 3 bintang iaitu memuaskan (memerlukan penambahbaikan dan pemantauan).
- Markah tertinggi adalah PKMD Klang, Selangor iaitu 76.1 manakala markah terendah adalah PKMD Kluang, Johor iaitu 71.6.

| BIL | PEJABAT | PEMARKAHAN MENGIKUT DOMAIN | | | | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Dokumen D1 | Latihan D2 | Penyeliaan D3 | Laporan D4 | PERATUS | PENARAFAN BINTANG |
| 1 | STB Sg. Besi | 10.1 | 11.3 | 23.2 | - | 71.9 | 3 |
| 2 | PKMD Klang | 12.9 | 12.0 | 22.3 | - | 76.1 | 3 |
| 3 | PKMD Sepang | 14.0 | 11.4 | 20.1 | 26.8 | 72.3 | 3 |
| 4 | PPKK Serendah | 12.2 | 14.0 | 20.8 | 27.4 | 74.4 | 3 |
| 5 | PKMD Kluang | 13.4 | 13.2 | 19.5 | 25.5 | 71.6 | 3 |
| 6 | AA (L) Kempas | 14.0 | 10.4 | 23.3 | 26.3 | 74.0 | 3 |



| BIL | PEJABAT | MARKAH |
|---|---|---|
| 1 | PKMD Klang | 76.1 |
| 2 | PPKK Serendah | 74.4 |
| 3 | AA (L) Kempas | 74.0 |
| 4 | PKMD Sepang | 72.3 |
| 5 | STB Sg. Besi | 71.9 |
| 6 | PKMD Kluang | 71.6 |

Analisis Keseluruhan Projek Rintis Inspektorat Kerja Sosial



Projek Rintis Inspektorat Kerja Sosial

### B. *Mystery Shopping*

*Mystery Shopping* merupakan kaedah untuk mengukur kualiti perkhidmatan atau pematuhan peraturan dan boleh juga digunakan untuk mengumpul maklumat tertentu mengenai produk dan perkhidmatan. Ianya dibuat secara mengejut tanpa memaklumkan tarikh sebenar kepada pejabat yang terlibat. Ianya juga bertujuan untuk membuat penilaian ke atas standard kualiti perkhidmatan sesebuah organisasi dari perspektif pelanggan. Kaedah

ini memberi peluang kepada Jabatan untuk mendapat maklum balas menerusi pengalaman sebenar pelanggan bagaimana sesuatu perkhidmatan itu disampaikan.

**Objektif**

- o Memastikan semua Pegawai dan Kakitangan JKM di semua peringkat sama ada di Ibu Pejabat JKM, JKMN, PKMD/J/B dan Institusi sentiasa memberikan tahap perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan memenuhi standard kualiti yang ditetapkan sepanjang masa mengikut PKPA 1/2008; dan

- o Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sistem pengurusan perkhidmatan pelanggan yang telah dilaksanakan di peringkat Ibu Pejabat JKM, JKMN, PKMD/J/B dan Institusi untuk tujuan cadangan penambahbaikan perkhidmatan pelanggan.

### 1. *Mystery Shopping* Perkhidmatan Pelanggan dan Perkhidmatan Institusi Kanak-Kanak

- ➢ **Tempoh:** September Hingga Disember 2022
- ➢ **Lokasi:** 10 PKMD dan 10 Institusi Kanak-Kanak

| BIL | INSTITUSI | PENCAPAIAN | |
|---|---|---|---|
| | | MARKAH | PENARAFAN (BINTANG) |
| 1 | PPKK Serendah | 99.32 | 5 |
| 2 | STB Sg Lereh | 100.00 | 5 |
| 3 | AA Bukit Baru | 99.32 | 5 |
| 4 | RKK Rembau | 100.00 | 5 |
| 5 | RKK Tengku Budriah, Cheras | 99.32 | 5 |
| 6 | TSP Cheras | 100.00 | 5 |
| 7 | AA Kempas | 95.15 | 5 |
| 8 | RKK Mini Ulu Tiram | 96.59 | 5 |
| 9 | TSP Batu Gajah | 99.32 | 5 |
| 10 | STB Jerantut | 99.33 | 5 |

10 lokasi *Mystery Shopping* Institusi Kanak-kanak beserta markah yang diperolehi




10 lokasi di 6 buah negeri Mystery Shopping Pengurusan Perkhidmatan Pelanggan beserta markah yang diperolehi




*Mystery Shopping* Pengursan Perkhidmatan Pelanggan dan Perkhidmatan Institusi Kanak-kanak

## 2. Kursus Kejurulatihan Tenaga Pengajar Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan *(Weserve)*

- **Tarikh:**18, 22, 25, 27 dan 28 Oktober 2021

**Objektif**

- Memperkasakan kemahiran modal insan serta perkongsian amalan-amalan yang terbaik kepada tenaga pengajar tentang pelaksanaan budaya perkhidmatan pelanggan yang cemerlang;
- Memberi pentauliahan kepada tenaga pengajar untuk menjadi *Champion* dalam pengurusan perkhidmatan pelanggan berteraskan *WeServe*; dan
- Mengubah pemikiran dan *mindset* petugas barisan hadapan agar dapat menjayakan pelaksanaan Budaya Perkhidmatan Pelanggan yang cemerlang



Seramai 17 orang Tenaga Pengajar Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan (*WeServe*) telah dilantik

## C. Pelaksanaan Sistem Penilaian Kepuasan Pelanggan (eRating)

eRating merupakan satu kemudahan yang disediakan oleh MAMPU bagi agensi-agensi kerajaan menerima maklum balas secara elektronik dan berpusat daripada pelanggan agensi bagi perkhidmatan yang diberikan di kaunter. Perluasan pelaksanaan eRating ke seluruh pejabat JKM bermula Oktober 2022.






Penggunaan sistem eRating

## CAWANGAN PENYELARASAN DAN KEURUSETIAAN

### KEURUSETIAAN MESYUARAT TAHUN 2021

| BIL | MESYUARAT/PROGRAM | TARIKH | TEMPAT MESYUARAT |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 01/2021 | 19 Januari 2021 | Secara dalam talian |
| 2 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 02/2021 | 8 Mac 2021 | Bilik Mesyuarat Jati Aras 18, JKM |
| 3 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 03/2021 | 19 April 2021 | Bilik Mesyuarat Jati Aras 18, JKM |
| 4 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 04/2021 | 10 Jun 2021 | Secara dalam talian |
| 5 | Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil 01/2021 | 28-29 Jun 2021 | Secara dalam talian |
| 6 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 05/2021 | 12 Julai 2021 | Secara dalam talian |
| 7 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 06/2021 | 16 Ogos 2021 | Secara dalam talian |
| 8 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 07/2021 | 11 Oktober 2021 | Secara dalam talian |
| 9 | Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil 02/2021 | 14-15 November 2021 | Bilik Comprador II & III, Hotel Avillion Admiral Cove, Port Dickson |
| 10 | Mesyuarat Ketua Bahagian Bil. 08/2021 | 10 Disember 2021 | Secara dalam talian |



Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil 1/2021







Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil 2/2021

## CAWANGAN KUALITI

## LAPORAN AKTIVITI DI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Kursus Pembangunan dan Penambahbaikan SPK ISO 9001:2015 (Dalam Talian) & Bengkel Penyemakan Dokumen Kualiti ISO 9001:2015 JKM

- **Tarikh:** 5 – 8 Julai 2021
- **Peserta:** 184 orang

Bahagian Kawalan Standard (Cawangan Kualiti), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan dua program iaitu Kursus Pembangunan dan Penambahbaikan SPK ISO 9001:2015 dan Bengkel Penyemakan Dokumen Kualiti ISO 9001:2015 JKM. Kedua-dua program ini telah dijalankan serentak pada tarikh yang sama dengan mengundang Encik Ooi Soo Kang yang merupakan pengarah CI International Sdn. Bhd untuk memberikan taklimat, pendedahan dan pengetahuan mengenai pelaksanaan audit dalaman dan pembangunan prosedur baharu mengikut keperluan MS ISO 9001:2015.

### Output Program

i. Sebagai salah satu platform bagi meningkatkan kefahaman dan pengetahuan peserta mengenai pelaksanaan audit dalaman dan pembangunan prosedur baharu mengikut keperluan MS ISO 9001:2015 secara dalam talian yang boleh melibatkan hampir 250 peserta dalam satu-satu masa dan di mana sahaja peserta berada;

ii. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang merangkumi perkongsian pengalaman/maklumat/idea mengenai pelaksanaan dan cara kerja di lapangan; dan

iii. Memberi pendedahan, latihan dan kemahiran untuk melaksanakan audit dalaman, proses-proses audit dalaman, cara menjawab borang tindakan pembetulan, catatan dalam nota audit, penulisan pindaan prosedur dan teknik pembacaan manual prosedur.

Keseluruhannya, program ini akan dapat memberi satu impak yang positif terhadap diri peserta-peserta kerana melalui proses pembelajaran secara maya, peserta boleh lebih fokus untuk meneliti setiap pembelajaran yang disampaikan oleh penceramah yang berpengalaman luas. Program ini dapat memberikan manfaat kepada hampir 250 peserta dari pelbagai lokasi di Malaysia termasuklah Sabah dan Sarawak.

Peserta program ini juga akan diberikan tugasan berkumpulan mengikut negeri masing-masing dan hasil perbincangan akan dibentangkan kemudian. Akhirnya, bengkel ini dapat meningkatkan kefahaman peserta terhadap pelaksanaan proses audit dalaman dan pendedahan terhadap pembangunan prosedur kualiti mengikuti keperluan standard ISO 9001:2015.




Seramai 184 orang peserta dari seluruh negara terlibat dengan kursus ini

### 2. Bengkel Pembangunan dan Penambahbaikan SPK ISO 9001:2015 Siri 1/2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 13 – 16 Julai 2021
- **Peserta:** 28 Orang

Bahagian Kawalan Standard (Cawangan Kualiti), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Bengkel Pembangunan dan Penambahbaikan SPK ISO 9001:2015. Bengkel ini telah disertai 28 orang peserta yang terdiri daripada Bahagian Kanak-kanak, Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat, Bahagian Kawalan Standard dan pegawai-pegawai lapangan yang terpilih sama ada di peringkat negeri ataupun institusi kanak-kanak.

Tujuan bengkel ini dilaksanakan adalah untuk membuat semakan dan penambahbaikan ke atas prosedur kualiti sedia ada dan membangunkan prosedur baharu mengikut keperluan semasa Jabatan berkaitan institusi kanak-kanak dan perintah khidmat masyarakat kanak-kanak.

### Output Program

i. Sebagai salah satu platform yang digunapakai bagi membincangkan pembangunan dan penambahbaikan prosedur sedia ada kepada prosedur baharu mengikut keperluan MS ISO 9001:2015; dan

ii. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mendapatkan maklum balas, idea dan maklumat semasa melaksanakan program ini.

Keseluruhannya, program ini akan dapat memberi satu impak yang positif ke atas kelancaran pembangunan dan penambahbaikan prosedur sedia ada. Bengkel ini dilaksanakan menggunakan strategi "*break-out room*" untuk memberikan keselesaan dan kemudahan para peserta untuk duduk berbincang bersama mengikut kumpulan masing-masing dengan lebih berfokus secara dalam talian dan kemudian hasil perbincangan tadi akan dibentangkan untuk mendapatkan kata sepakat dan keputusan/rumusan muktamad.



Peserta bengkel mendengar pembentangan daripada kumpulan

**3. Mesyuarat Penyelarasan SPK ISO 9001:2015 JKM (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 11 Ogos 2021
- **Peserta:** 17 orang

Mesyuarat ini diadakan untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan pelaksanaan SPK seperti audit dalaman, tindakan pembetulan, kajian semula pengurusan dan senarai semak budaya kualiti. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Hajah Wan Zarina binti Wan Salleh, Pengarah Bahagian Kawalan Standard.

**Output Program**

i. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP); dan

ii. Satu platform untuk pembentangan laporan audit bagi setiap negeri, membincangkan perkara-perkara/isu berbangkit yang melibatkan standard ISO dan medium dalam menerima maklum balas/maklumat dari semua penyelaras negeri.

Mesyuarat yang dijalankan ini adalah salah satu platform untuk terus berhubung ("*keep in touch*") bersama Penyelaras Kawalan Standard Negeri dalam memupuk budaya kualiti di kalangan pegawai JKM, perkongsian ilmu, menyebar luas maklumat-maklumat terkini berkaitan keperluan standard ISO 9001:2015 dan maklum balas kepada isu-isu berbangkit.



Mesyuarat dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kawalan Standard

**4. Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 JKM Tahun 2021 (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 20 - 23 September 2021

Tujuan bengkel ini dianjurkan adalah lanjutan dari bengkel yang telah diadakan pada 5 - 8 Julai 2021 (Bengkel Audit Dalaman SPK ISO 9001:2015 JKM) yang lalu bagi memantapkan lagi pengetahuan dan kefahaman para peserta dalam Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015. Antara topik-topik yang dibincangkan adalah Pengurusan Risiko (penentuan isu-isu dalaman dan luaran, analisa SWOT, analisa punca akar umbi, penilaian risiko, penentuan tindakan untuk menangani risiko dan peluang), Tindakan Pembetulan, Penetapan Objektif Kualiti, Analisa Data, Penambahbaikan dan Pengemaskinian Prosedur. Bengkel ini telah disertai oleh semua pegawai di setiap peringkat sama ada di Ibu pejabat, JKMN, PKMD mahupun Institusi. Manakala penceramah jemputan sepanjang bengkel berlangsung adalah Tuan Ooi Soo Kang, Pengarah CI International Certification Sdn. Bhd.

**Output Program**

i. Sebagai salah satu platform yang digunapakai untuk perkongsian ilmu dan pengajaran dalam topik-topik yang berkaitan dengan keperluan MS ISO 9001:2015 dan prosedur-prosedur JKM; dan

ii. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk perkongsian ilmu, kefahaman dan pembelajaran secara dalam talian.

Keseluruhannya, program ini dapat memberi satu impak yang positif ke arah pembudayaan kualiti kerja yang lebih bermutu tinggi di kalangan warga JKM. Antara strategi yang digunakan semasa bengkel ini dilaksanakan ialah penggunaan *break-out room* dan aplikasi *google meet* untuk memberikan keselesaan dan kemudahan para peserta untuk duduk berbincang bersama mengikut kumpulan masing-masing dengan lebih berfokus. Hasil perbincangan seterusnya dibentangkan di layar utama untuk mendapatkan maklum balas daripada penceramah serta dibincangkan bersama para peserta lain.



Peserta tekun mendengar penerangan daripada Pengarah Ci International Certification Sdn. Bhd.

### 5. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 Perkhidmatan Bantuan Kewangan JKM Tahun 2020 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 12 Oktober 2021
- **Peserta:** 25 Orang

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perkhidmatan Bantuan Kewangan. Mesyuarat ini juga membentangkan laporan pelaksanaan SPK ISO 9001:2015 Perkhidmatan Bantuan Kewangan bagi tahun 2020 mengikut agenda yang ditetapkan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik).

**Output Program**

i. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat semasa melaksanakan program ini; dan

ii. Perlaksanaan Kajian Semula Pengurusan merupakan satu keperluan di bawah klausa 9.3.2 dalam standard ISO 9001:2015. Mesyuarat diadakan bagi membolehkan Pengurusan Tertinggi Jabatan mengetahui dan menilai tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti yang telah dilaksanakan di peringkat institusi-institusi kanak-kanak keseluruhannya. Selain itu juga bagi memastikan ianya bersesuaian, berterusan dan boleh dilaksanakan sejajar dengan perancangan strategik jabatan.

Secara keseluruhannya, mesyuarat yang dijalankan dapat memberikan satu keputusan dan tindakan yang lebih baik selepas meneliti setiap input dan output/data-data yang dibentangkan oleh setiap negeri. Ini bagi memastikan keperluan standard ISO 9001:2015 dipenuhi di samping memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.



Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Rosmahwati binti Ishak (TKPS)

## 6. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2015 Perkhidmatan Institusi Kanak-kanak JKM Tahun 2019 & 2020 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 13 Oktober 2021
- **Peserta:** 55 Orang

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perkhidmatan Institusi Kanak-kanak JKM. Mesyuarat ini juga membentangkan laporan pelaksanaan SPK ISO 9001:2015 Perkhidmatan Institusi Kanak-kanak JKM bagi tahun 2019 dan 2020 mengikut agenda yang ditetapkan. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik).

**Output Program**

i. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mendapatkan maklum balas dan maklumat semasa melaksanakan program ini; dan

ii. Perlaksanaan Kajian Semula Pengurusan merupakan satu keperluan di bawah klausa 9.3.2 dalam standard ISO 9001:2015. Mesyuarat diadakan bagi membolehkan Pengurusan Tertinggi Jabatan mengetahui dan menilai tahap keberkesanan sistem pengurusan kualiti yang telah dilaksanakan di peringkat institusi-institusi kanak-kanak keseluruhannya. Selain itu juga bagi memastikan ianya bersesuaian, berterusan dan boleh dilaksanakan sejajar dengan perancangan strategik jabatan.

Secara keseluruhannya, mesyuarat yang dijalankan ini dapat memberikan satu keputusan dan tindakan yang lebih baik selepas meneliti setiap input dan output/data-data yang dibentangkan oleh setiap negeri. Ini bagi memastikan keperluan standard ISO 9001:2015 dipenuhi di samping memenuhi keperluan dan kepuasan pelanggan.





Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Rosmahwati binti Ishak (TKPS)

## 7. Bengkel Penambahbaikan Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) JKM Siri 2/2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 20 – 22 dan 26 Oktober 2021
- **Peserta:** 70 Orang

Bengkel ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Kanak-kanak, Bahagian Psikologi dan Kaunseling serta Bahagian Warga Emas. Bengkel ini dilaksanakan bagi menyemak dan menambah baik dokumen kualiti sedia ada atau yang sedang dibangunkan agar selaras dengan kehendak standard MS ISO 9001:2015 dan mengenal pasti proses-proses dalam dokumen kualiti sedia ada yang boleh dibuat perincian supaya senang dibuat rujukan.

### Output Program

i. Sebagai salah satu platform yang digunapakai bagi membincangkan pembangunan dan penambahbaikan prosedur sedia ada kepada prosedur baharu mengikut keperluan MS ISO 9001:2015; dan

ii. Merupakan satu medium interaksi yang digunapakai semasa musim Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam mendapatkan maklum balas, idea dan maklumat semasa melaksanakan program ini.

Keseluruhannya, program ini dapat memberi satu impak yang positif ke atas kelancaran pembangunan dan penambahbaikan prosedur sedia ada. Bengkel ini dilaksanakan menggunakan strategi *break-out room* untuk memberikan keselesaan dan kemudahan para peserta untuk duduk berbincang bersama mengikut kumpulan masing-masing dengan lebih berfokus. Hasil perbincangan seterusnya dibentangkan untuk mendapatkan kata sepakat dan keputusan/rumusan.








Peserta mendengar pembentangan daripada kumpulan

## CAWANGAN INOVASI

### 1. Sesi Ujian Produk Inovasi (Replikasi)

- **Tarikh:** 7-8 April 2021
- **Tempat:** PKMD Rompin dan DBD Mersing

Cawangan Inovasi, Bahagian Kawalan Standard telah menjalankan sesi ujian terhadap 2 produk inovasi yang dipilih iaitu *Spill-Not* dan *Client Tracking System* (CTS) pada 7 dan 8 April 2021. Encik Yahya bin Mat Khatib, Penolong Pengarah Cawangan Inovasi, Bahagian Kawalan Standard telah hadir ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Rompin, Pahang dan Desa Bina Diri Mersing, Johor pada kedua-dua tarikh tersebut bagi melihat dan menjalankan sesi ujian berkenaan.

*Spill-Not* merupakan inovasi yang dicipta bagi mengurangkan dan mengelakkan pembaziran makanan dan minuman. Produk ini direka khusus untuk digunakan bagi mengisi minuman atau makanan berkuah sebelum disajikan kepada penghuni institusi. Penggunaan alat ini dapat mengelakkan makanan atau minuman yang dibawa tertumpah dan sekaligus dapat mengelakkan pembaziran serta memudahkan kerja-kerja membawa dan mengagihkan makanan dan minuman.

Manakala *Client Tracking System* (CTS) pula merupakan satu sistem pengesanan lokasi rumah klien bagi memudahkan dan mempercepatkan perjalanan pegawai kes ke lokasi untuk urusan temubual dan sebagainya. Sistem ini menggunakan *QR Code* yang dijana dan mengandungi maklumat klien, bantuan yang diperolehi dan lokasi rumah klien. Sesi ujian telah dilakukan keatas beberapa rumah klien bagi melihat keberkesanan dan ketepatan sistem.





Wakil Cawangan Inovasi, Bahagian Kawalan Standard melihat sesi uji ujian produk inovasi

## 2. Bengkel Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 16-19 Ogos 2021
- **Tempat:** 75 Orang

Cawangan Inovasi telah menganjurkan Bengkel Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi tahun 2021. Bengkel ini telah dihadiri oleh seramai 75 peserta daripada semua negeri. Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peserta dan membantu mereka membentuk kumpulan KIK yang mantap samada di peringkat negeri, daerah mahupun institusi.

Para peserta bengkel ini telah didedahkan kepada kaedah, teknik dan proses mengenal pasti punca serta potensi dalam mencari idea baharu sekaligus meningkatkan pengetahuan mereka dalam pengurusan kumpulan KIK. Para peserta bengkel juga digalakkan untuk berkongsi cetusan dan percambahan idea-idea kreatif dan inovatif merangkumi perubahan sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja sedia ada serta pengenalan kepada teknologi baharu. Proses percambahan idea ini penting dalam penambahbaikan aspek kerja bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti perkhidmatan jabatan.

Bengkel ini telah berjaya memberi pengetahuan dan kefahaman kepada para peserta tentang budaya kreatif dan inovatif melalui kerja berpasukan untuk menghasilkan dokumentasi produk atau projek yang terbaik dan komprehensif.




Bengkel dihadiri oleh peserta dari seluruh negara

### 3. Hari Inovasi JKM Tahun 2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 28 Oktober 2021
- **Perasmi:** YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff
  Ketua Setiausaha KPWKM

Bahagian Kawalan Standard telah menganjurkan sambutan Hari Inovasi JKM Tahun 2021 pada 28 Oktober 2021 secara dalam talian. Majlis sambutan ini yang merupakan acara tetap kalendar tahunan JKM telah dirasmikan oleh YBhg. Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sambutan Hari Inovasi ini bertujuan memupuk budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan warga Jabatan ke arah prestasi kerja yang cemerlang. Ia juga merupakan platform kepada warga Jabatan di semua peringkat untuk berfikir secara kreatif bagi menghasilkan inovasi yang berimpak tinggi serta memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga Jabatan yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada kumpulan sasar Jabatan.

Sambutan pada tahun ini telah diisi dengan beberapa pengisian. Antaranya sesi forum yang telah disampaikan oleh dua (2) orang pakar dalam bidang inovasi dan teknologi daripada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) dan Malaysia Global Innovation Center (MAGIC), pembentangan oleh dua (2) pasukan Kreatif dan Inovatif yang telah memenangi Anugerah Emas Pertandingan Inovasi JKM 2020 iaitu Pasukan PKMD Rompin, Pahang dan Pasukan DBD Mersing, Johor serta Penyampaian Anugerah Khas Inovasi KPKM 2021 kepada dua (2) pasukan Kreatif dan Inovatif iaitu Pasukan PKMD Rompin, Pahang dan Pasukan DBD Mersing, Johor.










Antara pengisian sambutan Hari Inovasi JKM Tahun 2021

## CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN

Bahagian Kawalan Standard merupakan penyelaras bagi penerbitan bahan rujukan dan bacaan warga kerja JKM serta orang awam. Pada tahun 2021, sebanyak **27 penerbitan telah dihasilkan melibatkan kos sebanyak RM 251,500.00.**

**27 PENERBITAN**

| BUKU | e-BUKU | RISALAH |
|---|---|---|
| 14 | 5 | 8 |

### 1. Kursus Pembacaan Pruf Profesional JKM Tahun 2021

- **Tarikh:** 30 Jun hingga 1 Julai 2021
- **Tempat:** Dalam Talian

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan telah menganjurkan Kursus Pembacaan Pruf Profesional Jabatan Kebajikan Masyarakat Tahun 2021. Tujuan utama kursus ini dianjurkan adalah untuk memberi pendedahan kepada kaedah, teknik dan proses pembacaan pruf, meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan simbol dan kod pruf dan memberi pengetahuan dan kefahaman peserta tentang kaitan spesifikasi buku, reka letak buku dengan pembacaan pruf.

Keseluruhannya, program ini memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada semua pegawai yang terlibat berkaitan kaedah, teknik dan proses pembacaan pruf khususnya kepada pembaca pruf. Kursus ini juga dapat meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan simbol dan kod pruf dan seterusnya dapat mengenalpasti kesalahan-kesalahan yang berlaku semasa proses pembacaan pruf.



Antara peserta yang mengikuti Kursus Pembacaan Pruf Profesional JKM Tahun 2021

## 2. Kursus Penulisan Dokumen Rasmi (Memo dan Surat Rasmi)

- **Tarikh:** 22 – 23 September 2021
- **Tempat:** Dalam Talian

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan telah menganjurkan Kursus Penulisan Dokumen Rasmi (Memo dan Surat Rasmi) Tahun 2021. Tujuan utama kursus ini dianjurkan adalah untuk memberi kefahaman dan pengetahuan dalam penulisan dokumen rasmi khususnya memo dan surat, meningkatkan kemahiran serta menambah kecekapan pegawai dan kakitangan dalam penulisan memo dan surat rasmi dan juga melatih warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mempraktikkan gaya bahasa yang bersesuaian serta format yang tepat dan selaras dalam penulisan memo dan surat rasmi.

Keseluruhannya, program ini dapat memberi kefahaman yang lebih mendalam kepada semua pegawai yang terlibat berkaitan kaedah, teknik dan penggunaan laras bahasa yang tepat khususnya dalam penyediaan Memo dan Surat Rasmi. Kursus ini juga dapat meningkatkan pengetahuan dalam mengenal pasti kesalahan umum tatabahasa dalam penulisan dokumen rasmi seperti perkataan majmuk, panggilan hormat dan sebagainya.





Peserta kursus Penulisan Dokumen Rasmi (Memo dan Surat Rasmi)

SEKTOR STRATEGIK

# BAHAGIAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

## LATAR BELAKANG

Bahagian Kaunseling telah diwujudkan di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 1 April 1998 berikutan penyusunan semula Jabatan melalui surat Jabatan Perkhidmatan Awam JPA (S) 253/2/17-6 Klt. 5 (874) bertarikh 26 Mac 1998 dan waran perjawatan Bil. 50 Tahun 1998 bertarikh 23 Mac 1998. Bahagian ini pada asalnya dinamakan Bahagian Perkaunselan.

Bahagian ini diwujudkan hasil penggubalan dan penguatkuasaan Akta Kaunselor 1998 (Akta 580) yang bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan akta tersebut sebagai mekanisme untuk mengawal dan membangunkan tahap profesionalisme kaunselor dan agensi kaunseling di negara ini. Bahagian ini juga bertanggungjawab menjalankan pemantauan untuk memastikan perkhidmatan kaunseling di negara ini mengikut piawai yang ditetapkan sebagaimana peruntukan undang-undang Akta Kaunselor 1998 (Akta 580).

Pada tahun 2002, dengan berkuat kuasanya Akta Kanak-Kanak 2001, bahagian ini telah meluaskan skop dan fungsinya kepada perancangan dan pelaksanaan perkhidmatan Bengkel Interaktif. Untuk itu, seramai 36 orang Kaunselor telah dilantik pada 1 Jun 2002 untuk menyediakan perkhidmatan Bengkel Interaktif melalui waran perjawatan Bil. S108 Tahun 2001. Penstrukturan semula JKM adalah hasil daripada cadangan yang dibuat pada tahun 2003 dan telah berkuat kuasa pada Ogos 2005. Tambahan juga diberi dengan adanya waran JKM Negeri pada tahun 2007.

Menyedari keperluan perkhidmatan ini semakin penting dan berkembang selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-Sembilan yang menitikberatkan pembangunan modal insan, penekanan juga diberi kepada aspek psikologi. Oleh itu, bahagian ini telah mengambil kira elemen psikologi dan kaunseling dalam penyusunan program dan perkhidmatannya. Selain daripada perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan lain adalah penaksiran psikologi, intervensi krisis, psikoterapi, retreat keluarga dan psiko-pendidikan disediakan kepada kumpulan sasar Jabatan.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 29 Tahun 2007 menjelaskan berkenaan Perubahan Skim-skim Perkhidmatan Kaunselor dan Penolong Kaunselor kepada Skim Perkhidmatan Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi berkuatkuasa 1 Januari 2008.

Bermula tahun 2018, nama bahagian ini diubah kepada Bahagian Psikologi dan Kaunseling (PK) yang berperanan menentu dan memastikan kumpulan sasar yang menghadapi isu psikologi dan tingkah laku dibantu ke arah penyelesaian yang lebih positif dan produktif dalam mewujudkan kesejahteraan psikologi serta kesihatan mental yang baik.

Sehingga kini, terdapat 193 perjawatan dengan pengisian seramai 191 orang Pegawai Psikologi dan Penolong Pegawai Psikologi yang telah dilantik untuk bertugas di Ibu Pejabat, negeri, daerah dan institusi JKM seluruh Malaysia.

**Bahagian ini terdiri daripada enam (6) unit iaitu:**

- 01 Unit Psikologi Organisasi
- 02 Unit Psikologi Komuniti
- 03 Unit Pedia Psikologi
- 04 Unit Gero Psikologi
- 05 Unit Psikologi Orang Kurang Upaya (OKU)
- 06 Unit Penaksiran Psikologi

## STATISTIK KAUNSELOR BERDAFTAR

| STATUS | JUMLAH (ORANG) |
|---|---|
| BERDAFTAR | 120 |

## KATEGORI PERKHIDMATAN

| Kategori | BIL KES | BIL SESI |
|---|---|---|
| Kaunseling Komuniti | 11,686 | 6041 |
| Kaunseling Organisasi | 1,466 | 998 |
| Kaunseling Institusi | 6,310 | 2862 |
| Kaunseling Interaktif | 3,858 | 2778 |

JUMLAH (ORANG)
BIL KES 26,031
BIL SESI 12,679

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### BENGKEL MENGURUS KETAGIHAN

Bengkel Mengurus Ketagihan telah berjaya dilaksanakan pada **26 hingga 28 April 2021** secara dalam talian melalui aplikasi Webex. Program ini merupakan anjuran Unit Pedia Psikologi, Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKM. Bengkel dikendalikan oleh Dr. Geshina Ayu binti Md Saat – pensyarah daripada Universiti Sains Malaysia.

Objektif utama program ini ialah untuk memberi input baru serta kemahiran menangani isu-isu ketagihan dalam kalangan kanak-kanak institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat serta membantu Pegawai Psikologi/Kaunselor dalam mendepani isu klien yang telibat dengan masalah ketagihan seksual, bahan dan internet/*games*.

Seramai 50 orang Pegawai Psikologi JKM telah terlibat dalam program ini yang dirasmikan oleh Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kaunseling dan Psikologi JKM, Puan Nor Azizi binti Mansor.




Sesi ceramah yang disampaikan oleh Dr. Geshina Ayu binti Md Saat

## PROGRAM BUAL BICARA PSIKOLOGI COVID-19

Program Bual Bicara Psikologi COVID-19 telah berjaya dilaksanakan pada **26 Ogos, 23 September dan 28 Oktober 2021** secara dalam talian melalui aplikasi Zoom dan Google Meet.

Objektif penganjuran program ini ialah:

i. Memberikan panduan dan strategi daya tindak kepada kakitangan JKM tentang pengendalian tekanan dan kebimbangan ketika COVID-19;

ii. Menyediakan saluran kepada kakitangan JKM untuk berkongsi isu-isu kesihatan mental yang dialami ketika COVID-19;

iii. Mendidik kakitangan JKM tentang kesihatan mental khususnya ketika berdepan dengan pandemik COVID-19;

iv. Sokongan emosi dan psikologi kepada kakitangan JKM; dan

v. Memberi pengetahuan dan kemahiran membimbing kepada kakitangan JKM dalam mendepani pelbagai golongan sasar yang terkesan dengan wabak COVID-19.

Seramai **522 orang peserta** yang terdiri daripada warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat di ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi seluruh Malaysia telah menyertai program ini.

Sebanyak **5 siri** telah dijalankan. Siri 1 dijalankan pada 26 Ogos, Siri 2 dan Siri 3 dijalankan pada 23 September manakala Siri 4 dan Siri 5 dijalankan pada 28 September 2021. Pengisian program ini ialah ceramah yang disampaikan oleh lima (5) orang penceramah iaitu:

**Siri 1:**
**"COVID-19: Jangan Tapau Emosiku"** oleh Hj. Hairol Kamal bin Hj. Ab. Rahman, Ketua Unit Psikologi Kaunseling dari Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur;

**Siri 2:**
**"Keluarga vs Kerjaya: Antara Norma dan Dilema"** oleh Dr. Alizi bin Alias, Konsultan Psikologi Organisasi;

**Siri 3:**
***"Superb Mom and Dad"*** dalam Era COVID-19 oleh Dr. Putri Afzan Maria Zulkifli, Pakar Pendidikan Awal Kanak-Kanak;

**Siri 4:**
**"Menyantuni Warga Emas dalam Norma Baharu"** oleh Hj. Mohd Makhtar Imam Hj. Nor, Kaunselor/Perunding Motivasi dari MBK Dynamics Consultant; dan

**Siri 5:**
***"Self-Care: I Love Myself"*** oleh Dr. Hjh. Norazura binti Hj. Ahmad dari Bahagian Pengurusan Psikologi JPA




Ceramah Siri 1: **“Jangan Tapau Emosiku”** oleh Encik Hairol Kamal Ab. Rahman




Tuan Hj. Mohd Makhtar Imam Hj. Nor sedang menyampaikan ceramah Siri 4 bertajuk :
**“Menyantuni Warga Emas Dalam Norma Baharu”**

## WEBINAR PEMANTAPAN PERSONEL: DAYA TAHAN DIRI DALAM BERADAPTASI DENGAN NORMA BAHARU

Webinar Pemantapan Personel bertemakan Daya Tahan Diri Dalam Beradaptasi Dengan Norma Baharu telah berjaya dilaksanakan pada **6 dan 7 Oktober 2021** secara dalam talian serta melalui *Facebook Live* Bahagian Psikologi dan Kaunseling, JKM.

Objektif utama program ini ialah memberi pengetahuan kepada peserta dari segi praktikal berkenaan *coping skill* dalam menghadapi tekanan demi kesejahteraan psikologikal. Selain itu, webinar ini juga merupakan salah satu inisiatif Bahagian Psikologi dan Kaunseling dalam memberi sokongan kepada Bulan Kaunseling Kebangsaan dan Hari Kesedaran Mental Sedunia tahun 2021.

Seramai **270 orang peserta** yang terdiri daripada warga kerja Jabatan Kebajikan Masyarakat di ibu pejabat, negeri, daerah dan institusi seluruh Malaysia telah hadir dalam program ini.

Pengisian webinar ini ialah ceramah dan forum yang disampaikan oleh beberapa penceramah dan ahli panel jemputan yang terkemuka iaitu:

**Ceramah 1:**
*Take Charge of Myself*: Berhenti Membangau! oleh Encik Mohd Rizal bin Hassan dari Take Charge Sdn. Bhd;

**Ceramah 2:**
Prestasi Adaptif Membina Organisasi Kohesi oleh YBrs. Dr. Alizi bin Alias yang merupakan *Consultant Organizational Psychologist*;

**Ceramah 3:**
Kelesuan Emosi dalam Kalangan Petugas Barisan Hadapan JKM oleh YBhg. Dato' Dr. Abd. Halim bin Mohd Hussin iaitu Presiden *International Counseling Association of Malaysia* (PERKAMA International);

**Ceramah 4:**
*Mind Gym: Think, Feel and Behave* oleh YBrs. Dr. Raja Kamariah Binti Raja Mohd Khalid, Pengarah Bahagian Pembangunan Psikologi, Jabatan Pembangunan Wanita; dan

**Forum:**
Pengurusan Kesihatan Mental dalam Kalangan Warga Kerja dari Sudut Klinikal dan Spiritual yang disampaikan oleh dua orang ahli panel iaitu Encik Mohd Akif Farhan bin Ahmad Basri dari Akif Basri & Co. dan Imam Muda Asyraf. Forum berkenaan dikendalikan oleh moderator Encik Mohd Syubailli bin Mohd Mohsin, Pegawai Psikologi JKM.




Hebahan Webinar




Ceramah 2: Prestasi Adaptif Membina Organisasi Kohesi oleh YBrs. Dr. Alizi bin Alias




Forum: Pengurusan Kesihatan Mental dalam Kalangan Warga Kerja dari Sudut Klinikal dan Spiritual oleh ahli panel iaitu Encik Mohd Akif Farhan bin Ahmad Basri dan Imam Muda Asyraf.

## BENGKEL PENGENDALIAN KES TINGKAH LAKU MENCABAR

Bengkel Pengendalian Kes Tingkah laku Mencabar telah berjaya dilaksanakan pada **20 hingga 22 Oktober 2021** (Rabu hingga Jumaat) secara dalam talian melalui aplikasi Google Meet. Seramai **50 peserta** dalam kalangan Pegawai Psikologi dan Pegawai Pembangunan Masyarakat dari institusi OKU telah menghadiri bengkel ini yang dikendalikan oleh Dr. Rafidah Aga Mohd Jaladen - pensyarah dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Bengkel ini dianjurkan oleh Unit Psikologi Orang Kurang Upaya (OKU), Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKM.

Antara objektif utama program ini ialah meningkatkan kompetensi dan kemahiran peserta dalam menyampaikan perkhidmatan berteraskan elemen Psikologi dan Kaunseling khusus kepada klien OKU yang menunjukkan tingkah laku mencabar. Selain itu, melalui program ini juga peserta dapat memahami secara lebih mendalam karakteristik dari sudut tingkah laku mencabar supaya kaedah atau proses pemulihan yang dilakukan menjadi lebih berkesan.




Sesi ceramah yang disampaikan oleh Dr. Rafidah Aga Mohd Jaladen

## PROGRAM WEBINAR INSPIRASEE: *CLIENT EMPOWERMENT*

Program Webinar InspiraSee: *Client Empowerment* telah dijalankan pada **26 hingga 27 Oktober 2021** secara dalam talian melalui aplikasi Zoom bermula jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang. Program ini merupakan anjuran Unit Komuniti, Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKM.

Objektif program ini ialah memenuhi keperluan penerima bantuan dari segi motivasi, pengetahuan dan pendidikan dalam aspek persediaan emosi, fizikal, mental dan spiritual untuk menghadapi kehidupan yang mendatang.

Seramai **110 orang** penerima bantuan JKM terlibat dalam program ini yang dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Psikologi dan Kaunseling JKM En. Mohamad Razuki bin Sibi.

Penceramah jemputan program adalah seperti berikut:

i. Dr. Hajjah Azuraida Shahadan
ii. Dr. Hajjah Mazita binti Ahmad
iii. Datuk Wira Dr. Azizan Osman
iv. Tn. Hj Mohd Makhtar Imam bin Hj. Nor




Dr. Hajjah Mazita sedang menyampaikan ceramahnya yang bertajuk
Daya Tahan Dalam Keluarga



Datuk Wira Dr. Azizan Osman sedang menyampaikan ceramahnya yang bertajuk
Aku SUPERB: Bina Keyakinan Untuk Ubah Hidup

**SEKTOR** STRATEGIK

# **BAHAGIAN** PENGURUSAN MAKLUMAT

## PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Maklumat bertanggungjawab melaksanakan perancangan, pembangunan dan penyelenggaraan sistem aplikasi dan infrastruktur teknologi maklumat serta menyelaraskan perkhidmatan sokongan teknikal komputer bagi JKM yang merangkumi Ibu Pejabat, JKM Negeri, PKMD dan Institusi Kebajikan. Bahagian ini mempunyai 16 orang kakitangan IT serta dua (2) cawangan seperti berikut:



**Cawangan Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem.**



**Cawangan Infrastruktur, Sekuriti dan Sokongan Teknikal.**

## PERKEMBANGAN DAN PENCAPAIAN

### Bilangan Pegawai Dan Kakitangan IT Di JKM

| BIL | NEGERI | PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT | PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT | JURUTEKNIK KOMPUTER |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Ibu Pejabat | 3 | 9 | 2 |
| 2 | Selangor | 1 (SUK) | 5 | 6 |
| 3 | WP Kuala Lumpur | - | 5 | - |
| 4 | Johor | - | 6 | 5 |
| 5 | Kedah | - | 6 | 7 |
| 6 | Kelantan | - | 5 | 7 |
| 7 | Melaka | - | 1 | 3 |
| 8 | Negeri Sembilan | - | 5 | 4 |
| 9 | Pahang | - | 10 | 3 |
| 10 | Perak | - | 2 | 10 |
| 11 | Perlis | - | 2 | - |
| 12 | Pulau Pinang | - | 4 | - |
| 13 | Terengganu | - | 6 | 4 |
| 14 | Sarawak | - | 6 | 1 |
| 15 | Sabah | - | 5 | - |
| 16 | WP Labuan | - | - | 1 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **4** | **77** | **53** |

## Senarai Sistem Aplikasi Di JKM

| BIL | SISTEM APLIKASI |
|---|---|
| 1 | Sistem Profiling Penghuni Institusi |
| 2 | Sistem Penilaian Kendiri Pengendali Pusat Jagaan (myKendiri) |
| 3 | Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) |
| 4 | Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (eBantuanJKM) |
| 5 | MyResearch |
| 6 | Aplikasi Permohonan Anak Pelihara |
| 7 | eZi2Care |
| 8 | InfoBencanaJKM |
| 9 | eJKM |
| 10 | Sistem Storan Awan JKM (cJKM) |




## Bilangan Transaksi Perkhidmatan Online JKM Tahun 2021

1. **Sistem Aplikasi eBantuanJKM** — JUMLAH TRANSAKSI: 28,185,789
2. **Sistem Aplikasi SMOKU** — JUMLAH TRANSAKSI: 37,905
3. **Sistem Aplikasi MyResearch** — JUMLAH TRANSAKSI: 170,241
4. **Sistem Aplikasi Anak Pelihara** — JUMLAH TRANSAKSI: 1,914
5. **Sistem Aplikasi eZi2Care** — JUMLAH TRANSAKSI: 42,998
6. **Sistem Aplikasi InfoBencanaJKM** — JUMLAH TRANSAKSI: 138,700

**JUMLAH KESELURUHAN**
**28,577,547**

**Bilangan Transaksi Perkhidmatan Online JKM - Tahun 2021**

| Bil | Nama Sistem | Penerangan Sistem | Bilangan Transaksi Perkhidmatan Online Dikemaskini Secara Bulanan | | | | | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jan | Feb | Mac | April | Mei | Jun | Julai | Ogos | Sep | Okt | Nov | Dis | Jumlah |
| 1 | e-Bantuan | Pengurusan maklumat bantuan dan penerima bantuan | 909800 | 779054 | 700087 | 1009870 | 1000983 | 2671761 | 3006627 | 3264216 | 3524492 | 3767922 | 4008571 | 4242493 | 28,185,789 |
| 2 | SMOKU | Pengurusan maklumat OKU dan perkhidmatan penyediaan Kad OKU | 4449 | 3503 | 3850 | 4155 | 2002 | 1356 | 1902 | 2432 | 2677 | 1147 | 6340 | 4092 | 37905 |
| 3 | MyResearch | Pengurusan permohonan dan kelulusan pelajar/universiti untuk membuat kajian di Institusi/PKMD JKM | 23189 | 19186 | 17502 | 11719 | 9891 | 12662 | 15679 | 12436 | 13050 | 12885 | 11944 | 10098 | 170241 |
| 4 | Anak Pelihara | Pengurusan permohonan dan kelulusan untuk mendapatkan anak pelihara | 167 | 261 | 204 | 206 | 189 | 174 | 102 | 277 | 171 | 163 | 0 | 0 | 1914 |
| 5 | Ezi2care | Pengguna mendaftar untuk menyertai Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak (PERMATA) | 2469 | 2846 | 3183 | 4127 | 1819 | 3233 | 3635 | 10295 | 4295 | 2883 | 1991 | 2222 | 42998 |
| 6 | Info BencanaJKM | Memberi maklumat kedudukan pusat Pemindahan Banjir di seluruh Malaysia | 12426 | 2696 | 2605 | 2042 | 2128 | 2168 | 2438 | 2373 | 2212 | 30512 | 32100 | 45000 | 138700 |

## Senarai Aplikasi Mobil JKM

| BIL | APLIKASI MOBIL |
|---|---|
| 1 | Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU) |
| 2 | InfoJKM |
| 3 | Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (eBantuanJKM) |
| 4 | InfoBencanaJKM |

**SMOKU**




**InfoJKM**




**eBantuanJKM**




**InfoBencanaJKM**



## Senarai Agensi Yang Melaksanakan Integrasi Dengan Sistem Aplikasi Teras JKM

| BIL | SISTEM JKM | SISTEM LUAR |
|---|---|---|
| 1 | eBantuanJKM | 1. eKASIH<br>*Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU)*<br>2. myIDENTITY<br>*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)*<br>3. iGFMAS<br>*Jabatan Akauntan Negara (ANM)*<br>4. MaNIS<br>*Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)* |
| 2 | SMOKU | 1. myIDENTITY<br>*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)*<br>2. SPA 9<br>*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)*<br>3. MaNIS<br>*Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)*<br>4. MyGDX<br>*Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)* |
| 3 | InfoBencanaJKM | 1. myIDENTITY<br>*Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)*<br>2. IDMS<br>*Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)*<br>3. GIS<br>*Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)*<br>4. MaNIS<br>Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)<br>5. MyGeoMap<br>*Infrastruktur Data Geospatial Negara (MacGDI)* |
| 4 | Portal JKM | 1. MyDestinasi<br>*Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)*<br>2. MaNIS<br>*Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)*<br>3. GOS Gateway<br>*Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)* |
| 5 | eZi2Care | 1. MaNIS<br>*Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)* |

# SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

## KURSUS-KURSUS ICT

### 1. Latihan Kompetensi Siri 9 "Python For Machine Learning and Data Analytics" (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 15-18 Jun 2021



## SENARAI AKTIVITI SISTEM APLIKASI

### Sistem eBantuanJKM

### 1. UAT Integrasi GOSG – eBantuanJKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 29 Januari 2021



## 2. Perkongsian Penemuan Audit Dalam Pengurusan Bantuan (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 2 Mac 2021




## 3. Sesi FAT eBantuanJKM Fasa 9 (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 22 Jun 2021



## 4. Projek Integrasi eBantuanJKM - iSPEKS: Sesi Pengujian Peringkat Dalaman Fungsi dari Sistem eBantuanJKM

➢ **Tarikh:** 5 Julai 2021






**5. Mesyuarat Persediaan Pengujian Akhir Fungsi Integrasi eBantuanJKM – ISPEKS (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 8 Julai 2021



**6. UAT Integrasi eBantuanJKM-SSIPR (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 8 Julai 2021




**7. Penambahbaikan eBantuan Fasa 9 Semakan Semula Pengujian Akhir Pengguna (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 9 Julai 2021



**8. Sesi PRA-PAT Pengujian Fungsi Integrasi eBantuanJKM-iSPEKS (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 26 Julai 2021



**9. Penambahbaikan Sistem eBantuanJKM Fasa 9- Latihan Pengguna (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 29 Julai 2021



**10. Sesi Sambungan Latihan Pengguna Penambahbaikan Sistem eBantuanJKM Fasa 9 (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 4 Ogos 2021



## 11. Sesi latihan TOT – Backup di Bawah Skop Projek Penambahbaikan Sistem eBantuanJKM Fasa 9 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 9 September 2021




## 12. Perbincangan Gerak Kerja *Go-Live* Integrasi ebantuan dan ISPEKS- (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 9 September 2021



## 13. Perbincangan *Kick Off* Pelaksanaan Integrasi Sistem eBantuanJKM dan ISPEKS (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 23 September 2021



## 14. Perbincangan Pelaksanaan Integrasi eBantuanJKM dan ISPEKS Melibatkan Urusan Kewangan dan Latihan Sistem (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 6 Oktober 2021






## Sistem InfoBencanaJKM

## 1. Mesyuarat Integrasi sistem NADMA dengan Sistem InfobencanaJKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 14 Januari 2021




## 2. FAT Sistem InfoBencanaJKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 17-18 Februari 2021






**3. FAT Sistem InfoBencanaJKM dengan myIdentiti JPN (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 2 Mac 2021



**4. Sesi FAT Pengurusan Stor Sistem InfoBencanaJKM**

- **Tarikh:** 22 Mac 2021




**5. Sesi Latihan Penggunaan Sistem infoBencanaJKM Sesi 1 Negeri Perak, Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang dan Sabah (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 8 Jun 2021



**6. Sesi Latihan Penggunaan Sistem infoBencanaJKM Sesi 2 (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 9 Jun 2021



**7. Sesi Latihan Online Penggunaan Sistem InfoBencanaJKM (TEKNIKAL) Siri 1 Negeri Pahang, Labuan, Perlis, Sabah, Selangor, Penang, Terengganu, Negeri Sembilan (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 15 Jun 2021



**8. Sesi Latihan Online Sistem InfobencanaJKM (Super Admin /Admin Negeri) Tahun 2021 (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 21 Jun 2021



## 9. Latihan Penggunaan InfoBencanaJKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 28 Jun 2021




## Sistem SMOKU

## 1. Sesi Review Penambahbaikan Sistem SMOKU (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 29 Januari 2021



## 2. Sesi FAT Sistem SMOKU (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 2 Februari 2021



### 3. Sesi Latihan Pengguna dan Pentadbir Sistem SMOKU (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 8 April 2021




### 4. Sesi Perbincangan Inisiatif Pemulihan (OKU) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 2 Julai 2021



### 5. Mesyuarat Modul Permohonan Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) (MyDaftar OKU) SMOKU (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 7 Oktober 2021



## Sistem Pendaftaran dan Pemetaan Warga Emas Nasional (eWEN)

### 1. Mesyuarat *Kick Off* Perkhidmatan Pembangunan Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional (eWEN) di Jabatan Kebajikan Masyarakat

- **Tarikh:** 28 September 2021







## Sistem Pengurusan Orang Papa (MySPOP)

### 1. Sesi Latihan Pengguna Sistem MySPOP (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 13 Januari 2021




### 2. Latihan Sistem Orang Papa Negeri Johor (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 11 Februari 2021



**3. Sesi Kajian Keperluan Pengguna/USR bagi Sistem Pengurusan Orang Papa (MySPOP) (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 13 Oktober 2021




**4. Latihan Sistem Pengurusan Orang Papa JKMN Sabah dan Labuan (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 16 Februari 2021




**5. Latihan Sistem Pengurusan Orang Papa JKMN Selangor (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 23 Februari 2021



## 6. Latihan Sistem Pengurusan Orang Papa JKMN Melaka (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 26 Februari 2021



## Sistem Profiling Penghuni Institusi (Kanak-kanak)

## 1. Latihan Sistem Profiling Penghuni Institut Zon 1 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 25 Januari 2021




## 2. Latihan Profiling Penghuni Institusi (Kanak-Kanak) untuk Pengguna Ibu Pejabat (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 15 Februari 2021



**3. Mesyuarat Kick-Off Projek Penambahbaikan, Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan Sistem Profiling Penghuni Institusi**

- **Tarikh:** 8 September 2021



**4. Sesi Kajian Keperluan Pengguna (URS) Penambahbaikan Sistem Profiling Penghuni Institusi (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 15 September 2021



**5. Sistem Profiling 2021-2023: Sesi Sambungan Kajian Keperluan Pengguna (URS) Penambahbaikan Sistem Profiling Penghuni Institusi (Laporan) (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 22 September 2021



## Sistem eZi2Care

### 1. Sesi Latihan Urus Setia Sistem eZi2care

- **Tarikh:** 8 Jun 2021



### 2. Sesi Latihan Sistem eZi2Care untuk Pegawai Peperiksaan dan Latihan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 9 Jun 2021




### 3. Sesi Perbincangan Semakan Semula Keputusan Peperiksaan KAP 2021 (Dalam Talian)

## Portal Rasmi JKM

### 1. Mesyuarat Portal JKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 1 Mac 2021



## 2. Sesi UAT Portal JKM

➢ **Tarikh:** 4 Mac 2021



## 3. FAT Portal JKM (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 23 Mac 2021



## 4. Latihan dan Program Pemindahan (TOT) Portal JKM (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 6 April 2021



## Sistem MyResearch

### 1. UAT Sistem MyResearch (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 18 Februari 2021




### 2. UAT Sistem MyResearch Siri 2 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 23 Februari 2021




## Sistem MyCorporate Care

### 1. FAT Sistem MyCorporate Care (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 24 Februari 2021



## 2. Sesi Perbincangan MyCorporate Care (Modul Sukarelawan)

- **Tarikh:** 4 Ogos 2021




## Sistem eCSO

## 1. Pra UAT eCSO (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 5 Jun 2021




## 2. Perbincangan Sistem eCSO bersama PKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 16 Jun 2021





**SEKTOR** OPERASI

# JABATAN
PEMBANGUNAN
ORANG KURANG
UPAYA

## PENGENALAN

Golongan orang kurang upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Pendekatan berasaskan hak atau *rights-based* dan juga perlindungan wajar digunakan bagi menjamin kepentingan dan kesejahteraan OKU.

Dasar OKU menetapkan empat objektif berikut:

- Memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam masyarakat;
- Memastikan OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah undang-undang negara;
- Menghapuskan diskriminasi terhadap seseorang atas sebab ketidakupayaannya; dan
- Mendidik dan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai hak OKU.

## LAPORAN PERKHIDMATAN TAHUNAN JPOKU

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN SOSIAL: PDK

### Libat Urus Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Libat Urus Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan salah satu program yang disenaraikan dalam Pemantapan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) ke arah Penyediaan Pelan Hala tuju PDK sebagaimana terkandung dalam Sasaran Kerja Tahunan JKM bagi Tahun 2021. Bahagian PDK JPOKU telah melaksanakan Sesi Libat Urus Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Tahun 2021 secara dalam talian (online) pada **16,17, 21 & 22 Disember 2021**. Sesi libat urus ini melibatkan Penyelaras PDK Negeri dan Daerah, wakil Pertubuhan PDK, penyelia dan petugas PDK.




**Sesi Ceramah Cadangan Halatuju PDK oleh Puan Fairus Bahari**

**Statistik Program Perkhidmatan Job Coach Tahun 2021**

i. Statistik OKU yang Mendapat Perkhidmatan *Job Coach* Mengikut Kategori




ii. Statistik *Job Coach* dan Majikan yang terlibat dalam Program Perkhidmatan *Job Coach*




iii. Statistik Perkhidmatan Job Coach Mengikut Organisasi



**Malam Kasih OKU Keluarga Malaysia Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2021– Penyampaian Anugerah**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan **Malam Kasih OKU Keluarga Malaysia Sempena Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2021 pada 3 Disember 2021** (Jumaat) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Salah satu acara yang diadakan pada malam tersebut adalah Penyampaian Anugerah yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaacob, Perdana Menteri Malaysia dan YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Anugerah ini adalah sebagai simbol penghargaan dan pengiktirafan tertinggi Kerajaan kepada pihak-pihak tertentu yang banyak menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan OKU di Malaysia.

**Anugerah Pencapaian Dasar 1% OKU Dalam Perkhidmatan Awam**

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
2. Kementerian Perpaduan Negara
3. Kementerian Pertahanan
4. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**Anugerah Majikan Prihatin (Swasta)**

1. QSR Brands (M) Holdings Bhd.
2. LOTUSS Stores (Malaysia) Sdn. Bhd.
3. Perusahaan Saudee Sdn. Bhd.
4. Fajar Export Industry Sdn. Bhd.
5. The Famous Amos Chocolate Chip Cookie Corporation (M) Sdn. Bhd.

## Anugerah Korporat Prihatin

1. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)
2. Tenaga Nasional Berhad
3. Yayasan Sime Darby
4. Yayasan Gamuda
5. Food Aid Foundation

## Anugerah Khas Kreatif

1. Wan Mu'adzam bin Wan Abidin

## Anugerah PDK Cemerlang

1. Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Seri Malindo
2. Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Miri
3. Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti Mukim Jerung Terengganu (Wakaf Tapai)

## Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU

1. Gustin anak Jenang

## Anugerah Khas Paralimpik

1. Jong Yee Khie
2. Chew Wei Lun
3. Bonnie Bunyau anak Gustin
4. Abdul Latif bin Romly
5. Cheah Liek Hou

Jabatan mengharapkan penganugerahan yang telah disampaikan ini dapat meningkatkan kesedaran ibu bapa OKU dan masyarakat agar sentiasa menyokong pembangunan potensi OKU secara menyeluruh. Selain itu juga menggalakkan semua pihak termasuk pihak Kerajaan atau Swasta atau Badan Bukan Kerajaan agar lebih banyak membuka peluang pekerjaan kepada OKU bagi mengintegrasikan pembangunan serta kesejahteraan OKU dalam masyarakat.

## BAHAGIAN PERKHIDMATAN INSTITUSI & AKSESIBILITI

Terdapat sebanyak **10 buah institusi** yang diselia oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya. Antaranya adalah:

### Taman Sinar Harapan

Taman Sinar Harapan merupakan institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang memberi penjagaan, pelindungan dan pemulihan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) kategori Masalah Pembelajaran. Selain itu, Taman Sinar Harapan juga merupakan Tempat Selamat untuk perlindungan khususnya kepada kanak-kanak OKU Masalah Pembelajaran dibawah Akta Kanak-Kanak 2001. Pada masa ini terdapat **tujuh (7) buah** Taman Sinar Harapan di seluruh negara. Penghuni ditempatkan di Taman Sinar Harapan bagi tempoh tiga (3) tahun atau sehingga mencapai umur 18 tahun. Dalam tempoh tersebut penghuni akan diberi penjagaan, pelindungan dan pemulihan yang sewajarnya mengikut Kaedah-Kaedah Pusat-Pusat Pemulihan Cacat Akal 1977.

### Bengkel Daya Klang

Terdapat dua **(2) buah** Bengkel Terlindung iaitu Bengkel Daya Klang, Selangor dan Bengkel Daya Sungai Petani, Kedah. Penubuhan bengkel ini adalah bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada OKU yang tidak mampu bersaing di pasaran luar. Disamping itu bengkel ini juga ditubuhkan untuk melatih mereka supaya berdikari dan meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang tertentu agar mereka mendapat lebih peluang pekerjaan di pasaran yang lebih terbuka. Bengkel Daya diurus dan beroperasi mengikut Kaedah-Kaedah Worksyop Terlindung 1979.

### Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan

Pusat ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi latihan vokasional dan pemulihan perubatan kepada OKU terutamanya kategori fizikal. Terdapat beberapa kursus yang telah disediakan. Antaranya ialah:

- Kursus Asas Pengurusan Pejabat
- Kursus Pembuatan Pakaian Wanita
- Kursus Pemasangan Elektrik
- Kursus Prostetik dan Ortotik
- Kursus Fabrikasi Logam
- Kursus Seni Lukis
- Kursus Teknologi Batik
- Kursus Urutan Tradisional Lelaki
- Kursus Bekam
- Kursus Facial dan Resdung
- Kursus Penggayaan Rambut Lelaki
- Kursus Kek dan Pastri

PLPP berperanan sebagai pusat kecemerlangan bagi OKU terutamanya kategori fizikal yang berteraskan latihan kemahiran, pemulihan, industri alat sokongan dan sukan para, ke arah mendayaupayakan OKU ke tahap paling optimum dan produktif supaya berdaya saing dalam pasaran kerja.

## STATISTIK BILANGAN PENGHUNI INSTITUSI OKU FEBRUARI 2022

| INSTITUSI | Kapasiti Pelatih | Lelaki | | | | | | | | Perempuan | | | | | | | | Jumlah Besar |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Melayu | Cina | India | PSm | Psb | Psw | Lain-lain | **Jumlah** | Melayu | Cina | India | Psm | Psb | Psw | Lain-lain | **Jumlah** | |
| TSH CHERAS (14-25) | 100 | 14 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | **17** | 19 | 4 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | **24** | **41** |
| TSH KKB (>15) | 240 | 49 | 19 | 5 | 0 | 1 | 0 | 2 | **76** | 50 | 33 | 15 | 2 | 0 | 5 | 0 | **105** | **181** |
| TSH JUBLI (15 tahun ke atas) | 200 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **0** | 91 | 45 | 20 | 0 | 0 | 0 | 1 | **157** | **157** |
| TSH KT (<14) | 100 | 27 | 3 | 1 | 0 | 0 | 2 | 4 | **37** | 12 | 1 | 3 | 1 | 0 | 0 | 4 | **21** | **58** |
| TSH JITRA (<14) | 100 | 17 | 5 | 2 | 0 | 0 | 0 | 11 | **35** | 10 | 1 | 4 | 1 | 0 | 1 | 4 | **21** | **56** |
| BD KLANG | 100 | 13 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **15** | 15 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **16** | **31** |
| BD SG PETANI | 100 | 14 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | **16** | 13 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **13** | **29** |
| PLPP | 300 | 24 | 1 | 2 | 0 | 3 | 3 | 0 | **33** | 5 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | **7** | **40** |
| **JUMLAH** | **1580** | **278** | **62** | **34** | **0** | **4** | **11** | **20** | **409** | **237** | **88** | **48** | **4** | **0** | **7** | **10** | **394** | **803** |

*Petunjuk: PSm: Peribumi Semenanjung, PSw: Peribumi Sarawak, PSb: Peribumi Sabah*

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Bengkel TOT Pengurusan Pusat Kehidupan Berdikari (ILC) dan Perkhidmatan Pembantu Peribadi (PA) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 22-26 Februari 2021







### 2. Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina di Bawah Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya Bil. 1/2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 19 Februari 2021
- **Pengerusi:** YBrs. Dr. Hishamuddin bin Mohd. Hashim, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), KPWKM





### 3. Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran OKU Bil.1/2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 24 Februari 2021




## 4. Forum Pendaftaran OKU

- **Tarikh: Tarikh:** 11 April 2021
- **Tempat:** PICC




## 5. Kursus Bahasa Isyarat (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 26 - 28 Julai 2021





## 6. Bengkel Kehidupan Berdikari dan Kaunseling Sebaya (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 02 - 06 Ogos 2021





## 7. Mesyuarat Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina Bil.2/2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 29 September 2021




## 8. Majlis Pelancaran MyDaftar OKU

- **Tarikh:** 27 Oktober 2021
- **Tempat:** NASOM Melaka





## 9. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) Bil 3/2021

- **Tarikh:** 22 November 2021
- **Tempat:** Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu





## 10. Sambutan Hari Orang Kurang Upaya Tahun 2021

- **Tarikh:** 3 Disember 2021
- **Tempat:** KLCC




Penerima Anugerah Ibu Bapa Mithali OKU Encik Gustin Anak Jenang




Penerima Anugerah Khas Paralimpik
Encik Cheah Like Hou



Penerima Anugerah Majikan Prihatin Swasta
QSR Brands (M) Holdings Bhd




Penerima Anugerah Pencapaian Dasar 1% OKU Dalam Perkhidmatan Awam
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat




Penerima Anugerah Korporat Prihatin
Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)




Penerima Anugerah Khas Kreatif
Encik Wan Mu'adzam bin Wan Abidin




Penerima Anugerah Khas Kreatif
Encik Wan Mu'adzam bin Wan Abidin

### 11. Program Advokasi: Promosi Kesedaran dan Ketidakupayaan Melalui Media Massa





### 12. Program Kelestarian Kerjaya dalam Kalangan Pegawai dan Kakitangan Orang Kurang Upaya Sektor Awam




**SEKTOR** OPERASI

# BAHAGIAN
KANAK-KANAK

## PENGENALAN

Bahagian Kanak-Kanak menyediakan perkhidmatan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan dan pembangunan kepada kanak-kanak yang mengalami penganiayaan, penderaan, pengabaian, pengeskploitasian, kesalahan jenayah dan keruntuhan akhlak bagi mencegah dan mengurangkan masalah-masalah sosial. Selain daripada perkhidmatan tersebut, bahagian ini juga bertanggungjawab memberi perkhidmatan kepada kumpulan sasar merangkumi perkembangan menyeluruh kanak-kanak dengan mengambil kira aspek emosi, psikologi, kognitif serta spiritual/kerohanian untuk membentuk sikap positif serta peribadi yang kukuh dalam kalangan kanak-kanak.




## OBJEKTIF

Memastikan khidmat pemeliharaan, perlindungan, pemulihan, pembangunan, pengintegrasian semula kanak-kanak dan perkembangan awal kanak-kanak disediakan dengan cekap dan berkesan.

## DEFINISI KANAK-KANAK

Kanak-kanak merupakan seseorang yang di bawah umur 18 tahun mengikut takrifan Akta Kanak-kanak 2001.

## PENCAPAIAN TAHUN 2021

### Statistik Perkhidmatan 2021

### 1. Kes Kanak-kanak yang Memerlukan Pemeliharaan dan Perlindungan

| NEGERI | 2021 | | |
|---|---|---|---|
| | L | P | JUMLAH |
| JOHOR | 207 | 356 | 563 |
| KEDAH | 73 | 171 | 244 |
| KELANTAN | 34 | 113 | 147 |
| MELAKA | 79 | 139 | 218 |
| NEGERI SEMBILAN | 75 | 182 | 257 |
| PAHANG | 42 | 106 | 148 |
| PERAK | 120 | 256 | 376 |
| PERLIS | 33 | 71 | 104 |
| PULAU PINANG | 97 | 210 | 307 |
| SABAH | 149 | 543 | 692 |
| SARAWAK | 83 | 127 | 210 |
| SELANGOR | 669 | 1090 | 1759 |
| TERENGGANU | 33 | 76 | 109 |
| KUALA LUMPUR | 420 | 536 | 956 |
| WP LABUAN | 0 | 3 | 3 |
| WP PUTRAJAYA | 25 | 26 | 51 |
| **JUMLAH** | **2139** | **4005** | **6144** |




Sumber: Perangkawan, Bhgn PP JKM

## 2. Kes Kanak-kanak yang Memerlukan Perlindungan dan Pemulihan

| NEGERI | 2021 | | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | L | P | |
| JOHOR | 1 | 2 | **3** |
| KEDAH | 0 | 13 | **13** |
| KELANTAN | 0 | 2 | **2** |
| MELAKA | 0 | 0 | **0** |
| NEGERI SEMBILAN | 0 | 4 | **4** |
| PAHANG | 0 | 4 | **4** |
| PERAK | 0 | 6 | **6** |
| PERLIS | 0 | 2 | **2** |
| PULAU PINANG | 0 | 0 | **0** |
| SABAH | 0 | 26 | **26** |
| SARAWAK | 0 | 3 | **3** |
| SELANGOR | 0 | 13 | **13** |
| TERENGGANU | 0 | 0 | **0** |
| W.P. KUALA LUMPUR | 0 | 3 | **3** |
| W.P. LABUAN | 0 | 0 | **0** |
| **JUMLAH** | **1** | **78** | **79** |




Sumber: Perangkawan, Bhgn PP JKM

### 3. Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal

| NEGERI | 2021 | | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | L | P | |
| JOHOR | 3 | 5 | 8 |
| KEDAH | 2 | 19 | 21 |
| KELANTAN | 1 | 3 | 4 |
| MELAKA | 2 | 1 | 3 |
| NEGERI SEMBILAN | 1 | 1 | 2 |
| PAHANG | 1 | 0 | 1 |
| PERAK | 4 | 4 | 8 |
| PERLIS | 2 | 2 | 4 |
| PULAU PINANG | 1 | 6 | 7 |
| SABAH | 1 | 2 | 3 |
| SARAWAK | 2 | 5 | 7 |
| SELANGOR | 9 | 14 | 23 |
| TERENGGANU | 0 | 5 | 5 |
| W.P. KUALA LUMPUR | 0 | 11 | 11 |
| W.P. LABUAN | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH** | **29** | **78** | **107** |




Sumber: Perangkawan, Bhgn PP JKM

## 4. Kes Kanak-Kanak yang Terlibat dengan Jenayah

| NEGERI | 2021 | | JUMLAH |
|---|---|---|---|
| | L | P | |
| JOHOR | 439 | 26 | **465** |
| KEDAH | 186 | 27 | **213** |
| KELANTAN | 427 | 10 | **437** |
| MELAKA | 140 | 12 | **152** |
| NEGERI SEMBILAN | 195 | 15 | **210** |
| PAHANG | 203 | 14 | **217** |
| PERAK | 171 | 10 | **181** |
| PERLIS | 132 | 7 | **139** |
| PULAU PINANG | 123 | 21 | **144** |
| SABAH | 124 | 29 | **153** |
| SARAWAK | 293 | 31 | **324** |
| SELANGOR | 375 | 37 | **412** |
| TERENGGANU | 116 | 6 | **122** |
| W.P. KUALA LUMPUR | 240 | 41 | **281** |
| W.P. LABUAN | 2 | 0 | **2** |
| W.P PUTRAJAYA | 5 | 0 | **5** |
| **JUMLAH** | **3,171** | **286** | **3,457** |




Sumber: Perangkawan, Bhgn PP JKM

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Program Mikraj Citra (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 19 Februari 2021

Program Mikraj Citra merupakan program di mana kupasan peristiwa Israk Mikraj dilakukan secara bersama-sama bagi mencari ibrah agar dapat dijadikan panduan dalam memperkasakan rohani. Program bersempena sambutan Israk Mikraj 1442 Hijrah ini turut disertai oleh semua penghuni dan kakitangan institusi kanak-kanak JKM. Program ini telah menzahirkan kepada peserta bahawa perintah kewajipan solat merupakan anugerah Illahi dalam membawa manusia menuju kejayaan.





### 2. Program Kembara Menuju Ramadan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 05 Mac, 12 Mac, 19 Mac, 26 Mac, 02 April & 19 April 2021

Program Kembara Menuju Ramadan merupakan program perkongsian ilmu serta tips memperkasakan minda dan rohani kanak-kanak agar dapat dijadikan persediaan menyambut bulan Ramadan. Program bersempena menyambut kehadiran Ramadan 1442 Hijrah ini turut disertai oleh semua penghuni dan kakitangan institusi kanak-kanak JKM. Pelbagai ilmu dan tips telah dikongsikan oleh penceramah yang mampu dimanfaatkan sepanjang program diadakan.





### 3. WORLD #QURANHOUR 2021

- **Tarikh:** 6 Mei 2021
- **Tarikh:** Dewan Perdana Nur KPWKM & Dalam Talian

Program World #QuranHour 2021 merupakan program bagi menzahirkan solidariti kanak-kanak di institusi JKM terhadap usaha membudayakan program tadabbur al-Quran dalam masyarakat melalui pembacaan serta penelitian maksud Firman Allah agar mampu difahami dan diaplikasi dalam kehidupan. Program yang dilaksanakan dengan kerjasama KPWKM turut melibatkan penyertaan daripada penghuni dan kakitangan institusi kanak-kanak JKM. Program ini telah berjaya membawa para peserta sama-sama membaca serta mengupas Surah al-Mulk.






### 4. Kembara Prihatin Negara Edisi Ramadan

- **Tarikh:** 18 April – 6 Mei 2021
- **Tarikh:** Institusi Kebajikan Kanak-kanak JKM

Program Kembara Prihatin Negara Edisi Ramadan merupakan program turun padang bagi menyantuni kanak-kanak di institusi kebajikan JKM oleh YB Timbalan Menteri. Program yang melibatkan 20 buah institusi kanak-kanak JKM di seluruh negara telah memberi peluang kepada warga institusi beramah mesra bersama YB Timbalan Menteri semasa berbuka puasa dan bersahur di samping mendengar nasihat daripada beliau. Program Kembara Prihatin Negara Edisi Ramadan menzahirkan sifat keperihatinan pemimpin KPWKM dan JKM terhadap kanak-kanak khususnya berkaitan pemerkasaan rohani.

















## 5. Webinar "Peluang Kedua" Sempena Hari Kanak-Kanak Kebangsaan 2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 9 Oktober 2021

Objektif penganjuran webinar:

i. Berkongsi pengalaman bersama bekas pelatih institusi kanak-kanak yang berjaya dalam bidang akademik dan keusahawanan;
ii. Mengetengahkan konsep bangkit daripada kesilapan dalam membina jati diri kanak-kanak;
iii. Memberi motivasi dan contoh teladan (*role model*) kepada peserta webinar yang terdiri daripada kanak-kanak institusi JKM yang terlibat dengan konflik undang-undang dan mereka yang membantu dalam intervensi kanak-kanak; dan
iv. Melihat kepada peluang-peluang pembangunan kendiri kanak-kanak ke alam dewasa serta rantaian hadapan dalam mengharungi kehidupan yang mencabar.




## 6. Program Bacaan Yasin Perdana Peringkat Institusi Kanak-Kanak JKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 6 Ogos 2021 hingga 22 Oktober 2022

Program Bacaan Yasin Perdana Peringkat Institusi Kanak-kanak JKM merupakan program sebanyak 12 siri yang diisi dengan bacaan Yasin beramai-ramai serta kupasan hadith-hadith terpilih daripada Kitab Hadith Arbaiin susunan Imam Nawawi R.A. Program yang turut melibatkan semua kanak-kanak dan warga kerja di institusi kebajikan JKM ini turut melibatkan YB Timbalan Menteri bagi menyampaikan tazkirah khas pada siri bertarikh 10 September 2021 dan 15 Oktober 2021. Program ini telah menjadi platform menzahirkan aktiviti pemerkasaan rohani yang diadakan di institusi kebajikan JKM kepada masyarakat umum melalui penyiarannya secara langsung di facebook myJKMHQ pada setiap siri.





## 7. Khutbah Jumaat Khas Sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak 2021

- **Tarikh:** 15 Oktober 2021
- **Tempat :** Masjid dan Surau Jumaat Seluruh Negeri Sabah & Melaka

Khutbah Jumaat Khas telah diterbitkan oleh Bahagian Kanak-kanak untuk dibacakan di masjid-masjid seluruh negara pada 15 Oktober 2021 sempena sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2021. Bacaan khutbah bertajuk Anak Kita Masa Depan Kita di masjid-masjid yang dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri adalah bertujuan untuk meraikan kanak-kanak disamping memberi advokasi kepada masyarakat berkaitan tanggungjawab untuk memperkasakan kanak-kanak di Malaysia.


KHUTBAH JUMAAT
PERTAMA DAN KEDUA

ANAK KITA MASA DEPAN KITA



## 8. Sambutan Hari Kanak-Kanak Kebangsaan Tahun 2021

- **Tarikh:** 16 Oktober 2021
- **Tempat :** Dewan Perdana Nur, KPWKM

Bulan Sambutan Hari Kanak-kanak Tahun 2021 telah diadakan bermula pada 1 September 2021 hingga 31 Oktober 2021 dengan tema **"Anak Kita, Masa Depan Kita"**.

Objektif utama Sambutan Hari Kanak-kanak Tahun 2021 adalah seperti berikut:

i. Memberi penghormatan dan pengiktirafan daripada pihak kerajaan dan masyarakat kepada kanak-kanak dengan meraikan hak kanak-kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak;

ii. Menggalakkan penyertaan kana-kanak dalam aktiviti sihat dan bermanfaat serta memainkan peranan dalam membantu kerajaan menangani isu-isu semasa negara seperti mencegah penularan wabak pandemik covid-19;

iii. Memberi ransangan kepada kanak-kanak untuk memperkasa modal insan yang mampan dalam kapasiti menyeluruh; dan

iv. Memperkaya bakat, idea dan memperkukuh nilai jati diri dalam kalangan kanak-kanak.

Pelbagai aktiviti dan pertandingan telah dilaksanakan sepanjang bulan sambutan melibatkan penyertaan daripada kanak-kanak seluruh negara dan kanak-kanak institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat. Pertandingan yang telah dianjurkan adalah seperti Lagu Puisi, Rekaan Busana, Qasidah Khalifah Junior, Pidato Dakwah Khalifah Junior, Cerita Kisah Al-Quran Khalifah Junior dan Seni Khat Khalifah Junior.









**9. Malam Kanak-kanak Berselawat Sempena Hari Kanak-kanak Tahun 2021**

- **Tarikh:** 19 Oktober 2021
- **Tempat :** Semua Institusi Kanak-kanak JKM

Malam Kanak-kanak Berselawat merupakan program di mana semua institusi kanak-kanak JKM digemakan dengan Selawat oleh kanak-kanak bagi memperingati Rasulullah S.A.W sempena sambutan Maulidur Rasul 1443 Hijrah. Program yang diadakan secara serentak di seluruh negara ini merupakan salah satu daripada aktiviti Hari Kanak-kanak Kebangsaan Tahun 2021 dan ianya bertujuan untuk menyemarakkan rasa kecintaan kepada Rasulullah S.A.W yang merupakan suri teladan terbaik dalam membentuk peribadi cemerlang.





**10. Webinar Keselamatan dan Perlindungan Kanak-Kanak di Malaysia Siri 1: Pengaruh Media Sosial kepada Kanak-Kanak (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 24 Julai 2021

Objektif Program:

i. Memberi kesedaran kepada kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga berkaitan perlindungan dan keselamatan siber terhadap kanak-kanak;

ii. Memberi pendedahan berkaitan kawalan pengaruh media sosial kepada kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga; dan

iii. Memberi kefahaman dan pengetahuan berkaitan penguatkuasaan, kesalahan dan hukuman bagi penyalahgunaan media sosial.





**11. Webinar Keselamatan Dan Perlindungan Kanak-Kanak Di Malaysia Siri 2-Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 31 Julai 2021

Objektif Program:

i. Memberi kefahaman dan maklumat berkaitan perlindungan dan kesalahan seksual terhadap kanak- kanak, ibu bapa dan penjaga;

ii. Memberi pendedahan dan pendidikan langkah-langkah atau tips keselamatan jenayah seksual terhadap kanak-kanak; dan

iii. Memberi kefahaman dan pengetahuan berkaitan penguatkuasaan, kesalahan dan hukuman bagi jenayah seksual.





**12. Webinar Siri 3 Keselamatan Dan Perlindungan Kanak-kanak Di Malaysia: Sihat Emosi, Sayangi Diri (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 04 September 2021

Objektif Program:

i. Memberi didikan, panduan dan kesedaran kepada kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga berkaitan kaedah atau teknik pengurusan emosi semasa menghadapi cabaran pandemik COVID-19;

ii. Memberi pemahaman kepada kanak-kanak, ibu bapa dan penjaga berkaitan tekanan emosi dan punca; dan

iii. Memberi maklumat dan meningkatkan peranan ibu bapa dan penjaga menghadapi tekanan dalam menguruskan kanak-kanak.






**13. Kursus Ohsem Parents: Ibu bapa Pelihara Cemerlang (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 27-28 Februari 2021

Objektif Program:

Program ini dilaksanakan bertujuan memberi pengetahuan kepada ibu bapa pelihara memahami perkembangan anak-anak dengan sihat dan selamat, memberi kefahaman tentang emosi, gaya keibubapaan, hubungan biologi ibu-anak semenjak dalam kandungan melalui kajian-kajian lepas dan hubung kait serta adaptasi dengan keadaan semasa. Perunding menggunakan Modul Ohsem Parent yang meliputi topik asas pengangkatan, memahami anak angkat, isu-isu perundangan dan pengangkatan. Kursus ini dihadiri oleh Ibu bapa Pelihara dari Rumah Tunas Harapan di Negeri Selangor seramai 20 orang.





**14. Kursus Aplikasi Modul Pemerkasaan Rohani bagi Kanak-kanak Institusi JKM (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 8, 11, 15, 18, 22 dan 25 Februari 2021

Objektif Program:

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan kaedah asas menggunakaan Modul Pemerkasaan Rohani Bagi Kanak-Kanak Institusi JKM sebagai panduan penyampaian perkhidmatan pemerkasaan rohani di institusi kebajikan JKM. Program ini telah melibatkan seramai 100 orang kakitangan institusi pelbagai skim perkhidmatan. Program selama enam hari ini mampu memberi pendedahan asas berkaitan kaedah penggunaan modul yang telah siap dibangunkan pada tahun 2020 agar dapat meningkatkan penyampaian perkhidmatan pembangunan rohani di institusi kebajikan JKM.






**15. Bengkel Pembangunan Modul Intervensi Kanak-Kanak Siri Pertama**

- **Tarikh:** 15-16 Mac 2021
- **Tempat:** Aras 7 KPWKM

Bengkel ini dilaksanakan bertujuan membangunkan sebuah Modul Pelan Intervensi kanak-kanak yang lebih berstuktur, sistematik dan menyeluruh bermula dari perkhidmatan luar, perkhidmatan institusi sehingga kepada pengintergrasian kanak-kanak dalam institusi keluarga dan komuniti. Modul ini akan menjadi rujukan kepada pegawai dalam menguruskan kes secara profesional bagi memastikan kesejahteraan kanak-kanak dan kepentingan terbaik untuk kanak-kanak.




**16. Kursus Pengenalan Pengurusan Institusi Kanak-Kanak (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 16 – 18 Mac 2021

Kursus ini berlansung selama tiga (3) hari dan telah dihadiri oleh 209 orang peserta dalam kalangan ketua institusi dan kakitangan institusi kanak-kanak. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman mengenai akta, dasar/polisi, peraturan dan kaedah pengurusan institusi, Sistem Pengurusan Kualiti: MS ISO Institusi Kanak-Kanak serta kemahiran mengenai penyediaan laporan kemajuan kanak-kanak.




## 17. Kursus Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 23, 25, 29 Mac & 1 April 2021

Kursus Kecemerlangan Pengurusan Hal Ehwal Islam ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran Pegawai Agama yang ditempatkan di institusi kebajikan JKM berkaitan pengurusan hal ehwal Islam. Kursus selama empat hari yang diadakan dengan kerjasama Bahagian Warga Emas ini telah melibatkan seramai 45 orang Pegawai Kader JAKIM dan telah memfokuskan kepada konsep rawatan Syarie. Kursus ini mampu memberi pendedahan kepada peserta berkaitan kaedah pengaplikasian rawatan Syarie untuk diguna pakai dalam melaksanakan tugas sebagai Pegawai Agama.







## 18. Bengkel Pembangunan Modul Intervensi Kanak-Kanak Siri Kedua

- **Tarikh:** 5-6 April 2021
- **Tempat:** Aras 21 KPWKM

Hasil dari Bengkel Pembangunan Modul Intervensi kanak-kanak Siri Pertama telah mencadangkan penglibatan keahlian *Special Project Team* (SPT) ditambah dalam kalangan Ketua Institusi, Pelindung, Pegawai Akhlak, Pegawai Psikologi dan Kaunseling dan graduan Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPKS). Modul Penyediaan Pelan Intervensi ini amat diperlukan bagi memastikan profesionalisme dalam pengurusan kes secara sistematik diperingkat perkhidmatan luar dan perkhidmatan institusi dapat dipertingkatkan.





## 19. Kursus Pemantapan Penyediaan Laporan Pelindung & Laporan Akhlak (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 8, 9, 12 & 13 April 2021

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan terhadap pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 dan meningkatkan kualiti laporan yang disediakan oleh Pelindung dan Pegawai Akhlak JKM serta aplikasi di mahkamah. Peserta adalah terdiri daripada Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 hingga S48 dari seluruh negara yang telah dicalonkan oleh negeri masing-masing.




## 20. Bengkel Pemantapan Pegawai Diberi Kuasa Taska (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 14-17 Jun 2021



## 21. Kursus Kerja Sosial Dalam Pengurusan Institusi Kanak-Kanak (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 14-17 Jun 2021

Kursus ini telah berlansung selama empat (4) hari dan dihadiri oleh ketua institusi dan kakitangan institusi kanak-kanak. Objektif utama kursus adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai asas, etika dan prinsip kerja sosial, kemahiran kerja sosial serta teori berkaitan kanak-kanak.




**22. Sesi Libat Urus YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Bersama Ahli Lembaga Pelawat Institusi Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 17 Jun 2021

Sesi libat urus ini telah diadakan bagi memberi ruang dan peluang kepada tujuh (7) barisan Ahli Lembaga Pelawat (ALP) Institusi Kanak-Kanak yang baharu dilantik untuk berkenalan dengan YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Turut diselitkan adalah taklimat berkaitan peranan dan tanggungjawab ALP Institusi Kanak-Kanak oleh Bahagian Kanak-Kanak. Sesi ini turut dihadiri oleh Pengarah JKM Negeri, Penyelaras Kanak-Kanak Negeri serta Ketua Institusi Kanak-Kanak yang terlibat.




**23. Sesi Libat Urus YBTM KPWKM Bersama Pengerusi Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak (PKKK), PKMN & PKMD Seluruh Negara (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 23 Jun 2021




## 24. TOT Perkhidmatan Akhlak Siri 1 & 2 Kerjasama Antara JKM & UNICEF (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 31 Mei – 4 Jun 2021 & 14 Jun – 18 Jun 2021

Kursus ini merupakan satu usaha memperluaskan Projek Rintis Perkhidmatan Akhlak ke seluruh negara selaras dengan Pelan Strategik (PS) JKM bagi tempoh 2021-2025. Kursus ini memberi fokus bagi melatih pegawai terpilih untuk menjadi jurulatih bagi Kursus Peluasan Perkhidmatan Akhlak. Peserta adalah terdiri daripada Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 hingga S48 dari daerah rintis iaitu Sepang, Seremban dan Port Dickson.






## 25. Taklimat Penggunaan COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 2 Jun 2021






## 26. Taklimat Pelaksanaan Garis Panduan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata kepada Penyelaras Negeri (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 21 Jun 2021



**27. Pelaksanaan Garis Panduan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata kepada Agensi Latihan (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 12 Julai 2021




**28. Taklimat Pelaksanaan Pemberian Bantuan Khas kepada Pengusaha Taska bagi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 16 Julai 2021






**29. Sesi Libat Urus YBTM Bersama PKMN, PKMD dan Pengerusi Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 1 Julai 2021

Sesi libat urus ini diadakan adalah untuk berkenalan bersama jawatankuasa yang baru disamping menyampaikan amanat mengenai peranan dan tanggungjawab PPKK dalam membantu Kementerian atau jabatan.




## 30. Kursus Keibubapaan Anak Pelihara Kasih@JKM dengan Kerjasama LPPKN (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 10 Julai 2021

Kursus ini merupakan kerjasama antara JKM dan LPPKN melalui Program Naungan Kasih. Objektif kursus ini adalah memberi pengetahuan kepada ibu bapa pelihara dalam mengenalpasti tanggungjawab, peranan, hak ibu bapa terhadap anak dan tahap perkembangan serta keupayaan, memberi pengetahuan kepada ibu bapa cara berhubung dengan anak-anak supaya membentuk kasih sayang dan ikatan yang kuat, memberi pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi secara positif dengan anak dan memberi kefahaman dan kemahiran mendisiplinkan anak secara berkesan dan positif.




## 31. Taklimat Pelaksanaan Garis Panduan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata kepada Agensi Latihan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 12 Julai 2021




## 32. Taklimat Pelaksanaan Pemberian Bantuan Khas kepada Pengusaha Taska bagi Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 16 Julai 2021




## 33. Bengkel Pengguna Sistem Ezi2care kepada Semua Agensi Latihan yang Diiktiraf (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 29 Julai 2021






## 34. Peperiksaan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 6-10 September 2021




## 35. Kursus Pemantapan: Teknologi Pembangunan Persembahan Digital kepada Tenaga Pengajar Kemahiran di Institusi JKM (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 13 dan 14 September 2021



36. **Kursus Motivasi: *Empower You and Work Life Balance* bagi Tenaga Pengajar Kemahiran di Institusi JKM (Dalam Talian)**

   ➢ **Tarikh:** 7 - 9 September 2021



37. **Sesi Pembangunan Modul Penyedia Tvet Berdasarkan *Code Of Practice For Tvet Programme Accreditation* (COPTPA) (Dalam Talian)**

   ➢ **Tarikh:** 20, 21, 25 dan 26 Oktober 2021




38. **Kursus Pembangunan Kapasiti Kemahiran Tenaga Pengajar Institusi (Bidang Pengurusan Pejabat) kepada Tenaga Pengajar Kemahiran di Institusi JKM (Dalam Talian)**

   ➢ **Tarikh:** 16, 17, 19, 23, 24, 25 dan 26 Ogos 2021



## 39. Kursus Peluasan Perkhidmatan Akhlak Tahun 2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 4 - 7 Oktober 2021

Kursus ini merupakan satu usaha memperluasakan Projek Rintis Perkhidmatan Akhlak ke seluruh negara selaras dengan Pelan Strategik (PS) JKM bagi tempoh 2021-2025. Kursus ini memberi fokus untuk meningkatkan keupayaan Pegawai Akhlak dalam menyediakan Laporan Akhlak yang berkualiti dengan penggunaan format baharu yang telah dibangunkan serta kualiti pelaksanaan Bengkel Interaktif oleh Pegawai Psikologi. Selain itu, ianya adalah untuk menyuntik implikasi peningkatan tahap intervensi dan perkhidmatan yang disampaikan. Peserta adalah terdiri daripada Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S29 hingga S48 dari seluruh daerah di Negeri Selangor dan Negeri Sembilan.




## 40. Peperiksaan Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 4-8 Oktober 2021



## 41. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak Bil. 1 Tahun 2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 23 Februari 2021 (Selasa)





## 42. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak Bil. 2 Tahun 2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 17 September 2021 (Jumaat)







SEKTOR OPERASI

# BAHAGIAN WARGA EMAS

## PENGENALAN BAHAGIAN

Bahagian ini dulunya dikenali sebagai Bahagian Warga Tua dan Keluarga. Bagi memperkasa perkhidmatan Warga Emas di Malaysia, Pelan Transformasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun 2011-2015 telah membuat penstrukturan semula dan kini Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Warga Emas.

Bahagian ini merancang, melaksana dan memantau program dan aktiviti yang berkaitan dengan warga emas dalam menangani isu dan cabaran peningkatan warga emas di Negara ini.

Demi kesejahteraan warga emas, Bahagian ini dibahagikan kepada empat (4) cawangan iaitu:

i. CAWANGAN PERKHIDMATAN INSTITUSI;

ii. CAWANGAN PEMERKASAAN WARGA EMAS;

iii. CAWANGAN SOKONGAN SOSIAL WARGA EMAS; DAN

iv. CAWANGAN SEKRETARIAT MAJLIS PENASIHAT DAN PERUNDINGAN WARGA EMAS NEGARA.

## FUNGSI BAHAGIAN

i. Membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua;

ii. Memperluaskan perkhidmatan kepada warga emas dengan memberi peluang kepada warga emas untuk meningkatkan potensi diri dan hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat;

iii. Menyediakan perkhidmatan Institusi Kebajikan bagi melindungi warga emas yang memerlukan agar hidup selamat, mendapat hak keselamatan dan perlindungan dalam semua aspek;

iv. Membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepadu; dan

v. Meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur agar masyarakat membangun secara inklusif berlandaskan kepada penglibatan secara berterusan dalam sektor ekonomi dan sosial.

## LAPORAN PERKHIDMATAN TAHUNAN

## 1. CAWANGAN PERKHIDMATAN INSTITUSI

### 1.1 Rumah Seri Kenangan (RSK)

RSK ditubuhkan untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

**Jumlah Kemasukan Kes Baharu ke Rumah Seri Kenangan Mengikut Tahun dan Jantina Tahun 2019 hingga 2021**

| BIL | INSTITUSI | 2019 | | | 2020 | | | 2021 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | L | P | JUM | L | P | JUM | L | P | JUM |
| 1 | RSK Kangar | 16 | 7 | **23** | 19 | 11 | **30** | 15 | 28 | **43** |
| 2 | RSK Bedong | 72 | 17 | **89** | 8 | 1 | **9** | - | - | **-** |
| 3 | RSK Taiping | 12 | 6 | **18** | 41 | 40 | **81** | 33 | 8 | **41** |
| 4 | RSK Ulu Kinta | 38 | 10 | **48** | 29 | 2 | **31** | 7 | 2 | **9** |
| 5 | RSK Cheras | 18 | 6 | **24** | 10 | 8 | **18** | 49 | 39 | **88** |
| 6 | RSK Seremban | - | - | **-** | - | - | **-** | 63 | 16 | **79** |
| 7 | RSK Cheng | 15 | 7 | **22** | 28 | 20 | **48** | 36 | 3 | **39** |
| 8 | RSK Johor Bahru | 85 | 28 | **113** | 10 | 10 | **20** | - | - | **-** |
| 9 | RSK Kemumin | 9 | 11 | **20** | 6 | 6 | **12** | 13 | 7 | **20** |
| 10 | RSK Seri Iskandar | 0 | 0 | **0** | 1 | 0 | **1** | 53 | 18 | **71** |
| | **JUMLAH** | **265** | **92** | **357** | **152** | **98** | **250** | **269** | **121** | **390** |

### 1.2 Rumah Ehsan (RE)

Rumah Ehsan ditubuhkan bertujuan untuk memberi jagaan, rawatan dan perlindungan kepada pesakit melarat yang uzur, daif dan tidak berwaris dalam persekitaran yang selesa dan tenteram.

**Jumlah Kemasukan Kes Baharu ke Rumah Ehsan Mengikut Tahun dan Jantina Tahun 2019 hingga 2021**

| BIL | INSTITUSI | 2019 | | | 2020 | | | 2021 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | L | P | JUM | L | P | JUM | L | P | JUM |
| 1 | RE Kuala Kubu Bharu | 22 | 20 | **42** | 8 | 3 | **11** | 18 | 4 | **22** |
| 2 | RE Dungun | 12 | 7 | **19** | 8 | 6 | **10** | 9 | 7 | **16** |
| | **JUMLAH** | **34** | **27** | **61** | **16** | **9** | **21** | **27** | **11** | **38** |

### 1.3 Desa Bina Diri

Desa Bina Diri merupakan institusi yang ditubuhkan untuk memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa supaya mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai perubahan sikap yang positif untuk diintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

**Jumlah Kemasukan Kes Baharu ke Desa Bina Diri Mengikut Tahun dan Jantina Tahun 2019-2021**

| BIL | INSTITUSI | 2019 | | | 2020 | | | 2021 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | L | P | JUM | L | P | JUM | L | P | JUM |
| 1 | DBD Mersing | 8 | 2 | **10** | 14 | 0 | **14** | 2 | 0 | **2** |
| 2 | DBD Jerantut | 0 | 0 | **0** | 5 | 0 | **5** | 5 | 0 | **5** |
| 3 | DBD Kota Kinabalu | 2 | 1 | **3** | 16 | 4 | **20** | 8 | 0 | **8** |
| 4 | DBD Kuching | 2 | 0 | **2** | 1 | 0 | **1** | 13 | 1 | **14** |
| 5 | KPB Sg Buloh | 210 | 72 | **282** | 55 | 20 | **75** | 39 | 51 | **90** |
| | **JUMLAH** | **222** | **75** | **297** | **91** | **24** | **115** | **67** | **52** | **119** |

### 1.4 Jumlah Keseluruhan Penghuni Institusi Warga emas

Bilangan keseluruhan penghuni di dalam institusi Bahagian Warga Emas bagi tahun berakhir 2021 adalah **1921 orang** penghuni. Pecahan penghuni adalah seperti graf di bawah.



## 2. CAWANGAN SOKONGAN SOSIAL WARGA EMAS

### 2.1 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) adalah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. PAWE disasarkan kepada warga emas berumur 60 tahun ke atas dan sihat serta dapat menguruskan diri. Sejak 2002 hingga 2020, sebanyak 143 buah PAWE telah diwujudkan.

Konsep penubuhan dan pengoperasian PAWE adalah berteraskan kepada beberapa elemen iaitu:

- **Komuniti Setempat**

PAWE merupakan pusat aktiviti yang ditubuhkan berdasarkan keperluan komuniti setempat khususnya warga emas. Ianya merupakan tempat bagi warga emas menimba ilmu pengetahuan, mengisi masa lapang dan meningkatkan kemahiran dalam pelbagai bidang seperti sukan, agama, kesihatan, sosial dan sebagainya.

- **Inter Generasi**

PAWE juga merupakan tempat bagi semua generasi saling bekerjasama antara satu sama lain ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Ianya juga merupakan satu program yang menggabung jalinkan antara warga emas bersama kanak-kanak, remaja, Orang Kurang Upaya (OKU) dengan komuniti setempat dan sebagainya.

- **Interaktif**

Interaktif merupakan kaedah pelaksanaan sesuatu program di PAWE yang lebih menarik dan sesuai dengan kehendak dan keperluan semua pihak. Ianya juga merupakan program secara perkongsian maklumat dua hala secara berterusan.

Bagi memastikan warga emas di PAWE dapat berdikari dan berinteraksi sesama mereka dan masyarakat setempat, pelbagai aktiviti telah disediakan di pusat berkenaan selaras dengan Dasar Warga Emas Negara iaitu melibatkan 5 dimensi:



**BILANGAN WARGA EMAS BERDAFTAR SEBAGAI AHLI PAWE MENGIKUT JANTINA BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| JANTINA | TAHUN 2019 | TAHUN 2020 | TAHUN 2021 |
|---|---|---|---|
| LELAKI | 15,403 | 17,984 | 19,489 |
| PEREMPUAN | 24,533 | 29,199 | 31,440 |
| **JUMLAH BESAR** | **39,936** | **47,183** | **50,929** |

**BILANGAN WARGA EMAS BERDAFTAR SEBAGAI AHLI PAWE MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

| KAUM | TAHUN 2019 | TAHUN 2020 | TAHUN 2021 |
|---|---|---|---|
| MELAYU | 19,852 | 23,735 | 25,228 |
| CINA | 11,027 | 13,861 | 15,233 |
| INDIA | 2,098 | 2,317 | 2,496 |
| PERIBUMI SEMENANJUNG | 11 | 69 | 69 |
| PERIBUMI SABAH (PSB) | 828 | 969 | 1,679 |
| PERIBUMI SARAWAK (PSW) | 6,074 | 6,138 | 6,130 |
| LAIN-LAIN | 46 | 94 | 94 |
| **JUMLAH BESAR** | **39,936** | **47,183** | **50,929** |

### 2.2 Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)

Program UPWE merupakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas yang tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di Hospital/Klinik Kesihatan sama ada yang disediakan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta. Skop program juga boleh diperluaskan untuk perkhidmatan-perkhidmatan lain bagi urusan keperluan sosial warga emas dengan kebenaran Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Program ini beroperasi di bawah kendalian Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) dan dipantau oleh JKM. Pada masa ini terdapat **9 buah** kenderaan yang ditempatkan di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia.

**Statistik Kekerapan Warga Emas yang Menggunakan UPWE Tahun 2019 Hingga 2021**

| BIL. | NEGERI | LOKASI | 2019 | 2020 | 2021 |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PERLIS | Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah, Arau | 289 | 237 | 196 |
| 2 | KEDAH | PAWE Kulim | 370 | 218 | 197 |
| 3 | SELANGOR | PAWE Sabak Bernam | 147 | 169 | 205 |
| 4 | MELAKA | Pejabat MPKSM Melaka | 200 | 118 | 122 |
| 5 | JOHOR | Bengkel Sampul Surat, MPKSM Batu Pahat | 82 | 225 | 314 |
| 6 | KELANTAN | Rumah Sejahtera Kemumin | 287 | 246 | 168 |
| 7 | TERENGGANU | PAWE Besut | 159 | 67 | 179 |
| 8 | PAHANG | PAWE Pekan | 157 | 93 | 89 |
| 9 | | PAWE Raub | 205 | 217 | 217 |
| **JUMLAH** | | | **1896** | **1590** | **1687** |

### 2.3 Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang Baharu

Pada tahun 2021, sebanyak 10 buah PAWE baharu telah diluluskan dan telah ditubuhkan seperti berikut:

1. PAWE Sepanggar, Sabah
2. PAWE Pensiangan Sabah
3. PAWE Seri Serbang, Sabah
4. PAWE Manong, Perak
5. PAWE Tanjong Karang, selangor
6. PAWE Rantau Panjang, Kelantan
7. PAWE Rasah, N. Sembilan
8. PAWE Sungai Petani, Kedah
9. PAWE@Myageing, Seremban Negeri Sembilan
10. PAWE Jelebu, Negeri Sembilan

Jumlah keseluruhan PAWE adalah sebanyak 153 buah di seluruh negara.

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Program Ihya' Ramadan

- **Tarikh:** 13 April Hingga 12 Mei 2021
- **Tempat:** Institusi Warga Emas

### 2. Bengkel Semakan dan Penambahbaikan Garis Panduan Pengurusan Harta Penghuni Institusi Warga Emas

- **Tarikh:** 5 Hingga 7 April 2021
- **Tempat:** Bilik Seminar Bahagian Warga Emas

### 3. Kursus Taffaquh Fiddin (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 22 hingga 23 Jun 2021

Kursus Tafaqquh Fiddin yang merupakan salah satu kursus peningkatan kompetensi bagi pegawai kader Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mula dilaksanakan pada tahun 2020 dan menjadi program tahunan yang wajib dihadiri oleh semua Pegawai dan Pembantu Hal Ehwal Islam. Program ini telah dilaksanakan pada 22 dan 23 Jun 2021. Seramai 42 orang peserta yang terdiri daripada Pembantu Hal Ehwal Islam di institusi JKM dan dua orang Pegawai Hal Ehwal Islam telah menyertai program ini. Kursus ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Shaballah bin Zainal Abidin, Pengarah Bahagian Warga Emas.

**Objektif program:**

- Memperkukuh pengetahuan, kefahaman dan penghayatan ilmu pengurusan Hal Ehwal Islam terutamanya dalam bidang akidah, ibadah dan akhlak dalam kalangan Pegawai dan Pembantu Hal Ehwal Islam dalam mendepani isu-isu semasa yang semakin mencabar;

- Mempertingkat kompetensi Pegawai dan Pembantu Hal Ehwal Islam yang berperanan sebagai pembimbing agama warga di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat; dan

- Memberi peluang dan pengalaman mendekati golongan ilmuan melalui proses pengajian secara berstruktur.

Antara pengisian program adalah merangkumi slot Pemahaman konsep dan kepentingan pelaksanaan Maqasid Syariah dalam pengurusan Islam, memahami akidah ahli Sunnah Wal Jamaah dan Diskusi isu fiqh Taharah (bersuci).

### 4. Kalam Jaddi (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 23 Ogos Hingga 15 September 2021

Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menganjurkan Program Kalam Jaddi Penghuni Institusi Warga Emas Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 23 Ogos hingga 15 September 2021.

Objektif program:

- Melestari warga emas melalui penuaan yang sihat, aktif dan produktif;

- Menguji tahap pemahaman dan penguasaan warga emas dalam aspek kerohanian dan sukan sejajar dengan pelaksanaan Kalam Jaddi dan Modul 1 Institusi 1 Idola; dan

- Mengeratkan hubungan intergenerasi antara warga emas dan generasi muda;

Program ini merupakan program yang berbentuk penilaian keupayaan warga emas dalam bidang Al-Quran dan Fardhu Ain. Pada tahun 2021, buat pertama kalinya Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dilibatkan dalam program ini.

Sebanyak **11 buah Institusi Warga Emas** dan **43 buah PAWE** mengambil bahagian dengan keseluruhan penyertaan seramai **99 orang**. Terdapat 3 cara pertandingan dalam program ini iaitu Tilawah Al-Quran, Hafazan Al-Quran dan Azan. Kaedah pelaksanaan program adalah secara rakaman video (Tilawah dan Azan) dan menggunakan aplikasi Zoom (Hafazan).

Johan keseluruhan bagi kategori Institusi dimenangi oleh Rumah Seri Kenangan Kangar. Manakala bagi kategori PAWE dimenangi oleh PAWE Gemilang Johor.




Ucapan perasmian oleh Puan Hezleen binti Hassan
Pengarah Bahagian Warga Emas




Peserta hafazan Al-Quran sedang memperdengarkan bacaan

**5. Rakaman Ucapan Hari Warga Emas YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

- **Tarikh:** 28 September 2021
- **Tempat:** Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Lembah Pantai

**6. Sambutan Hari Warga Emas (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 1 Oktober 2021

Sambutan Hari Warga Emas pada tahun ini diraikan dalam suasana pandemik COVID-19 pada 1 Oktober 2021 secara dalam talian. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menetapkan tema Hari Warga Emas Antarabangsa Tahun 2021 adalah berkaitan dengan digital iaitu "Digital Equity for All Ages".

Selari dengan tema di peringkat antarabangsa, KPWKM telah memilih tema "Kesaksamaan Digital Merentasi Usia" sebagai tema Hari Warga Emas Tahun 2021. Melalui sambutan ini,

pelbagai maklumat terkini, kesedaran terhadap keselamatan dan privasi digital dan penjagaan kesihatan warga emas telah dikongsikan bersama masyarakat khususnya warga emas. Sambutan ini juga telah disiarkan melalui FB Live JKM dan dilayari oleh 5,100 orang melalui siaran tersebut dan 494 orang penyertaan di dalam aplikasi zoom.




Sesi forum sempena Sambutan Hari Warga Emas Peringkat Kebangsaan Tahun 2021




Program temubual bagi mempromosikan Sambutan Hari Warga Emas

**7. Mesyuarat Jawatankuasa Penubuhan dan Pemberian Bantuan Kewangan bagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) Bil. 1/2021**

- **Tarikh:** 25 Januari 2021
- **Tempat:** Bilik Mesyuarat Aras 11
- **Pengerusi:** Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh
  Timbalan Ketua Pengarah Operasi, JKM

## 8. Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Pengoperasian Tahunan Dan Penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Baharu Negeri Perak Tahun 2021

- **Tarikh:** 13 Mac 2021
- **Tempat:** Hotel Kinta Riverfront Ipoh, Perak
- **Perasmi:** YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
  Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat






## 9. Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Pengoperasian Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Zon Tengah Tahun 2021

- **Tarikh:** 27 Mac 2021
- **Tempat:** Hotel Empress, Sepang
- **Pengerusi:** YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
  Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat







## 10. Mesyuarat dan Taklimat Pengurusan PAWE Zon Selatan

- **Tarikh:** 1 April 2021
- **Tempat:** Pejabat Daerah Tangkak, Johor
- **Pengerusi:** Puan Halyjah binti Muhamad
  Ketua Penolong Pengarah







### 11. Majlis Pelancaran PAWE Bertadarus 2021

- **Tarikh:** 21 April 2021
- **Tempat:** PAWE Setiawangsa, Kuala Lumpur
- **Perasmi:** Puan Rosmahwati binti Ishak
  Timbalan Ketua Pengarah Strategik

### 12. Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Pengoperasian Tahunan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Zon Utara Tahun 2021

- **Tarikh:** 24 April 2021
- **Tempat:** Hotel Park Avenue, Sg Petani, Kedah
- **Perasmi:** YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
  Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

### 13. Mesyuarat Jawatankuasa Penubuhan dan Pemberian Bantuan Kewangan bagi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) Bil. 2/2021

- **Tarikh:** 7 Mei 2021
- **Tempat:** Bilik Mesyuarat Aras 11
- **Pengerusi:** Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh
  Timbalan Ketua Pengarah Operasi

### 14. Taklimat #SayaDigital kepada Ahli PAWE (2 Siri) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 30 September 2021 & 7 Oktober 2021
- **Penceramah:** MDEC
- **Peserta:** 356 Warga Emas dari 83 Buah PAWE




### 15. Perbincangan Meja Bulat bagi Pembentukan Resolusi PAWE Tahun 2021 (Dalam Online)

- **Tarikh:**19 Ogos 2021









## 16. Persidangan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Tahun 2021 (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 14 September 2021
- **Peserta:** 300 Orang melalui Aplikasi Zoom Meeting dan lebih daripada 4 ribu tontonan di Facebook















## 17. Mesyuarat Projek Rintis Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) sebagai Hab Perkhidmatan Warga Emas bersama PAWE UKM dan PAWE UIA

- **Tarikh:** 11 Mac 2021
- **Peserta:** Bilik Mesyuarat Aras 11





## 18. Taklimat Agihan Bantuan Kewangan Pengoperasian dan Naziran PAWE (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 27 Julai 2021
- **Peserta:** 100 orang



## 19. Persidangan Meja Bulat ke Arah Negara Tua 2030 "Kesejahteraan Psikososial di Era Pandemik"

Bahagian Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menganjurkan Persidangan Meja Bulat ke Arah Negara Tua 2030 "Kesejahteraan Psikososial di Era Pandemik". Objektif seminar ini adalah:

i) Meneroka isu-isu dan cabaran semasa yang dihadapi oleh individu, keluarga dan masyarakat dalam menghadapi negara tua 2030;

ii) Membincangkan inisiatif terkini profesion kerja sosial dalam meningkatkan kesejahteraan warga emas dan anggota masyarakat;

iii) Menyediakan wadah perbincangan berkaitan kerja sosial dan gerontologi kepada warga emas, penyelidik dan pengamal kerja sosial; dan

iv) Meningkatkan potensi warga emas secara inklusif dalam suasana pasca COVID-19.



Sesi rakaman secara langsung Persidangan Meja Bulat Ke Arah Negara Tua 2030 "Kesejahteraan Psikososial di Era Pandemik"

## 20. Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 3 Jun 2021
- **Pengerusi:** YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
  Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) yang dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diadakan pada 3 Jun 2021. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh ahli majlis yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan dan NGO berkaitan warga emas. Berikut kertas pembentangan dalam mesyuarat MPPWEN bagi tahun 2021:

| BIL | KERTAS PEMBENTANGAN | ORGANISASI |
|---|---|---|
| 1 | Pelaksanaan Penilaian Semula Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia | Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) |
| 2 | Laporan Kemajuan Projek Age-Friendly City | Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) |
| 3 | Pelaksanaan Program Intervensi Ke Arah Negara Tua 2030 | Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |



YB Menteri Dato Seri Rina Harun mempengerusikan Mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) Bil. 1/2021 secara dalam talian



**SEKTOR** OPERASI

# **BAHAGIAN**
# KEBAJIKAN
# PRODUKTIF

## PENGENALAN

Bahagian Kebajikan Produktif bertanggungjawab dalam merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program bantuan kebajikan dan usaha meningkatkan taraf sosioekonomi kumpulan sasar JKM kearah hidup berdikari serta menguruskan mangsa-mangsa bencana.

**Bahagian ini terdiri daripada lima (5) cawangan seperti berikut:**

1. Pengurusan Bantuan;
2. Pembangunan Klien Produktif;
3. Krisis dan Bencana;
4. Keusahawana Sosial;
5. Sekretariat Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Di Perbadankan (KPKMD)

## PENCAPAIAN DAN SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

## CAWANGAN PENGURUSAN BANTUAN

### 1. Majlis Perasmian Peluasan Program Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (JKMPay)

- **Tarikh:** 22 November 2021
- **Tempat:** Taman Sinar Harapan Kuala Terengganu, Terengganu
- **Perasmi:** YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
  Menteri KPWKM

Majlis pelancaran peluasan program ini telah disempurnakan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 22 November 2021 di Taman Sinar Harapan, Kuala Terengganu, Terengganu. Turut hadir ialah Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita & Keluarga dan Perpaduan Nasional Negeri Terengganu, YBhg. Tuan Hanafiah bin Mat, Ketua Setiausaha KPWKM, YBhg Dr Maziah Che Yusof dan Ketua Pegawai Eksekutif BIMB, YBhg Mohd Muazzam Mohamed.

## INPUT PROGRAM

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang melaksanakan satu inisiatif baru iaitu projek **Bayaran Bantuan Kewangan Tanpa Tunai (*Cashless*)** atau dikenali sebagai JKMPay. Projek ini berstatus PROJEK RINTIS, dilaksanakan secara kerjasama bersama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) berdasarkan Memorandum Persefahaman (MOU) yang telah ditandatangani pada 13 Ogos 2020.

Program Bayaran Tanpa Tunai (*Cashless*) bermula dengan Projek Rintis yang dilaksanakan pada Februari 2021 hingga Julai 2021 dan seterusnya diperluaskan ke negeri-negeri mengikut

fasa yang telah ditetapkan. Program ini hanya melibatkan penerima bantuan baharu dan tidak melibatkan penerima bantuan sedia ada.

Objektif program:

- Memperkasa program bantuan kewangan JKM melalui kaedah bayaran tanpa tunai;
- Memperkukuhkan kolabarasi di antara kerajaan dan pihak swasta dalam meningkatkan perkhidmatan Jabatan;
- Memastikan bantuan yang diterima dimanfaatkan untuk penyediaan keperluan asas harian; dan
- Menyokong ke arah mewujudkan masyarakat digital selaras dengan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia 2021 dan Memacu Tranformasi Perkhidmatan Digital Sektor Awam yang menyasarkan semua kementerian dan agensi menyediakan pilihan pembayaran tanpa tunai menjelang tahun 2022.

Pelaksanaan program ini melibatkan semua skim bantuan kewangan bulanan Persekutuan dan penerima bantuan baharu sahaja tanpa melibatkan penerima bantuan sedia ada. Skim-skim bantuan yang terlibat adalah:

i. Bantuan Kanak-Kanak
ii. Bantuan Warga Emas
iii. Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya
iv. Bantuan Penjagaan Pesakit Kronik dan OKU Terlantar
v. Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja
vi. Bantuan Anak Pelihara
vii. Bantuan Latihan Perantis
viii. Bantuan Am Persekutuan

Setiap peserta yang terlibat telah diberi penerangan berkaitan program ini dan menandatangani surat persetujuan. Penerima bantuan tetap menerima jumlah bantuan mengikut kadar sedia ada yang dibahagikan kepada 50 peratus secara tunai dan 50 peratus secara tanpa tunai (*cashless*).

Contoh:

| BIL | SKIM BANTUAN | KADAR BANTUAN DITERIMA (RM) | TANPA TUNAI (RM) (50%) | TUNAI (RM) (50%) |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Elaun Pekerja OKU | 450 | 225 | 225 |
| 2. | Bantuan Kanak-Kanak | 1000 (Maksima) | 500 | 500 |
| 3. | Bantuan Warga Emas | 500 | 250 | 250 |

Melalui kaedah ini penerima bantuan menerima kelulusan dengan kadar penuh. Penambahbaikan kaedah perlaksanaan program ini, setiap peserta disediakan 2 kaedah penggunaan wang bantuan iaitu perbelanjaan secara tunai 50% dan perbelanjaan tanpa tunai 50%. Bagi perbelanjaan tanpa tunai penerima bantuan hanya boleh membeli barangan seperti berikut:

i. Makanan dan minuman;
ii. Keperluan isi rumah (pampers, bahan pencuci, tuala wanita dan lain-lain);
iii. Ubat-ubatan; dan
iv. Barangan seperti rokok dan minuman beralkohol tidak dibenarkan.

Sehingga kini terdapat seramai **4,752 penerima bantuan baharu** jabatan yang mengikuti program ini. Pecahan statistik penerima bantuan mengikut negeri dan skim adalah seperti berikut:

| BIL | NEGERI | BIL DAERAH | SKIM BANTUAN BULANAN | | | | | | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | BKK | BWE | BTB | BPT | EPOKU | BAP | |
| 1 | **PERLIS** | 1 | 128 | 83 | 149 | 174 | 158 | 1 | **693** |
| 2 | **KEDAH** | 12 | 595 | 454 | 602 | 464 | 546 | 0 | **2661** |
| 3 | **MELAKA** | 3 | 171 | 260 | 173 | 95 | 223 | 2 | **924** |
| 4 | **TERENGGANU** | 3 | 85 | 15 | 57 | 46 | 52 | 0 | **255** |
| 5 | **KELANTAN** | 2 | 78 | 18 | 4 | 39 | 41 | 0 | **180** |
| 6 | **SELANGOR** | 2 | 9 | 15 | 5 | 4 | 6 | 0 | **39** |
| **JUMLAH** | | 23 | 1066 | 845 | 990 | 822 | 1026 | 3 | **4752** |












**2. Sesi Perbincangan Pelaksanaan Integrasi Sistem eBantuanJKM dan iSPEKS di Negeri Selangor**

- **Tarikh:** 17 Disember 2021
- **Tempat:** Perbendaharaan Negeri Selangor
- **Pengerusi:** Tuan Dr. Shahril bin Baharim

Sesi perbincangan pelaksanaan integrasi sistem eBantuanJKM dan iSPEKS di Negeri Selangor telah diadakan pada 17 Disember 2021 di Perbendaharaan Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Tuan Dr. Shahril bin Baharim, Bendahari Negeri Selangor.

Turut hadir ialah Dr. Zaitol binti Salleh, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor, Puan Nuurhidayah binti Md Bohari, Akauntan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Rafidah binti Abdul Aziz, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian

Kebajikan Produktif, Puan Noor Fariza binti Saidin, Akauntan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Puan Norshafazila binti Samri, Bahagian Pengurusan Maklumat.

**INPUT PROGRAM**

1) Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (SPBK) yang dikenali sebagai Sistem eBantuanJKM dibangunkan pada tahun 2006 dan dilancarkan pada tahun 2007. Sistem eBantuanJKM merupakan sistem dalam talian yang mempunyai pangkalan data penerima bantuan yang diwujudkan bagi memudahkan proses pengurusan bantuan, proses bayaran, pemantauan, pengumpulan statistik dan membudayakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan kakitangan JKM diselarikan dengan proses kerja ISO 9001: 2015.

2) Sistem iSPEKS dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang melibatkan 11 Kerajaan Negeri dan telah mula digunakan sejak tahun 2017. Setiap Kerajaan Negeri mempunyai server yang berasingan di mana setiap proses integrasi memerlukan pengujian di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) JKM dan Bendahari Negeri masing-masing.

3) Pelaksanaan integrasi ini melibatkan proses pembayaran Bantuan Am Negeri menggunakan antaramuka sistem eBantuanJKM dan iSPEKS.

4) Objektif pelaksanaan integrasi adalah untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam proses pengurusan bayaran bantuan kebajikan serta meminimakan teguran audit dan menutup ruang berlakunya penyelewengan.

5) Pelaksanaan integrasi sistem berkenaan diyakini memberi impak positif secara langsung kepada pelbagai pihak. Antaranya adalah:

   i. Mengelakkan pengurusan bayaran bantuan secara manual yang membuka ruang berlakunya ketirisan;
   ii. Pembayaran bantuan kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia dapat dielakkan;
   iii. Proses pembayaran bantuan dapat diseragamkan di seluruh Malaysia; dan
   iv. Proses pemantuan dapat dijalankan secara cekap dan mudah

6) Cadangan pelaksanaan integrasi sistem eBantuanJKM dan iSPEKS akan dilaksanakan secara berperingkat dan dibahagikan kepada:

| CADANGAN TARIKH PELAKSANAAN | NEGERI TERLIBAT |
|---|---|
| Projek rintis | • Selangor (PKMD Shah Alam) – 7 dan 8 Februari 2022<br>• Selangor (11 PKMD) – 1 Mac 2022 |
| Fasa 1 : April 2022 | • Perak<br>• Kedah<br>• Johor |
| Fasa 2 : Jun 2022 | • Pahang<br>• Terengganu<br>• Kelantan |
| Fasa 3 : Julai 2022 | • Pulau Pinang<br>• Perlis<br>• Melaka<br>• Negeri Sembilan |





## CAWANGAN KEUSAHAWANAN SOSIAL

### 1. Penglibatan Ex-Officio JKM ke Mesyuarat Anggota Koperasi Prowell Berhad (Cooprowell) Kali Ke-7/2021

- **Tarikh:** 15 November 2021
- **Tempat:** PLPP, Bangi Selangor

Koperasi ProWell Berhad (*Cooprowell*) merupakan antara inisiatif baharu Bahagian Kebajikan Produktif bagi membantu kumpulan sasar jabatan menjana pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi agar tidak bergantung sepenuhnya dengan bantuan kewangan daripada jabatan. *Cooprowell* telah diluluskan pendaftaran oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia pada 22 April 2020. Keanggotaan koperasi adalah dalam kalangan klien jabatan iaitu:

i. Penerima bantuan jabatan;
ii. Usahawan dalam kalangan klien jabatan;
iii. Orang Kurang Upaya (OKU); dan
iv. Petugas, Penyelia, dan Jawatankuasa Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Cawangan Keusahawanan Sosial, Bahagian Kebajikan Produktif telah menyertai Mesyuarat Anggota Koperasi ProWell Berhad kali-7/2021 sebagai *ex-officio* JKM. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pengerusi Koperasi sendiri iaitu Prof. Madya Dr. Hj. Mohamed Saat bin Ismail dan dihadiri seramai 15 Anggota Lembaga Koperasi yang telah dilantik semasa Mesyuarat Agung koperasi yang pertama.

Antara perbincangan yang dijalankan termasuklah keanggotaan koperasi dalam kalangan pelatih dan Jawatankuasa PDK, pembukaan cawangan Koperasi Berhad di PDK Trolak Perak dan cadangan kerjasama menjadikan industri kerepek Trolak sebagai pusat pengumpulan dan pembungkusan makanan *Cooprowell*.

## 2. Pemantauan Projek Prowell dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Prowell Berhad di Johor dan Terengganu

- **Tarikh:** 7-10 November 2021
- **Tempat:** Desa Bina Diri Mersing, Johor
  PDK Wakaf Tapai, Terengganu

Cawangan Keusahawanan Sosial, Bahagian Kebajikan Produktif telah melaksanakan pemantauan projek bagi tujuan peluasan pembangunan program keusahawanan sosial. Dua lokasi yang telah dipilih adalah Desa Bina Diri Mersing, Johor dan PDK Wakaf Tapai Terengganu.

Di DBD Mersing, sesi perbincangan telah dijalankan bagi membincangkan potensi-potensi kerjasama dan program-program keusahawanan institusi tersebut bersama pihak JKM. Lawatan turut dibuat dengan melihat bengkel jahitan yang diusahakan oleh penghuni DBD Mersing.

PDK Wakaf Tapai, Terengganu merupakan antara PDK yang aktif dan mempunyai potensi yang sangat besar dalam program keusahawanan sosial. Hasil perbincangan dan lawatan projek yang dilaksanakan bersama PDK tersebut, PDK Wakaf Tapai telahpun meluaskan jaringan pemasaran hingga ke pasaran Singapura melalui kraftangan-kraftangan yang dihasilkan oleh mereka. Justeru, perbincangan yang dibuat banyak menjurus kepada strategi-strategi pemasaran bagi membantu PDK tersebut dalam meluaskan lagi perniagaan program keusahawanan mereka.



Desa Bina Diri Mersing, Johor




PDK Wakaf Tapai, Terengganu

## CAWANGAN PENGURUSAN KRISIS DAN BENCANA

### 1. Majlis Pelancaran Sistem Infobencana 2.0

- **Tarikh:** 21 November 2021
- **Tempat:** Depoh Simpanan Keperluan Bencana, Kuantan
- **Perasmi:** YB Datuk Seri Rina Mohd Harun
  Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Sistem InfobencanaJKM merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk:

i) Menyalurkan informasi terkini dan semasa (*real time*) maklumat pengurusan bencana serta pelaporan statistik mangsa berpindah ke PPS di seluruh Malaysia melalui aplikasi yang boleh dimuat turun di *Google Play* dan *App Store* dan dikemaskini setiap 4 jam;

ii) Sistem yang mesra pengguna (*user friendly*), interaktif, efisien dan efektif; dan

iii) Sumber rujukan dalam pelaporan statistik merangkumi pelbagai kategori bencana.

**01** Dwi Bahasa (BM dan BI);

**02** Integrasi dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM);

**03** Capaian menerusi aplikasi mobile;

**04** Statistik terkini PPS yang diaktifkan dan jumlah mangsa berpindah ke PPS;

**05** Paparan dashboard keseluruhan dan dashboard negeri;

**06** Fungsi maklumat PPS terdekat diaktifkan;

**07** Fungsi petunjuk arah Global Positioning System (GPS);

**08** Senarai talian kecemasan yang boleh dihubungi;

**09** Senarai fasiliti penyimpanan bekalan keperluan;

**10** Capaian info paras air sungai;

**11** Capaian info jalan tutup; dan

**12** Maklumat kapasiti PPS

Manfaat sistem ini diperkenalkan adalah untuk:

i. Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan akses capaian dalam pengurusan bencana;
ii. Mentransformasikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan pantas;
iii. Menjadikan aplikasi sebagai sumber rujukan utama dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan, penggunaan dan keberkesanan dalam pengurusan bencana; dan
iv. Pengumpulan dan pelaporan statistik mangsa bencana bagi tujuan capaian info bencana kepada rakyat.







## CAWANGAN SEKRETARIAT KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT DI PERBADANKAN (KPKMD)

### 1. Program YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ‘Santuni Penerima Bantuan Program PRIHATIN Kasih Parlimen Titiwangsa’

- **Tarikh:** 13 Julai 2021
- **Tempat:** The Store Pudu Plaza 2, Jalan Landak, 55100 Pudu Kuala Lumpur

PRIHATIN Kasih yang dilaksanakan kerajaan melalui Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) memberi manfaat kepada 110,284 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daripada keseluruhan 300,000 isi rumah yang dijangka dibantu melalui program ini. Penerima JKM melibatkan kelompok miskin bandar antaranya penerima Bantuan Warga Emas (BWE), Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya (EPOKU) dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB). Turut mendapat manfaat daripada program ini termasuklah penerima Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT), Bantuan Am (BA), Bantuan Anak Pelihara (BAP) dan Bantuan Latihan Perantis (BLP).

Program PRIHATIN Kasih dilihat amat membantu usaha menangani isu miskin bandar melalui pangkalan data daripada JKM dan e-Kasih selain bantuan bakul makanan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Penerima bantuan menerima bantuan bulanan sebanyak RM100 untuk tiga bulan dimana bantuan tersebut boleh digunakan untuk membeli barangan makanan asas seperti makanan dalam tin, susu bayi, beras, minyak masak, telur dan sebagainya berdasarkan pilihan isi rumah menggunakan MyKad. Menariknya, jika terdapat baki yang tidak habis digunakan dalam sebulan itu, ia boleh di bawa ke bulan seterusnya sehingga Disember.









## CAWANGAN PEMBANGUNAN KLIEN PRODUKTIF

### *2 YEARS EXIT PROGRAMME (2YEP)*

Selaras dengan pendekatan *Productive Welfare* yang mula diperkenalkan oleh JKM pada tahun 2010, cawangan ini memfokuskan kepada kapasiti dan usaha yang mensasarkan penerima bantuan kebajikan supaya dapat terus hidup berdikari melalui pembelajaran pelbagai kemahiran kehidupan *(survival skills)* yang bersesuaian dengan keupayaan mereka dan aspek motivasi agar tidak bergantung kepada bantuan kerajaan buat selama-lamanya. Selain itu cawangan ini juga berfungsi menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan agar penerima bantuan tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup.

Mulai tahun 2016, selari dengan kelulusan projek bukan fizikal di bawah *Rolling Plan* pertama (RP1) RMKe-11, JKM telah membuat peluasan pelaksanaan program 2 *Years Exit Programme* (2YEP) ke seluruh negara, yang menekankan program pembangunan kapasiti dan pendayaupayaan klien dengan peruntukan yang diluluskan sebanyak RM2.5 juta. **Bagi tahun 2021**, sebanyak RM1 juta peruntukan telah diluluskan untuk pelaksanaan program 2YEP.

## LAPORAN PENCAPAIAN:

### A. Status Kewangan di bawah Projek Pembangunan P48, *2 Years Exit Programme:*

| | PELAPORAN KEWANGAN PROGRAM 2 YEP DIBAWAH PERUNTUKAN PEMBANGUNAN (P48) BAGI TAHUN 2021 | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| BIL | NEGERI | AGIHAN WARAN PERUNTUKAN | PERBELANJAAN | BAKI PERBELANJAAN | PERATUS (%) |
| 1 | PERLIS | 28,500.00 | 28,498.80 | 1.20 | 99.9 |
| 2 | KEDAH | 79,800.00 | 79,799.00 | 1.00 | 99.9 |
| 3 | PULAU PINANG | 51,300.00 | 51,300.00 | 0.00 | 100 |
| 4 | PERAK | 79,800.00 | 79,800.00 | 0.00 | 100 |
| 5 | SELANGOR | 123,300.00 | 123,300.00 | 0.00 | 100 |
| 6 | WPKL | 57,000.00 | 57,000.00 | 0.00 | 100 |
| 7 | N9 | 79,800.00 | 79,800.00 | 0.00 | 100 |
| 8 | MELAKA | 57,200.00 | 57,080.00 | 120.00 | 99.7 |
| 9 | JOHOR | 126,300.00 | 126,300.00 | 0.00 | 100 |
| 10 | PAHANG | 93,300.00 | 93,300.00 | 0.00 | 100 |
| 11 | TERENGGANU | 93,300.00 | 93,300.00 | 0.00 | 100 |
| 12 | KELANTAN | 93,300.00 | 93,300.00 | 0.00 | 100 |
| 13 | SABAH | 28,500.00 | 28,500.00 | 0.00 | 100 |
| 14 | WP LABUAN | 8,600.00 | 8,600.00 | 0.00 | 100 |
| | JUMLAH TERKIN | 1,000,000.00 | 999,877.80 | 122.20 | 99% |

### B. Pencapaian Kuota Peluasan 2 YEP bagi 2021:

| NEGERI | JENIS PERNIAGAAN | | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | JUMLAH PESERTA 2021 | PERNIAGAAN PERKHIDMATAN | PERTANIAN | PERTERNAKAN | MAKANAN & MINUMAN | JAHITAN & PAKAIAN | ANDAMAN/SPA /URUTAN | LAIN-LAIN PERNIAGAAN | KEDAI RUNCIT |
| PERLIS | 10 | 1 | 0 | 0 | 5 | 1 | 0 | 3 | 0 |
| KEDAH | 28 | 7 | 1 | 1 | 15 | 3 | 0 | 1 | 0 |
| PULAU PINANG | 19 | 2 | 0 | 0 | 12 | 3 | 0 | 2 | 0 |
| PERAK | 29 | 2 | 0 | 1 | 24 | 0 | 0 | 2 | 0 |
| SELANGOR | 46 | 8 | 1 | 0 | 22 | 5 | 2 | 8 | 0 |
| WPKL | 20 | 5 | 0 | 0 | 7 | 5 | 3 | 0 | 0 |
| N9 | 28 | 3 | 0 | 0 | 17 | 4 | 0 | 3 | 1 |
| MELAKA | 20 | 0 | 0 | 0 | 19 | 1 | 0 | 0 | 0 |
| JOHOR | 61 | 2 | 0 | 0 | 49 | 4 | 0 | 2 | 4 |
| PAHANG | 33 | 2 | 1 | 3 | 21 | 2 | 0 | 3 | 1 |
| TERENGGANU | 34 | 5 | 1 | 0 | 14 | 2 | 2 | 7 | 3 |
| KELANTAN | 33 | 0 | 0 | 4 | 21 | 4 | 1 | 3 | 0 |
| SABAH | 10 | 0 | 0 | 0 | 9 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| WP LABUAN | 3 | 0 | 0 | 0 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| JUMLAH | 374 | 37 | 4 | 9 | 238 | 34 | 8 | 34 | 10 |

## GAMBAR PROGRAM 2YEP YANG DILAKSANAKAN OLEH PESERTA














## C. Senarai Kursus yang Telah Dilaksanakan pada Tahun 2021 Adalah Seperti di Bawah:

| BIL | NEGERI | NAMA KURSUS | TARIKH |
|---|---|---|---|
| 1 | PERLIS | 1. Bengkel Penaksiran Peserta 2<br>2. Kursus Literasi Kewangan Peserta 2YEP | 25.3.2021<br>11.9.2021 |
| 2 | KEDAH | e-Training 2Biz 2YEP 2021 | 22.9.2021 |
| 3 | WPKL | Kursus Program Latihan Keusahawanan Peserta 2YEP | 24.10.2021 |
| 4 | MELAKA | Kursus Literasi Kewangan Dan Keusahawanan Peserta 2YEP | 30.3.2021 |
| 5 | JOHOR | Kursus Program Latihan Keusahawanan Peserta 2YEP | 12.9.2021 15.9.2021 |
| 6 | PAHANG | Kursus Transformasi Usahawan 2YEP | 8.9.2021<br>15.8.2021 22.9.2021 |
| 7 | WP LABUAN | Program Pemantapan Kendiri Peserta 2YEP | 23.10.2021 |

**SEKTOR** OPERASI

# BAHAGIAN
# PERUNDANGAN
# DAN
# PENGUATKUASAAN

## PENGENALAN

Secara khususnya, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan bertanggungjawab untuk melaksanakan perundangan dan penguatkuasaan kepada Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984, Akta Pusat Jagaan 1993, Akta Keganasan Rumahtangga 1994 dan Akta Orang-Orang Papa 1977.

Dari aspek pengoperasian, Bahagian ini terdiri daripada 4 cawangan dan 1 unit. Cawangan tersebut adalah Cawangan Pematuhan, Cawangan Pemeriksaan, Cawangan Siasatan dan Cawangan Pendakwaan. Manakala 1 unit tersebut adalah Unit Undang-Undang yang terdiri daripada 3 orang penasihat Undang-Undang. Kesemua Cawangan dan unit ini berperanan mengikut penguatkuasaan akta-akta yang berkaitan.

Untuk menentukan segala urusan perkhidmatan berkaitan perundangan dikendalikan mengikut peruntukan, amalan dan kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah yang ditetapkan, Bahagian ini diberi tanggungjawab untuk melaksanakan elemen penguatkuasaan di bawah akta-akta berikut:

1. Akta Orang-Orang Papa 1977
2. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994
3. Akta Pusat Jagaan 1993
4. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984
5. Akta Kanak-Kanak 2001

## PENCAPAIAN TAHUN 2021

### 1. Pelancaran Sistem Penilaian Kendiri Pusat Jagaan (myKendiri)

Pelancaran Sistem Penilaian Kendiri Pusat Jagaan (myKendiri) telah diadakan pada **23 Oktober 2021** di Kuching Autistic Association Care Centre, Kuching Sarawak. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Seri Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. MyKendiri ini adalah penjenamaan baru yang sebelum ini sistem ini dikenali sebagai mySACC.

Sistem Penilaian Kendiri Pusat Jagaan (myKendiri) ini dapat dilaksanakan sebagai salah satu *Quick Win* yang berimpak tinggi untuk memastikan pusat jagaan berdaftar beroperasi dengan mematuhi semua standard minimum Akta Pusat Jagaan 1993 *[Akta 506]* dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Sistem ini juga adalah bertujuan bagi mencapai keseimbangan tanggungjawab antara pengendali dan pegawai JKM dapat direalisasikan.

Sistem ini telah mula diguna pakai pada 1 Julai 2020 dan diperluas penggunaannya ke semua negeri. Melalui Sistem myKendiri, pengendali Pusat Jagaan berdaftar bertanggungjawab untuk melaksanakan penilaian kendiri berhubung pengurusan dan pengoperasian Pusat Jagaan setiap 6 bulan.

Sehingga Disember 2021 sebanyak 1,590 buah pusat jagaan telah dibuat penilaian oleh pengendali seluruh Malaysia di sistem MyKendiri. Sesi kajian keperluan pengguna/*User Requirement Study* (URS) Penambahbaikan, Penyelenggaraan dan Khidmat Sokongan Sistem myKendiri telah dijalankan pada 23 Ogos 2021. Manakala Sesi Latihan Ujian Penerimaan Pengguna/*User Acceptance* (UAT) Sistem myKendiri telah dijalankan pada 17 November 2021 hingga 18 November 2021. Kedua-dua sesi ini melibatkan 9 orang Pegawai Penyelaras Negeri dan Daerah yang dipilih dari beberapa negeri dan dijalankan secara dalam talian bersama pihak vendor.



**2. Pemantauan Pematuhan SOP Pencegahan Penularan COVID-19 di Pusat Jagaan dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)**

Pemantauan berterusan dilaksanakan ke atas Pusat Jagaan dan TASKA berdaftar yang beroperasi semasa tempoh kawalan pergerakan berkuat kuasa. Ia selaras dengan kuasa yang diberikan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 *[Akta 342]* oleh Menteri Kesihatan Malaysia kepada Pegawai Penguatkuasa JKM.

Pemantauan ini bertujuan untuk memastikan semua Pusat Jagaan dan TASKA berdaftar yang beroperasi semasa tempoh kawalan pergerakan mematuhi SOP yang ditetapkan di bawah Akta 342 serta pematuhan terhadap standard minimum yang ditetapkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 *[Akta 506]* dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 *[Akta 308]*. Selain itu, ia juga bagi memastikan semua garis panduan berkaitan pencegahan penularan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi.

Sebanyak **2,022** pemantauan terhadap pematuhan SOP pencegahan penularan COVID-19 telah berjaya dilaksanakan ke atas Pusat Jagaan dan TASKA berdaftar yang beroperasi bagi tempoh 1 Januari 2021 sehingga 31 Disember 2021. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 931 buah Pusat Jagaan berdaftar dan 1091 buah TASKA berdaftar telah dibuat pemantauan.






### 3. Tindakan Penguatkuasaan ke atas Pusat Jagaan dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA)

Berdasarkan Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506] dan Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308], sebanyak 6 tindakan penguatkuasaan diperuntukkan untuk pengawalan dan pemeriksaan pengoperasian Pusat Jagaan dan TASKA. Tindakan-tindakan penguatkuasaan tersebut ialah, Arahan Bertulis, Tutup Sementara, Batal Perakuan, Lak, Kompaun, dan Dakwa.

Bagi tahun 2021, sebanyak **149** tindakan penguatkuasaan telah diambil bagi memastikan Pusat Jagaan dan TASKA beroperasi mengikut peruntukkan undang-undang yang berkuatkuasa. Daripada jumlah ini sebanyak 4 kompaun telah dikeluarkan dan 1 kes pendakwaan di Mahkamah. Jumlah kutipan denda yang menjadi hasil kerajaan bagi 2 kategori tindakan penguatkuasaan ini adalah sebanyak RM8,400.00. Sementara itu, bagi menghalang pengoperasian Pusat Jagaan dan TASKA secara tidak berdaftar, sebanyak 3 buah Pusat Jagaan dan TASKA telah di lak sepanjang tahun 2021.

| Bil. | Tindakan Penguatkuasaan | Pencapaian 2021 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | **Pusat Jagaan** | | **TASKA** | | **Jumlah** | |
| | | **Bilangan Kes** | **Jumlah (RM)** | **Bilangan Kes** | **Jumlah (RM)** | **Bilangan Kes** | **Jumlah (RM)** |
| 1. | Arahan Bertulis | 1 | - | 19 | - | 20 | - |
| 2. | Lak | 3 | - | 0 | - | 3 | - |
| 3. | Kompaun | 0 | - | 4 | 7,400.00 | 4 | 7,400.00 |
| 4. | Tutup Sementara | 0 | - | 0 | - | 0 | - |
| 5. | Batal Pendaftaran | 70 | - | 51 | - | 121 | - |
| 6. | Dakwa | 1 | 1,000.00 | 0 | - | 1 | 1,000.00 |
| Jumlah | | **75** | **1,000.00** | **74** | **7,400.00** | **149** | **8,400.00** |





## 4. Naziran Semakan Kertas Siasatan bagi Tindakan Penguatkuasaan Taman Asuhan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan

Pada tahun 2021 sebanyak enam (6) buah negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Kelantan telah dipilih untuk diadakan naziran semakan Kertas Siasatan bagi tindakan penguatkuasaan Lak, Kompaun dan Dakwa ke atas Taman Asuhan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan. Naziran ini bertujuan bagi melihat praktis terbaik dan dokumentasi kertas siasatan bagi setiap negeri untuk dibuat penyelarasan dan contoh dalam memuktamadkan Garis Panduan Siasatan bagi Tindakan Penguatkuasaan Taman Asuhan Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan bagi Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Bil 4/2021.




## 5. Pendaftaran Pusat Jagaan di Bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [*Akta 506*]

Sehingga Disember 2021, sebanyak **1,904** buah Pusat Jagaan berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 *[Akta 506]* di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 470 adalah di bawah kendalian Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan 1,434 kendalian pihak swasta/persendirian. Bilangan penghuni keseluruhan seramai 53,730 orang terdiri daripada kanak-kanak, warga emas, OKU dan wanita. Profil pusat jagaan yang berdaftar mulai Januari 2021 hingga Disember 2021 telah disediakan dan diedarkan kepada pengurusan tertinggi, pengarah bahagian dan juga kepada pengarah negeri.

Pusat Jagaan Berdaftar Sehingga 2021

**1904**
Pusat Jagaan Berdaftar

Jumlah Penghuni Keseluruhan
**53,730**

**1,262**
Pusat Jagaan Kanak-Kanak

**384**
Pusat Jagaan Warga Emas

**202**
Pusat Jagaan OKU

**11**
Pusat Jagaan Wanita

**45**
Pusat Jagaan Pelbagai

**Taburan Pusat Jagaan Berdaftar Mengikut Negeri Tahun 2021**




**6. Pemeriksaan Pusat Jagaan Tidak Berdaftar di Bawah Akta Pusat Jagaan 1993 *[Akta 506]***






**7. Pemantauan ke Atas Rumah Sejahtera, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) untuk Didaftarkan Sebagai Pusat Jagaan**









**8. Operasi Mengambil Pengemis/Orang Papa di bawah Akta Orang-Orang Papa 1977 *[Akta 183]* (Infografik)**

| | | |
|---|---|---|
| Pengemis dan Orang Papa yang diambil Tahun 2021 | Warganegara **1,419 orang**<br>Bukan Warganegara **109 orang** | **JUMLAH DIAMBIL**<br>**1,528 orang** |
| Bilangan Operasi Mengambil Pengemis dan Orang Papa Tahun 2020 | Operasi Bersepadu **123** | **JUMLAH OPERASI MENGAMBIL**<br>**1,447** |









**9. Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1996 *[Akta 521]* (Infografik)**

Pengeluaran Perintah Perlindungan Kepada Mangsa Keganasan Rumah Tangga (sehingga November 2020)

**Perintah Perlindungan Sementara (IPO)**
**229**

**Perintah Perlindungan (PO)**
**80**

**Perintah Perlindungan Kecemasan (EPO)**
**21**

**JUMLAH KESELURUHAN PERINTAH**
**330**
telah dikeluarkan

### 10. Pendakwaan Kes Pusat Jagaan Tidak Berdaftar JKMN Perak

Pendakwaan telah dijalankan pada 22 Disember 2021 (Rabu) di Mahkamah Majistret Ipoh, Perak atas kesalahan menjalankan operasi pusat jagaan tidak berdaftar sebagaimana Seksyen 5(1), Akta 506. Orang Kena Saman (OKS) hadir pada tarikh perbicaraan kes. OKS telah mengaku SALAH atas pertuduhan dan dikenakan **DENDA RM1,000.00** (Seribu Ringgit Sahaja) dan perintah lanjutan **OKS berhenti menggunakan premis** seperti dalam alamat pertuduhan mengikut S16A(3)(b) Akta Pusat Jagaan. OKS telah membayar denda tersebut. Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa JKM Perak Khairul Anuar bin Ibrahim.



## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Kursus Pengenalan Akta TASKA dan Pusat Jagaan Serta Tindakan Penguatkuasaan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 24 Februari 2021



## 2. Kursus Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 28 Julai 2021



## 3. Kursus Fotografi bagi Siasatan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 17-18 Ogos 2021



### 4. Kursus Pendaftaran dan Pemeriksaan Efektif Pusat Jagaan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 26 Ogos 2021




### 5. Kursus Pemantapan Pegawai Penyiasat Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Pusat Jagaan (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 06-08 September 2021



## 6. Kursus Pra-Perbicaraan dan Teknik Pendakwaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 20-21 September 2021




## 7. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perlindungan Kes Keganasan Rumah Tangga (Dalam Talian)

➢ **Tarikh:** 8 November 2021



**8. Sesi Libat Urus Bersama Pertubuhan Bukan Kerajaan yang Diluluskan Sebagai Tempat Selamat Bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) (Dalam Talian)**

- **Tarikh:** 1 Disember 2021





**SEKTOR** OPERASI

# BAHAGIAN
KOMUNITI

## PENGENALAN

Bahagian Komuniti telah diwujudkan pada tahun 1983 dengan dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Sosial. Selaras dengan keperluan semasa, nama bahagian ini telah ditukar kepada Bahagian Perundingan dan Khidmat Masyarakat (PKM) pada tahun 1988. Namun, pada Ogos 2005, ia telah ditukar kepada Bahagian Pembangunan Komuniti sebelum diberi nafas baru dengan dinamakan sebagai Bahagian Komuniti bermula pada Februari 2014 sehingga sekarang.

Bahagian Komuniti menumpukan perhatian kepada penglibatan masyarakat dalam pembangunan komuniti melalui penyertaan aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti setempat, sektor swasta, para sukarelawan dan komuniti tempatan yang dilakukan melalui kerjasama strategik. Terdapat empat (4) cawangan di Bahagian Komuniti iaitu:

- Cawangan Kesukarelaan;
- Cawangan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK);
- Cawangan Pembangunan Komuniti; dan
- Cawangan Hubungan Strategik dan Multisektoral.

Antara objektif Bahagian adalah;

- Menggalakkan dan memberi dorongan kepada komuniti tempatan supaya lebih bertanggungjawab, bersatu padu dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan golongan masyarakat tertentu ke arah kesejahteraan dan pembangunan masyarakat;

- Menggalakkan penglibatan dan sumbangan masyarakat dalam perkhidmatan kebajikan sukarela; dan

- Menggalakkan program dan aktiviti pembangunan sosial.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan peneraju utama perkhidmatan kebajikan dan pembangunan masyarakat. Dalam usaha untuk memastikan perkhidmatan kebajikan dan pembangunan masyarakat sampai kepada kumpulan sasar, JKM mengambil pendekatan untuk menyalurkan maklumat dan perkhidmatan melalui kerjasama dan sokongan pelbagai pihak termasuk komuniti setempat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), sektor korporat dan syarikat swasta. Usaha-usaha tersebut telah dilaksanakan dalam siri-siri program berikut:

## 1. SKUAD PRIHATIN NEGARA (SPN)

Skuad Prihatin Negara (SPN) merupakan Skuad kesukarelawan dan kebajikan yang dianggotai oleh warga kerja kementerian, badan bukan kerajaan (NGO), syarikat korporat dan orang awam.

Pewujudan SPN adalah sebagai tanda keprihatinan kerajaan terhadap isu-isu dan permasalahan rakyat dengan melaksanakan kerja-kerja kemasyarakatan dan kemanusiaan sebagai menepati hasrat untuk mendampingi rakyat di peringkat akar umbi.

Penglibatan Skuad Prihatin Negara dapat dilihat ketika berhadapan dengan bencana banjir di Kota Tinggi, Johor yang telah menjejaskan kehidupan seharian sebahagian rakyat. Justeru itu, kementerian mengambil inisiatif mewujudkan SPN sebagai usaha membantu golongan yang terkesan semasa dan selepas banjir.

Program Skuad Prihatin Negara menetapkan dua (2) objektif utama iaitu:

a. Membantu pihak kerajaan menyalurkan bantuan Bakul Prihatin kepada rakyat; dan
b. Memberi peluang kepada warganegara untuk terlibat dengan Program Kesukarelawanan.




Keahlian Skuad Prihatin Negara (SPN)

## PROGRAM BANTUAN BAKUL PRIHATIN SKUAD PRIHATIN NEGARA

a. Penyaluran peruntukan melalui Yayasan Kebajikan Negara; dan
b. Penyampaian Bantuan diselaraskan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan mengerakkan Skuad Prihatin Negara





## 2. PROGRAM KEMBARA PRIHATIN NEGARA (KPN)

**KEMBARA PRIHATIN NEGARA** merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang menyedari akan keperluan untuk agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menyantuni rakyat yang terkesan susulan daripada pendemik COVID-19. KPN diwujudkan atas dasar dan keperluan berikut:

i. Program berbentuk pendampingan sosial atau *social outreach* untuk mendekatkan agensi kerajaan dan pemimpin kepada golongan yang terkesan susulan daripada pendemik COVID-19 khususnya mereka yang terpinggir, daif, miskin dan yang sukar mendapat bantuan. Program ini memberikan tumpuan kepada semua lapisan masyarakat sama ada di bandar atau kawasan luar bandar di seluruh negara;

ii. Sebagai **usaha ke arah kesejahteraan masyarakat** melalui pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan agar sentiasa peka kepada ekspektasi dan kehendak masyarakat yang memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap, cepat dan berkesan. Seterusnya untuk mencapai hasrat perluasan dan peningkatan jentera penyampaian perkhidmatan sedia ada kepada masyarakat khususnya kumpulan sasar sehingga ke peringkat akar umbi terutama di kawasan luar bandar tanpa mengambil kira di mana mereka berada;

iii. **Memperlihatkan keprihatinan kerajaan** kepada permasalahan dan kesukaran yang dialami individu, keluarga dan komuniti yang dianggap terpinggir daripada arus pembangunan dan tidak mendapat pertolongan atau bantuan yang sewajarnya;

iv. **"Kebajikan Tanggungjawab Bersama"** amat ditekankan dengan mengoptimumkan sumber sedia ada antara agensi kerajaan, badan korporat dan komuniti secara kolaborasi strategik melalui pelaksanaan program ini.

### Objektif Kembara Prihatin Negara

i. Turun padang membantu dan menyantuni rakyat yang terkesan serta terjejas dan memerlukan susulan kesan daripada pandemik COVID-19;

ii. Menyebar luas perkhidmatan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat;

iii. Meningkatkan kolaborasi strategik bersama sektor korporat dengan penglibatan bersama masyarakat setempat; dan

iv. Pengumpulan data rakyat yang memerlukan bantuan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

### Tema

Tema Program Kembara Prihatin Rakyat adalah **"Tautan Sepakat Membantu Rakyat"**. Tema ini membawa maksud seperti berikut:

- Kerjasama antara agensi Kerajaan/Korporat/NGO/Sukarelawan;
- Solidariti Pemegang Taruh untuk membantu rakyat; dan
- Rakyat mendapat manfaat daripada bantuan yang dihulurkan.

## Konsep Program Kembara Prihatin Negara

- Program ini adalah melibatkan pergerakan Pasukan Kembara Prihatin Negara (PKPN) menerusi Unit Khidmat Penyayang (UKP) dan kenderaan yang bersesuaian bersama sektor korporat atau agensi kerajaan dari satu *check point* ke *check point* yang dikenal pasti sebagai lokasi tumpuan seperti berikut:

  i. Pasar Pagi/Pasar Tani/Pasar Malam;
  ii. Kompleks Niaga;
  iii. Tempat Ibadah;
  iv. Kompleks Pengangkutan Awam;
  v. Pusat Komuniti Setempat;
  vi. Projek Perumahan Awam; dan
  vii. Projek Perumahan Rakyat.

- Pasukan ini akan berhenti sekitar 2 jam di setiap *check point*. Pasukan Kembara Prihatin Negara akan menyalurkan perkhidmatan dan menyampaikan maklumat Jabatan serta menyampaikan perkhidmatan dan sumbangan oleh pihak sektor korporat kepada semua lapisan masyarakat yang memerlukan di setiap *check point*.

- Semasa berada di tempat yang dikenal pasti, antara aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

  i. Kaunter Perkhidmatan;
  ii. Kaunter Aduan Pelanggan;
  iii. Agihan Bakul Makanan (beras, minyak dan tepung);
  iv. Menyantuni Kes-kes Kebajikan;
  v. Perkhidmatan agensi-agensi KPWKM iaitu:

     a. Ziarah Prihatin
     b. Pembangunan Keluarga
     c. Pemerkasaan Wanita
     d. Kajian Kapasiti

Pelaksanaan **KEMBARA PRIHATIN NEGARA** diharapkan akan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat walau di mana mereka berada. Pendekatan yang digunakan dalam menyalurkan perkhidmatan kebajikan juga lebih sesuai serta menepati kehendak dan keperluan kumpulan sasar. Kesediaan pelbagai agensi kerajaan serta pemimpin tempatan untuk bekerjasama dapat merealisasikan program ini dengan lebih berkesan.




Sekitar Kembara Prihatin Negara

## 3. PROGRAM SKUAD KELUARGA MALAYSIA (SKM)

**Skuad Keluarga Malaysia** yang telah dilancarkan pada 8 Oktober 2021 oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri merupakan nilai tambah bagi penyampaian perkhidmatan oleh agensi-agensi Kerajaan. Skuad Keluarga Malaysia (SKM) merupakan program berbentuk pendampingan sosial atau *social outreach* dengan pelaksanaan aktiviti turun padang bagi menyantuni kumpulan sasar.

Antara objektif pelaksanaan program ini adalah:

i. Intervensi awal membantu dan menyantuni rakyat yang terkesan serta terjejas dan memerlukan susulan daripada pandemik COVID-19;

ii. Mempromosi perkhidmatan kerajaan yang berteraskan *outreach programme* sebagai satu strategi turun padang dan dekat dihati rakyat; dan

iii. Meningkatkan kolaborasi strategik antara Kementerian-Kementerian bersama sektor korporat dan NGO dengan penglibatan masyarakat setempat.

Pelaksanaan program SKM adalah berteraskan kepada tema-tema berikut:

- **Keterangkuman-** merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum serta merangkumi semua lapisan usia;
- **Kebersamaan-** bersatu-padu, prihatin; dan
- **Kesyukuran-** keharmonian, kecintaan.

### Agensi Pelaksana

Pelaksanaan Skuad Keluarga Malaysia melibatkan lima (5) Kementerian iaitu:

i. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab bagi menyelaras pemberian bantuan kepada kumpulan sasar yang memerlukan;

ii. Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia yang bertanggungjawab bagi mempromosi idea Keluarga Malaysia menggunakan jenteranya di seluruh negara;

iii. Kementerian Perpaduan Negara yang bertanggungjawab bagi meniupkan semangat Keluarga Malaysia serta mengenal pasti mereka yang memerlukan;

iv. Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang bertanggungjawab bagi menyelaras pemberian bantuan untuk golongan asnaf melalui agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); dan

v. Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) yang bertanggungjawab bagi memantau keberhasilan kebahagian (Key *Happiness Outcome*-KHO) melalui agensi di bawahnya iaitu Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU).

### Tempoh Pelaksanaan

Tempoh pelaksanaan SKM adalah mulai Oktober 2021 sehingga September 2022.

**Tugas Dan Peranan Skuad Keluarga Malaysia**

Tugas dan peranan SKM adalah sebagai rakan strategik bagi membantu agensi Kerajaan dalam penyampaian perkhidmatan. Antaranya:

a. Pengurusan bantuan-bantuan Kerajaan;
b. Kaunter Perkhidmatan dan Aduan;
c. Intervensi dan rujukan awal agensi;
d. Pengurusan Bencana;
e. Pengurusan Bakul Makanan;
f. Ziarah Prihatin; dan
g. Advokasi Perundangan dan Perkhidmatan.

Sehingga 31 Disember 2021, seramai 105,382 orang klien telah mendapat manfaat daripada Program Skuad Keluarga Malaysia yang melibatkan pelaksanaan program sebanyak 1,707.



Sekitar Program Skuad Keluarga Malaysia (SKM)

**4. PROGRAM KHIDMAT BANTU DI RUMAH**
***(Home Help Services)***

Program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) atau *Home Help Services* diperkenalkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan merupakan salah satu Program Pendampingan Sosial *(outreach programme)* kepada klien-klien terutamanya warga emas (WE) dan Orang Kurang Upaya (OKU), melalui pendekatan pembangunan komuniti atau *Community Based Intergrated Care System* (CBICS). Program ini melibatkan semua pihak termasuk agensi kerajaan dan komuniti setempat seperti wakil rakyat di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Inisiatif untuk melaksanakan Program KBDR ini adalah hasil daripada penyertaan Malaysia dalam *ROK-ASEAN* (*Republic of Korea-ASEAN*) *Summit Conference* (10 +1) yang diadakan di Manila pada bulan November 1999. Pelancaran program ini telah diadakan pada 1 Oktober 2005 bersempena Majlis Sambutan Hari warga emas Kebangsaan 2005.

Projek rintis pelaksanaan Program KBDR telah bermula pada tahun 2006-2012 yang dilaksanakan oleh Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) iaitu Persatuan USIAMAS Malaysia dan Majlis Pusat Kebajikan Semalaysia (MPKSM) di empat (4) lokasi iaitu Klang, Ampang, Kuala Langat dan Seremban yang dilaksanakan oleh sukarelawan sebagai petugas KBDR dengan menjalankan program penjagaan warga emas (WE) di rumah.

Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) dilaksanakan secara kolaborasi oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KMM) dengan penglibatan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK).

Program Khidmat Bantu di Rumah (*Home Help Services*) merupakan perkhidmatan sokongan sosial yang disediakan oleh sukarelawan kepada warga emas dan OKU di rumah. Program ini juga bertujuan menyemarakkan perkhidmatan kesukarelaan (*Volunteerism*) yang lebih tersusun dan berkesan dalam masyarakat. Penglibatan sukarelawan dalam kerja-kerja komuniti melalui Program Khidmat Bantu di Rumah dapat melancarkan proses pemerkasaan komuniti menerusi penglibatan aktif komuniti secara sukarela untuk pembangunan dan kesejahteraan bersama. Mekanisme ini bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk memantapkan lagi perkhidmatan berbentuk *community for community* (K4K) bagi tujuan membina integrasi sosial di kalangan komuniti setempat secara holistik.

Pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah ini memenuhi 4 kriteria utama iaitu *low cost, high impact, rapid execution* dan *sustainable* untuk memastikan perkhidmatan ini benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasar selaras dengan prinsip *value for money*. Program ini bukan sekadar memberikan perkhidmatan sokongan sosial kepada klien, tetapi ia juga merupakan perkhidmatan pemulihan, penjagaan dan pengintegrasian klien yang dilakukan oleh sukarelawan dalam komuniti. Menerusi pelaksanaan program ini, ianya dapat mengurangkan kemasukan warga emas dan OKU ke institusi-institusi kebajikan kerajaan, swasta dan NGO sekaligus menyokong usaha JKM dalam menjayakan program *Deinstitutionalisation* (DI).

Mekanisme pelaksanaan program ini adalah berpandukan kepada Garis Panduan Pelaksanaan Program Khidmat Bantu di Rumah yang disediakan oleh JKM. Dari segi waktu dan kekerapan perkhidmatan bergantung kepada keperluan dan keselesaan klien serta keluarga yang dibantu. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya sejam sekali lawatan dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali lawatan dalam seminggu. Dari segi nisbah penjagaan, seorang Petugas *Home Help* diwajibkan memberi perkhidmatan sekurang-kurangnya kepada dua (2) orang dan tidak lebih daripada empat (4) orang klien.

**Objektif**

- Memberi bantuan dan sokongan sosial kepada WE dan OKU menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasai diri mereka disisihkan;
- Memberi bantuan dan sokongan sosial kepada keluarga yang menjaga WE dan OKU supaya terus mengambil tanggungjawab menjaga dan melindungi ahli keluarga yang tergolong sebagai WE dan OKU;
- Menggerakkan peranan masyarakat dalam usaha membantu WE dan OKU atau keluarga yang menjaga WE dan OKU selaras dengan konsep masyarakat penyayang; dan
- Menggalakkan WE dan OKU terus tinggal di kediaman masing-masing dan hidup dalam suasana kekeluargaan dan masyarakat.

**Konsep Program**

- Khidmat bantu di rumah merupakan satu program yang memberi khidmat sokongan kepada warga emas dan OKU terutama bagi mereka yang tinggal bersendirian atau bersama ahli keluarga di rumah yang kurang penjagaan dan kurang berkemampuan;
- Bercorak pendampingan sosial (*Social Outreach*);
- Sukarelawan yang terlatih dan melaksanakan tugas mereka berdasarkan konsep dan prinsip kesukarelaan; dan
- Berkonsepkan kebajikan sebagai tanggungjawab bersama.

Antara khidmat bantuan yang boleh diberikan oleh petugas KBDR adalah seperti berikut:

- Menyediakan makanan dan minuman;
- Pembersihan diri (memandikan, memotong kuku, menyikat rambut dan sebagainya);
- Menjadi rakan berbual;
- Menjalankan aktiviti riadah;
- Mengemas atau membersihkan tempat tinggal, persekitaran;
- Membasuh, menyidai dan melipat pakaian;
- Mengeluarkan wang dari bank;
- Membuat pembayaran bil;
- Memberikan perkhidmatan fisioterapi berkelayakan;
- Memberi latihan praktikal tentang teknik-teknik penjagaan kepada penjaga;
- Memberi galakan dan latihan praktikal ke arah gaya hidup sihat;
- Membawa ke hospital/klinik untuk tujuan rawatan dan mengambil ubat;
- Mengajar warga emas/OKU/penjaga mengambil ubat dengan betul;
- Menemani warga emas dan OKU ke tempat beribadat; dan
- Bantuan lain yang sesuai.

Dalam usaha untuk memastikan Program KBDR dapat dilaksanakan dengan lancar, pihak JKM telah menjalinkan kolaborasi strategik dengan empat (4) buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan. Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang terlibat dalam melaksanakan program ini seperti yang berikut;

| BIL. | PERTUBUHAN SUKARELA KEBAJIKAN | NEGERI |
|---|---|---|
| 1. | Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM) | Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sarawak & Labuan |
| 2. | Persatuan Kebajikan Usiamas Malaysia (Usiamas) | Selangor, Kuala Lumpur & Negeri Sembilan |
| 3. | Bulan Sabit Merah Malaysia (BSM) | Perak |
| 4. | Majlis Perkhidmatan Masyarakat Sabah (MPMS) | Sabah |

Petugas KBDR menjalankan Perkhidmatan Penjagaan Sosial manakala Kementerian Kesihatan Malaysia menjalankan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan ke rumah-rumah klien Program KBDR.

Petugas KBDR akan diberikan insentif sebanyak RM 400.00 setiap bulan untuk perkhidmatan kepada 4 orang klien dengan syarat telah memberikan perkhidmatan kepada warga emas atau OKU **sekurang-kurangnya 32 jam bagi 4 orang klien dalam sebulan mengikut nisbah (1 petugas KBDR: 4 klien)**.

Setiap seorang klien yang menerima perkhidmatan Program KBDR oleh Petugas KBDR akan diberi sumbangan saguhati sebanyak **RM 80.00 sebulan dalam bentuk barangan keperluan harian.** Petugas KBDR akan dibekalkan dengan wang sebanyak **RM 20.00 setiap minggu** (RM 80.00 sebulan) bagi tujuan untuk membeli barang keperluan asas kepada setiap seorang klien.

## Impak Program Khidmat Bantu Di Rumah

### i. Penjimatan Kos

Melalui pelaksanaan Program KBDR, perbelanjaan kewangan kerajaan dapat dikurangkan dengan jumlah yang sangat besar. Perbandingan penjimatan melalui Program KBDR dengan jumlah perbelanjaan yang ditanggung di sesebuah institusi kebajikan adalah sebanyak RM1,510.00 sebulan.

**Perbandingan Kos Penjagaan Warga Emas dan OKU di Institusi dengan Program Khidmat Bantu di Rumah yang Meliputi Kos Belanja Mengurus Sebulan**

| KOS PROGRAM KBDR (RM/BULAN) | KOS KHIDMAT INSTITUSI (RM/BULAN) | BEZA KOS (RM/BULAN) |
|---|---|---|
| **RM 680.00 Sebulan**<br>• Bantuan Kewangan<br>RM 500.00<br>• Saguhati Petugas<br>RM 100.00<br>• Saguhati Klien<br>RM 80.00 | **RM 1,900.00 Sebulan**<br>✓ Makan<br>✓ Tempat Tinggal<br>✓ Pakaian<br>✓ Utiliti | **RM1,220.00** |

### ii. Pengurangan Kes Kemasukan Klien Ke Institusi

Melalui Program KBDR, terdapat pengurangan kemasukan klien ke institusi JKM iaitu Rumah Seri Kenangan (RSK) bagi klien WE dan Taman Sinar Harapan (TSH) bagi klien OKU.

**STATISTIK PROGRAM KHIDMAT BANTU DI RUMAH (*HOME HELP SERVICE*) SELURUH NEGARA SEHINGGA DISEMBER 2021 (AKTIF)**

| BIL | NEGERI | SUKARELAWAN | KLIEN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | WARGA EMAS | OKU | JUMLAH |
| 1. | PERLIS | 80 | 237 | 83 | **320** |
| 2. | KEDAH | 210 | 595 | 245 | **840** |
| 3. | PULAU PINANG | 59 | 161 | 75 | **236** |
| 4. | PERAK | 89 | 276 | 80 | **356** |
| 5. | SELANGOR | 252 | 856 | 152 | **1,008** |
| 6. | KUALA LUMPUR | 29 | 97 | 19 | **116** |
| 7. | NEGERI SEMBILAN | 80 | 256 | 64 | **320** |
| 8. | MELAKA | 71 | 237 | 47 | **284** |
| 9. | JOHOR | 130 | 377 | 143 | **520** |
| 10. | PAHANG | 131 | 397 | 127 | **524** |
| 11. | TERENGGANU | 168 | 558 | 114 | **672** |
| 12. | KELANTAN | 264 | 792 | 264 | **1,056** |
| 13. | SARAWAK | 260 | 802 | 238 | **1,040** |
| 14. | SABAH | 242 | 750 | 218 | **968** |
| 15. | LABUAN | 22 | 73 | 15 | **88** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **2,087** | **6,464** | **1,884** | **8,348** |

## STATISTIK PROGRAM KHIDMAT BANTU DI RUMAH (*HOME HELP SERVICE*) SELURUH NEGARA SEHINGGA DISEMBER 2021 (KUMULATIF)

| BIL | NEGERI | SUKARELAWAN | KLIEN | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | WARGA EMAS | OKU | JUMLAH |
| 1. | PERLIS | 105 | 304 | 116 | **420** |
| 2. | KEDAH | 351 | 1,081 | 323 | **1,404** |
| 3. | PULAU PINANG | 141 | 488 | 76 | **564** |
| 4. | PERAK | 145 | 427 | 153 | **580** |
| 5. | SELANGOR | 280 | 899 | 221 | **1,120** |
| 6. | KUALA LUMPUR | 56 | 168 | 56 | **224** |
| 7. | NEGERI SEMBILAN | 148 | 485 | 107 | **592** |
| 8. | MELAKA | 130 | 451 | 69 | **520** |
| 9. | JOHOR | 143 | 422 | 150 | **572** |
| 10. | PAHANG | 353 | 1,169 | 243 | **1,412** |
| 11. | TERENGGANU | 245 | 869 | 111 | **980** |
| 12. | KELANTAN | 340 | 1,218 | 142 | **1,360** |
| 13. | SARAWAK | 362 | 1,093 | 355 | **1,448** |
| 14. | SABAH | 247 | 801 | 187 | **988** |
| 15. | LABUAN | 32 | 89 | 39 | **128** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **3,078** | **9,964** | **2,348** | **12,312** |

### Pencapaian dan Pengiktrafan

- Program KBDR telah berjaya diiktiraf sebagai Inovasi Sosial KPWKM;
- Menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Perdana Menteri; dan
- Mencapai skor 90.8% di dalam Kajian *Outcome* Program/Projek Pembangunan Jawatankuasa Kerja Penilaian *Outcome* (JKPO) ICU, JPM.

Program KBDR yang berteraskan kepada perkhidmatan kesihatan dan sosial yang dilaksanakan secara menyeluruh dengan kerjasama strategik JKM bersama sukarelawan dapat memenuhi hasrat dan inspirasi rakyat khususnya warga emas dan OKU.

Program KBDR juga mampu menjimatkan peruntukan kewangan kerajaan yang perlu disalurkan bagi penjagaan warga emas dan OKU kerana warga emas dan OKU ditempatkan dalam komuniti bukannya di institusi.

Program KBDR ini berjaya merealisasikan Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara, Deklarasi Madrid dan RMK 11 ke arah mensejahterakan warga emas. Ianya merupakan salah satu inisiatif kerajaan ke arah persediaan negara menghadapi 'Negara Tua' 2030.







Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR)

## 5. PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)

**Program CSR merupakan satu manifestasi atau terjemahan komitmen tanggungjawab sosial sesebuah organisasi terhadap masyarakat**. Komitmen CSR diusahakan khusus bagi meningkatkan ekonomi dan kualiti hidup semua pihak, terutamanya pekerja dan keluarga dalam sesebuah organisasi, komuniti mahupun manfaat terhadap persekitaran.

Program CSR bertujuan menggalakkan semua syarikat mempraktikkan perkongsian tanggungjawab sosial dengan mengutamakan kepentingan masyarakat dalam strategi perniagaan mereka. Objektif CSR adalah seperti berikut:

i. Membudayakan konsep **Kebajikan Tanggungjawab Bersama** di kalangan sektor korporat;
ii. Menggalakkan sektor korporat untuk terus melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan pembangunan sosial negara;
iii. Menyemarakkan semangat kesukarelaan di kalangan masyarakat;
iv. Memupuk budaya "Komuniti untuk Komuniti" melalui *social empowerment*.

CSR adalah program kerjasama strategik antara JKM dan sektor korporat untuk membantu Jabatan dalam pelaksanaan program kepada kumpulan sasar selaras dengan konsep "Kebajikan Tanggungjawab Bersama".

Sehingga Disember 2021, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menerima sebanyak 356,072 bakul makanan sumbangan daripada pelbagai pihak seperti berikut:

| PENYUMBANG | JUMLAH BAKUL |
|---|---|
| NGO | 160,673 |
| Syarikat Korporat | 77,718 |
| Parti Politik | 45,795 |
| Individu | 34,602 |
| Agensi Awam | 30,775 |
| Rumah Ibadat | 6,509 |
| **JUMLAH** | **356,072** |



Sumbangan CSR daripada Yayasan Petronas Malaysia




Sumbangan CSR daripada AYAMAS

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Majlis Apresiasi Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-75 Jabatan Kebajikan Masyarakat

- **Tarikh:** 11 April 2021
- **Tempat:** Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)
- **Perasmi:** YB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin
  Mantan Perdana Menteri






Majls Apresiasi Sempena Sambutan Ulang Tahun ke-75
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di PICC, Putrajaya

### 2. Program Simulasi Pengurusan Bencana dan Hari Sukarelawan JKM Tahun 2021

- **Tarikh:** 20-21 November 2021
- **Tempat:** Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Negeri Pahang
- **Perasmi:** YBrs. Puan Fatimah Zuraidah binti Haji Salleh
  Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)






Hari Sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sempena Program Simulasi
Pengurusan Bencana di Pahang

### 3. *Townhall* Skuad Keluarga Malaysia Sempena Hari Terbuka 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia

- **Tarikh:** 10 Disember 2021
- **Tempat:** Pentas Utama Hall 1, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)
- **Perasmi:** YB Datuk Seri Rina binti Mohd Harun
  Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat




*Town Hall* Skuad Keluarga Malaysia (SKM) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), di KLCC, W.P. Kuala Lumpur



**SEKTOR** OPERASI

# **BAHAGIAN** PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

## PENGENALAN

Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) ditubuhkan pada 1 Februari 2007 bertanggungjawab dalam merancang dan melaksanakan Perintah Khidmat Masyarakat kepada pesalah yang dijatuhi hukuman Perintah Khidmat Masyarakat. Pada 1 April 2013, Bahagian PKM telah dipertanggungjawabkan ke atas pentadbiran dan pengurusan Rumah Perlindungan Keempat (Rumah Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang (lelaki dewasa) di bawah Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 *[Akta 670]*.

Bahagian ini terdiri daripada tiga buah cawangan iaitu:




## KUMPULAN SASAR




## PERKHIDMATAN BAHAGIAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT [PKM]

### 1. Perintah Khidmat Masyarakat

- Penyediaan Laporan Sosial oleh Pegawai PKM bagi Pesalah Muda sekiranya diminta oleh mahkamah.
- Pelaksanaan PKM kepada Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak yang telah diperintahkan oleh mahkamah bagi menjalani perintah khidmat masyarakat.

### 2. Punca Kuasa Pelaksanaan

- **Pesalah Muda (Berumur 18 hingga bawah 21 tahun)**

  <u>KANUN TATACARA JENAYAH [Akta 593]</u>
  Subperenggan 293(1)(e)(i)(ii)(iii).
  - Maksimum 240 jam agregat.
  - Mengikut tempoh dan apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Mahkamah.

AKTA KANAK-KANAK 2001 [Akta 611]
Seksyen 31, 32 dan 33.
- Tidak kurang daripada 36 jam dan tidak lebih 240 jam agregat.
- Dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah.

- **Pesalah Dewasa (Berumur 21 tahun ke atas)**

  AKTA KANAK-KANAK 2001 [Akta 611]
  Seksyen 31, 32 dan 33.
  - Tidak kurang daripada 36 jam dan tidak lebih 240 jam agregat.
  - Dalam tempoh tidak melebihi enam bulan dari tarikh perintah.

- **Kanak-Kanak (Berumur 10 hingga bawah 18 tahun)**

  AKTA KANAK-KANAK 2001 [Akta 611]
  Seksyen 91(1)(da) dan 97A.
  - Tidak melebihi 120 jam secara agregat.
  - Dalam tempoh tidak melebihi enam bulan.

### 3. Elemen Utama Pelaksanaan PKM

PKM bertujuan memberi pemulihan dan mencegah pesalah PKM daripada mengulangi kesalahan lalu (*residivisme*) dan mengembalikan mereka ke pangkuan masyarakat melalui elemen berikut:



i. **Kerja tanpa bayaran;** Aktiviti hukuman yang dilaksanakan pelatih PKM tidak melibatkan bayaran atau upah. Walaupun tidak dibayar upah/gaji pelatih PKM tidak diklasifikasikan sebagai buruh paksa, kerana menurut Perkara 6(3) Perlembagaan Persekutuan sekiranya pengawasan kerja-kerja tersebut dibuat oleh pihak berkuasa awam ianya tidak diklasifikasikan sebagai buruh paksa. Pihak berkuasa awam yang dimaksudkan di sini adalah pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);

ii. **Pembentukan modal insan;** meningkatkan perasaan cintakan negara (kenegaraan), disiplin diri dan kelangsungan hidup, serta program pemantapan pembentukan modal insan; dan

iii. **Pengurusan pesalah dalam masyarakat:** ia adalah suatu program atau aktiviti yang dimulakan di kelompok pesalah untuk kebaikan masyarakat termasuk alam sekitar. Memberi peluang dan ruang kepada pesalah untuk menyumbang kepada masyarakat **"pay back to the community"** melalui aktiviti atau kerja.

### 4. Perkhidmatan Jagaan dan Perlindungan Mangsa Permerdagangan Orang (Lelaki Dewasa) di Rumah Perlindungan Keempat (RP4), Melaka

Bahagian ini juga turut bertangungjawab ke atas pentadbiran Rumah Perlindungan Keempat (RP4) yang beralamat di Kampung Pengkalan Perigi, 76400, Tanjung Kling, Melaka. RP4 merupakan tempat perlindungan bagi mangsa pemerdagangan orang (lelaki dewasa).

- Mula beroperasi di bawah Kementerian Dalam Negeri pada 15 Ogos 2010.
- Diambil alih secara rasmi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 1 April 2013.

### 5. Punca Kuasa dan Pengurusan Kes

- Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 *[Akta 670]*: Seksyen 44(2) dan Seksyen 51 (3);

- Peraturan-Peraturan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Kebenaran Untuk Bergerak Bebas dan Untuk Bekerja) (Warganegara Asing) 2016;

- Peraturan-Peraturan Anti Pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Pelepasan Orang yang Diperdagangkan) (Warganegara Asing) 2016;

- Peraturan-Peraturan Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (Bayaran Elaun Kepada Orang yang Diperdagangkan) 2017; dan

- Pengisytiharan Tempat Perlindungan di bawah Akta Anti Pemerdagangan Orang 2007 [Pemberitahuan di bawah Subseksyen 42(1)] – bertarikh 6 Jun 2009 oleh Menteri Dalam Negeri.

## LAPORAN PERKHIDMATAN BAHAGIAN PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

### 1. STATISTIK PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT

#### A. Bilangan Penyediaan Laporan Sosial Pesalah Muda Mengikut Negeri bagi Tahun 2021

Penyediaan Laporan Sosial Pesalah Muda Mengikut Negeri

**1,282**

| PERLIS | KEDAH | P.PINANG | PERAK | SELANGOR | WPKL | N.SEMBILAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | 41 | 58 | 27 | 243 | 246 | 149 |

| MELAKA | JOHOR | PAHANG | TERENGGANU | KELANTAN | SABAH | SARAWAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 49 | 74 | 30 | 45 | 41 | 20 | 247 |

**690 Kes: syor PKM**
**592 Kes: tidak syor PKM**

#### B. Bilangan Kes Jatuh Hukum Mengikut Negeri bagi Tahun 2021

Pada tahun 2021 seramai 660 pesalah telah dijatuhi hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) berbanding pada tahun 2020, iaitu sebanyak 827 kes.

| PESALAH MUDA (PM): 393 KES | PESALAH DEWASA (PD): 25 KES | KANAK-KANAK (KK): 242 KES |
|---|---|---|

**660 Kes**
**659 Kes: Warganegara**
**1 Kes: Bukan Warganegara**



### C. Bilangan Pecahan Kes Mengikut Jenis Kesalahan Bagi Tahun 2021

Pada tahun 2021 seramai 660 pesalah telah dijatuhi hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) berbanding pada tahun 2020, iaitu sebanyak 827 kes.




**660 Kes**

### D. Bilangan Kes PKM Mengikut Kumpulan Etnik dan Jantina Bagi Tahun 2021

Pada tahun 2021 seramai 660 pesalah telah dijatuhi hukuman Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) berbanding pada tahun 2020, iaitu sebanyak 827 kes.

| BIL | ETNIK | PESALAH MUDA | | PESALAH DEWASA | | KANAK-KANAK | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | L | P | L | P | L | P |
| 1 | Melayu | 316 | 9 | 14 | 9 | 187 | 5 |
| 2 | Cina | 13 | 1 | 1 | 0 | 28 | 2 |
| 3 | India | 25 | 3 | 0 | 0 | 18 | 1 |
| 4 | Peribumi Sabah | 12 | 5 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | Peribumi Sarawak | 5 | 3 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | Lain-Lain | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 |
| 7 | Bukan Warganegara | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 |
| Jumlah Mengikut Kategori | | 372 | 21 | 15 | 10 | 234 | 8 |
| | | 393 | | 25 | | 242 | |
| **Jumlah Keseluruhan** | | **660** | | | | | |

### E. Pelaksanaan Jam Agregat Mengikut Negeri bagi Tahun 2021

Jumlah keseluruhan pelaksanaan jam agregat **89,109**



## 2. STATISTIK RUMAH PERLINDUNGAN KEEMPAT (RP4)

### A. Jumlah Keseluruhan Penghuni di RP4 Mengikut Negara bagi Tahun 2021




### B. Bilangan Kes Pemerdagangan Orang di RP4 Mengikut Jenis Eksploitasi dan Kategori Perintah (IPO dan PO) bagi Tahun 2021



### C. Bilangan Permohonan dan Kelulusan Bergerak Bebas bagi Penghuni Berstatus PO [100 Orang] Di RP4 Mengikut Negara Bagi Tahun 2021

| NEGARA | BILANGAN PERMOHONAN | LULUS | TIDAK LULUS |
|---|---|---|---|
| Nepal | **5** | **4** | **1** |
| India | **54** | **42** | **12** |
| Pakistan | **8** | **8** | **-** |
| Bangladesh | **16** | **16** | **-** |
| Myanmar | **14** | **14** | **-** |
| Malaysia | **3** | **3** | **-** |
| **Jumlah** | **100** | **87** | **13** |

## 2. PROGRAM/AKTIVITI BAHAGIAN PKM TAHUN 2021

### A. Senarai Program/Aktiviti Bahagian PKM Mengikut Cawangan bagi Tahun 2021

**CAWANGAN PELAKSANAAN PKM**

| BIL | PROGRAM | TARIKH | PERASMI/ PENGERUSI |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat PRA URS Sistem e-CSO | 11 Januari 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 2 | Sesi Kajian Keperluan Pengguna URS e-CSO | 3 Februari 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 3 | Mesyuarat URS Sistem e-CSO | 16 Mac 2021 | Encik Junaidi bin Ayob, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pelaksanaan |
| 4 | Kursus Asas Penyelia Lapangan | 30 - 31 Mac 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 5 | Mesyuarat Penyelarasan Program Jati Diri : Pengukuhan Pelatih PKM Sebagai Sukarelawan Beruniform | 25 Mei 2021 | Puan Muzairiah binti Bajuri, Timbalan Pengarah JKMN Johor |
| 6 | Sesi Pra *User Acceptant Test* [UAT] Sistem eCSO | 4 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 7 | Mesyuarat Penyelarasan Sistem eCSO | 16 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |

| BIL | PROGRAM | TARIKH | PERASMI/ PENGERUSI |
|---|---|---|---|
| 8 | Sesi *User Acceptant Test* [UAT] Sistem eCSO | 17 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 9 | Mesyuarat Penyelarasan Pelaksanaan PKM dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 | 23 Jun 201 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 10 | Sesi *Final Acceptant Test* (Ujian Terimaan Akhir) Sistem eCSO JKM | 23 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 11 | Kursus Penulisan Laporan Berperingkat PKM | 14 - 15 Julai 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 12 | Naziran Buku Daftar Kes PKM Tahun 2021 | 26 - 30 Julai 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 13 | Sesi *Review* Sistem eCSO | 12 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 14 | Perbincangan Naziran Buku Daftar PKM Negeri | 26 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 15 | Kursus Penggunaan Sistem eCSO Siri 1 | 6 September 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 16 | Kursus Penggunaan Sistem eCSO Siri 2 | 7 September 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 17 | Program Taujihat Khas Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat | 24 September 2021 | YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga danMasyarakat |
| 18 | Pelancaran Sistem eCSO | 29 September 2021 | YBrs. Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) |
| 19 | Mesyuarat Penyelarasan Penemuan Naziran PKM Tahun 2021 | 8 - 10 Disember 2021 | Encik Junaidi bin Ayob, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pelaksanaan |
| 20 | Mesyuarat Pembangunan Sistem eCSO | 14 Disember 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |

## CAWANGAN PERLINDUNGAN DAN ADVOKASI

| BIL | PROGRAM | TARIKH | PERASMI/ PENGERUSI |
|---|---|---|---|
| 1 | Perbincangan Prosedur Operasi Standard (SOP) PKM Kanak-Kanak dan Pesalah Dewasa bersama Bahagian Kanak-Kanak dan Kaunseling | 26 Februari 2021 | Encik Noor Kamaruzaman bin Abd Hamid,<br><br>Penolong Pengarah Kanan Cawangan Perlindungan dan Advokasi |
| 2 | Bengkel SOP PKM Pesalah Dewasa | 22 - 23 Mac 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 3 | Mesyuarat Penyelarasan Rumah Perlindungan<br><br>Keempat | 25 Mac 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 4 | Kursus Pengurusan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Siri 1 Tahun 2021 | 19 - 21 April 2021 | YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak,<br><br>Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) |
| 5 | Bengkel SOP PKM Kanak-Kanak | 24 - 25 Mei<br><br>2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 6 | Perbincangan SOP PKM Pesalah Dewasa | 1 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 7 | Perbincangan SOP Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang | 18 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 8 | Perbincangan SOP Penjagaan dan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang | 22 Jun 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 9 | Kursus Pengurusan Perlindungan Mangsa Permerdagangan Orang Siri 2 Tahun 2021 | 3 - 5 Julai 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 10 | Perbincangan Borang Naziran *Self Evaluation* Rumah Perlindungan Keempat (RP4) | 4 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 11 | Perbincangan Draf Prosedur Operasi Standard Tempat Perlindungan bagi Penjagaan dan Perlindungan Orang yang Diperdagangkan | 20 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 12 | Mesyuarat Penyelarasan RP4 Bilangan 1 Tahun 2021 | 25 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 13 | Mesyuarat Penambahbaikan Laporan Pegawai Pelindung bagi Orang yang Disyaki Diperdagangkan di bawah ATIPSOM 2007 | 15 September 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |

| BIL | PROGRAM | TARIKH | PERASMI/ PENGERUSI |
|---|---|---|---|
| 14 | Perbincangan Hasil Naziran RP4 | 10 November 2021 | Puan Salamatussadah binti Abd. Ghafur<br><br>Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Perlindungan dan Advokasi |
| 15 | Perbincangan SKT 2022 bersama RP4 Cawangan Perlindungan dan Advokasi. | 30 November 2021 | Puan Salamatussadah binti Abd. Ghafur<br><br>Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Perlindungan dan Advokasi |

## CAWANGAN PEMERKASAAN

| BIL | PROGRAM | TARIKH | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Kakitangan Perintah Khidmat Masyarakat [PKM] Bilangan 1 Tahun 2021 | 27 Januari 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 2 | Mesyuarat Garis Panduan Anugerah Pegawai Cemerlang | 2 Februari 2021 | Puan Jaidah binti Marbawi, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pemerkasaan |
| 3 | Mesyuarat Penyelaras PKM Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 | 15 Februari 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 4 | Perbincangan Penyediaan Bajet PKM Tahun 2022. | 25 Februari 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 5 | Bengkel Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Khidmat Masyarakat Bagi Pelatih PKM atas Kesalahan Berkaitan Dadah | 30 - 31 Mac 2021 | Encik Junaidi bin Ayob, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pelaksanaan |
| 6 | Perbincangan Isu-Isu Perundangan Bahagian PKM Bersama Penasihat Undang-Undang JKM | 24 Mac 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 7 | Bengkel Pelaksanaan PKM di Penjara | 14 - 15 April 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 8 | Mesyuarat Kakitangan PKM Bilangan 2 Tahun 2021 | 3 Mei 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat,<br><br>Pengarah Bahagian PKM |
| 9 | Perbincangan Berkaitan Program *Skill & Career* Bersama Yayasan Peneraju Siri I | 1 Jun 2021 | Encik Junaidi bin Ayob, Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pelaksanaan |

| BIL | PROGRAM | TARIKH | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 10 | Mesyuarat Kakitangan Bahagian PKM Bilangan 3 Tahun 2021 | 12 Julai 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 11 | Mesyuarat Penyelaras PKM Negeri Bilangan 2 Tahun 2021 | 27 Julai 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 12 | Perbincangan Modul PKM Kanak-Kanak | 17 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 13 | Perbincangan Garis Panduan Pelaksanaan PKM Kepada Pelatih Atas Kesalahan Dadah | 20 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 14 | Mesyuarat Inter Agensi Pelaksanaan PKM | 24 Ogos 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 15 | Perkongsian Ilmu Bersama Ketua Unit pengurusan dan Penyampian Perkhidmatan LPPKN dalam Penyediaan Modul PKM Kanak-Kanak | 23 September 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 16 | Sesi Semakan Draf Tatacara Pengurusan Kes PKM di Penjara | 5 Oktober 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 17 | Sesi Perbincangan Lanjut Berkaitan Program *Skill* & *Career* Bersama Yayasan Peneraju Siri II dan III | 8 dan 12 Oktober 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 18 | Sesi Perbincangan Bersama KPSU KPLB berkaitan Penyelarasan Kolaborasi Strategik KPWKM Bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) | 20 Oktober 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 19 | Mesyuarat Kakitangan Bahagian PKM Bilangan 4 Tahun 2021 | 11 November 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 20 | Program Bacaan Yasin dan Tazkirah 'Raih Keberkatan dalam Hidup Ku' | 12 November 2021 | Puan Jaidah binti Marbawi Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pemerkasaan |
| 21 | Mesyuarat Penyelaras PKM Negeri Bilangan 3 Tahun 2021 | 17 November 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 22 | Sesi Perbincangan Bersama KPSU KPLB berkaitan Penyelarasan Kolaborasi Strategik KPWKM Bersama KPLB | 20 November 2021 | Puan Jaidah binti Marbawi Ketua Penolong Pengarah Cawangan Pemerkasaan |
| 23 | Perbincangan Sasaran Kerja Tahunan 2022 Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat | 7 Disember 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |
| 24 | Perbincangan Penyelarasan Peruntukan Program PKM 2022 | 21 Disember 2021 | En Ahmad Hashim bin Selamat, Pengarah Bahagian PKM |

## SOROTAN PROGRAM/AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2021

### 1. Kursus Asas Penyelia Lapangan

- **Tarikh:** 30 – 31 Mac 2021
- **Tempat:** JKMN Melaka






### 2. Bengkel Pelaksanaan PKM di Penjara

- **Tarikh:** 14 – 15 April 2021




### 3. Kursus Pengurusan Perlindungan Mangsa Pemerdagangan Orang Siri 1 Tahun 2021

- **Tarikh:** 19 – 21 April 2021







## 4. Bengkel Penyediaan Prosedur Operasi Standard PKM Kanak-Kanak

➢ **Tarikh:** 24 - 25 Mei 2021




## 5. Kursus Penulisan Laporan Berperingkat

➢ **Tarikh:** 14 – 15 Julai 2021




## 6. Kursus Penggunaan Sistem eCSO Siri 2,

➢ **Tarikh:** 9 September 2021



## 7. Mesyuarat Penyelarasan RP4

- **Tarikh:** 25 Mac 2021
- **Tempat:** Rumah Perlindungan Keempat




## 8. Mesyuarat Penyelarasan PKM dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0

- **Tarikh:** 23 Jun 2021





## 9. Mesyuarat Penyelaras PKM Negeri Bilangan 2

- **Tarikh:** 27 Julai 2021




## 10. Mesyuarat Kakitangan Bahagian PKM Bilangan 4 Tahun 2021

➢ **Tarikh:** 11 November 2021






## 11. Perbincangan Isu-Isu Perundangan Bahagian PKM bersama Penasihat Undang-Undang JKM

➢ **Tarikh:** 24 Mac 2021







## 12. Perbincangan Draf Prosedur Operasi Standard Tempat Perlindungan bagi Penjagaan dan Perlindungan Orang yang Diperdagangkan.

➢ **Tarikh:** 20 Ogos 2021






## 13. Sesi Perbincangan Lanjut Berkaitan Program Perintah Khidmat Masyarakat Bersama Yayasan Peneraju Siri II dan III

- **Tarikh:** 8 dan 12 Oktober 2021






### SENARAI PROGRAM/AKTIVITI PELATIH PKM BAGI TAHUN 2021

Bagi tahun 2021 sebanyak 107 program Perintah Khidmat Masyarat dengan melibatkan 1,804 penyertaan telah dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah. Sebagai langkah kawalan dan pencegahan penularan pandemik COVID-19, 79% program dan aktiviti PKM dilaksanakan secara dalam talian dan 21% lagi dilaksanakan secara fizikal. Semua aktiviti penyeliaan harian dan program yang dilaksanakan secara fizikal adalah mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat dan Pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara di bawah Pelan Pemulihan Negara. Berikut merupakan senarai penglibatan peserta mengikut pecahan program:

| PROGRAM | JUMLAH PROGRAM | JUMLAH PESERTA |
|---|---|---|
| Program Kerjaya | 18 | 296 |
| Program Skill@PKM | 18 | 227 |
| Program Kerohanian | 27 | 322 |
| Program Keibubapaan | 16 | 524 |
| Program Jati Diri | 23 | 356 |
| Program Keceriaan | 4 | 70 |
| Program Integrasi | 1 | 9 |
| **JUMLAH** | **107** | **1,804** |

### A. PROGRAM KERJAYA

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 18 Program Kerjaya@PKM telah dilaksanakan di seluruh negeri dengan penyertaan seramai 296 orang iaitu melibatkan pelatih Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak. Melalui program ini pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat telah bekerjasama dengan beberapa agensi luar bagi memberi pendedahan kerjaya mengikut minat dan kelayakan pelatih PKM. Antara agensi berkenaan adalah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

### 1. Program Motivasi Dalam Membina Kerjaya (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 29 Mac 2021
- **Tempat:** Perlis



### 2. Taklimat Penulisan Resume, *Mock Interview* (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 3 Ogos 2021
- **Tempat:** Perak







## B. PROGRAM SKILL@PKM

Sebanyak 18 Program Skill@PKM telah dilaksanakan di seluruh negeri dengan penyertaan seramai 227 pelatih PKM. Dalam menjayakan Program Skill@PKM pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui PKM telah bekerjasama dengan pelbagai agensi antaranya Pusat Giat MARA, Kolej Komuniti dan syarikat persendirian bagi memberi ilmu serta latihan kepada pelatih dalam beberapa bidang yang tertentu. Antara latihan asas telah dianjurkan adalah Kulinari (pembuatan kek dan biskut), Kraftangan, Penerapan Kerja Bata, Kursus Asas Pendawaian Elektrik dan Kelas Multimedia Aplikasi Dalam Talian.

### 1. Kursus Asas Pendawaian Elektrik

- **Tarikh:** 7 April 2021
- **Tempat:** Giat Mara Seremban




### 2. Program Membuat Bunga *Sweet Conlay*

- **Tarikh:** 13 Oktober 2021
- **Tempat:** Pejabat JKMN Sabah





## C. PROGRAM KEROHANIAN

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 27 program dengan penyertaan seramai 322 pelatih yang terdiri daripada Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak. Program kerohanian dilaksanakan melalui pelbagai kerjasama bersama agensi luar. Antara agensi yang terlibat terdiri daripada Jabatan Agama Islam Negeri, Pejabat Agama Islam Daerah, Kaunselor Pendidikan, Lembaga Zakat dan Kaunselor Pendidikan. Program ini dilaksanakan bagi membantu pelatih mencari kekuatan diri melalui pendedahan ilmu keagamaan bagi memastikan pelatih sentiasa bermotivasi untuk berubah ke arah kebaikan.

### 1. Majlis Perkongsian Ilmu, Masjid Jami'ul Ehsan

- **Tarikh:** 9 Mei 2021
- **Tempat:** Jalan Pahang, Kuala Lumpur




### 2. Program Kerohanian Siri 2: Edisi Remaja (Dalam Talian)

- **Tarikh:** 13 Oktober 2021





## D. PROGRAM KEIBUBAPAAN

Sebanyak **16 Program** Keibubapaan telah dilaksanakan di seluruh negeri dengan penyertaan seramai **524 pelatih** yang terdiri daripada Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak. Program Keibubapaan bagi tahun 2021 dilaksanakan mengikut Modul Perkasa Keluarga yang telah dilancarkan pada 12 September 2020 oleh YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

### 1. Program Keibubapaan

- **Tarikh:** 6 April 2021
- **Tempat:** Pusat Khidmat Setempat OKU Bedong, Kedah




## E. PROGRAM JATI DIRI

Sebanyak **23 Program** Jati Diri telah dilaksanakan di seluruh negeri dengan penyertaan seramai **356 pelatih** PKM. Kolaboratif pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat bersama pihak Angkatan Pertahanan Awam (APM) menyasarkan penglibatan pelatih PKM sebagai sukarelawan beruniform. Penyertaan pelatih PKM sebagai Sukarelawan APM dilihat sebagai langkah yang signifikan dalam membantu meningkatkan kapasiti diri pelatih dan secara tidak langsung membuka peluang pekerjaan berkhidmat untuk masyarakat dan negara secara amnya. Antara program yang dilaksanakan bersama APM bagi tahun 2021 adalah Program Simulasi Menyelamat, Rawatan Awal Penyelamat Jiwa, *Basic Trauma Support* dan Pengurusan Bencana dan Risiko.

### 1. Program Keibubapaan

- **Tarikh:** 11-12 April 2021
- **Tempat:** Kompleks APM Langkawi










## F. PROGRAM KECERIAAN

Sebanyak **4 Program** Keceriaan telah dilaksanakan di seluruh negeri. Penyertaan keseluruhan pelatih adalah seramai **70 orang** melibatkan pelatih Kanak-Kanak, Pesalah Muda dan Pesalah Dewasa. Program ini melibatkan pelaksanaan PKM di institusi kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat antaranya Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK), Pusat Aktiviti Warga Emas, Rumah Tunas Harapan (RTH) serta komuniti setempat. Program ini tidak dapat dilaksanakan oleh negeri kerana arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang memberi impak terhadap pelaksanaan program secara fizikal.

### 1. Program Keceriaan Institusi RKK Pokok Sena, Kedah

- **Tarikh:** 1 April 2021




### 2. Program Keceriaan Institusi Rumah Ehsan Bandar Al-Mukhtafi Bilal Shah, Terengganu

- **Tarikh:** 1 April 2021




## G. PROGRAM INTEGRASI

Bagi tahun 2021 hanya satu Program Integrasi telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 9 pelatih yang terdiri daripada Pesalah Muda, Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak pada 24 April 2021. Program ini dilaksanakan melibatkan komuniti setempat dengan pengisian aktiviti solat berjemaah dan tazkirah. Namun pada bulan Mei 2021, program ini terpaksa dibatalkan diperingkat negeri memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan sekaligus membataskan pelaksanaan program secara fizikal.

1. Program Integrasi, RKK Mini Selangor, 24 April 2021







## SENARAI PROGRAM/AKTIVITI INSTITUSI MANGSA PEMERDAGANGAN ORANG (LELAKI DEWASA) BAGI TAHUN 2021

### 1. Rumah Perlindungan Keempat (RP4).

Bagi tahun 2021 sebanyak **57 program** dan aktiviti telah dilaksanakan bersama penghuni di Rumah Perlindungan Keempat dengan penglibatan kolaboratif bersama pihak agensi luar dan badan bukan kerajaan (NGO).

| BIL | TARIKH | JUMLAH PENYERTAAN/ MANGSA | AKTIVITI/PROGRAM |
|---|---|---|---|
| 1 | 21 Januari 2021 | 2 | Program Kecergasan 10,000 Langkah Siri 1 |
| 2 | 28 Januari 2021 | 2 | Sambutan Perayaan Thaipusam Penganut Hindu |
| 3 | 2 Februari 2021 | 2 | Program Terapi Masakan |
| 4 | 4 Februari 2021 | 2 | Program Kecergasan 10,000 Langkah Siri 2 |
| 5 | 9 Februari 2021 | 2 | Kelas Bahasa Melayu Siri 1 |
| 6 | 18 Februari 2021 | 2 | Kelas Bahasa Melayu Siri 2 |
| 7 | 8 Mac 2021 | 11 | Kelas Bahasa Melayu Siri 3 |
| 8 | 9 Mac 2021 | 11 | Program Pengurusan Stress Penguni RP4 |
| 9 | 11 Mac 2021 | 8 | Kursus Asas Pertolongan Cemas RP4 |
| 10 | 5 hingga 8 April 2021 | 7 | Program Keceriaan Institusi bersama Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat, JKMN Melaka |
| 11 | 9 April 2021 | 9 | Program Pengenalan Asas Pekerjaan di Malaysia |
| 12 | 14 April 2021 | 9 | Sambutan Perayaan *Puthandu Day* [Tahun Baru Tamil] |
| 13 | 21 April 2021 | 9 | Kelas Bahasa Melayu Siri 4 |
| 14 | 4 Mei 2021 | 13 | Program Antidadah dan Melukis Poster |
| 15 | 12 Mei 2021 | 13 | Sambutan Hari Mantai Sempena Perayaan Aidilfitri |
| 16 | 14 dan 15 Mei 2021 | 13 | Sambutan Aidilfitri |
| 17 | 1 Julai 2021 | 44 | Sambutan Hari Lahir Penghuni |
| 18 | 7 Julai 2021 | 29 | Program Penjagaan Kebersihan Diri |
| 19 | 13 Julai 2021 | 42 | Program Motivasi dan Bimbingan |
| 20 | 19 Julai 2021 | 42 | Program Masakan |
| 21 | 21 Julai 2021 | 42 | Sambutan Hari Raya Aidiladha |
| 22 | 27 Julai 2021 | 42 | Program Nyanyian Kebudayaan Penghuni |
| 23 | 29 Julai 2021 | 30 | Program *Family Call* bersama Penterjemah Siri 1 |
| 24 | 19 Ogos 2021 | 42 | Sambutan Bulan Kemerdekaan Negara India dan Pakistan |
| 25 | 20 Ogos 2021 | 6 | Program Orientasi Penguni Baru [IPO] |
| 26 | 3 September 2021 | 42 | Kelas Bahasa Melayu  Siri 5 |
| 27 | 7 September 2021 | 1 | Program Orientasi Penguni Baru [IPO] |
| 28 | 7 September 2021 | 42 | Kuiz Kecerdasan Minda |
| 29 | 9 September 2021 | 30 | Program *Family Call* bersama Penterjemah Siri 2 |
| 30 | 13 September 2021 | 42 | Majlis Perpisahan dan Terima Kasih Mangsa RP4 |
| 31 | 20 September 2021 | 30 | Program Suntikan Vaksin Dos 1 Penghuni PO |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 32 | 7 Oktober 2021 | 30 | Program Gotong Royong RP4 Siri 1 |
| 33 | 11 Oktober 2021 | 30 | Program Suntikan Vaksin Dos 2 Penghuni PO |
| 34 | 14 Oktober 2021 | 30 | Program Gotong Royong RP4 Siri 2 |
| 35 | 15 Oktober 2021 | 42 | Sambutan Perayaan Navathri Penganut Hindu |
| 36 | 18 Oktober 2021 | 30 | Kelas Bahasa Melayu Siri 6 |
| 37 | 20 Oktober 2021 | 6 | Sambutan Maulidur Rasul 1443 Hijrah Peringkat RP4 |
| 38 | 21 Oktober 2021 | 26 | Program *Family Call* bersama Penterjemah Siri 3 |
| 39 | 25 Oktober 2021 | 2 | Program Orientasi Penghuni Baru [IPO] |
| 40 | 29 Oktober 2021 | 30 | Kelas Bahasa Melayu Siri 7 |
| 41 | 3 November 2021 | 30 | Sambutan Perayaan Deepavali |
| 42 | 6 November 2021 | 30 | Program Masakan Citarasa India Sempena Penutup Deepavali |
| 43 | 11 November 2021 | 30 | Program Sukaneka Penghuni dan Kakitangan RP4 |
| 44 | 16 November 2021 | 30 | Program Antidadah, Bahaya Merokok dan Alkohol |
| 45 | 23 November 2021 | 31 | Kelas Bahasa Melayu Siri 8 |
| 46 | 24 November 2021 | 11 | Program *Family Video Call* bersama Penterjemah Siri 1 |
| 47 | 25 November 2021 | 26 | Program *Family Call* bersama Penterjemah Siri 4 |
| 48 | 29 November 2021 | 31 | Program Motivasi *My Circle of Control* |
| 49 | 1 Disember 2021 | 21 | Program Orientasi Penghuni Baru [IPO] |
| 50 | 1 Disember 2021 | 31 | Program Motivasi 'Masa Lalu, Kini dan Masa Hadapan' |
| 51 | 3 Disember 2021 | 31 | Kelas Bahasa Melayu Siri 9 |
| 52 | 22 Disember 2021 | 5 | Program Orientasi Penghuni Baru [IPO] |
| 53 | 23 Disember 2021 | 30 | Program *Family Call* bersama Penterjemah Siri 5 |
| 54 | 23 Disember 2021 | 8 | Program *Family Video Call* bersama Penterjemah Siri 1 |
| 55 | 25 Disember 2021 | 3 | Sambutan Perayaan Krismas |
| 56 | 30 Disember 2021 | 28 | Program Motivasi (Kompilasi Kenangan 2021) |
| 57 | Januari hingga Disember 2021 | 7 | Program Bacaan Yasin Penghuni Islam<br>*setiap hari Jumaat |

### 1. Program Kecergasan 10,000 Langkah Siri 1

- **Tarikh:** 21 Januari 2021





### 2. Program Pengurusan Stress Penguni RP4

- **Tarikh:** 9 Mac 2021





### 3. Program Keceriaan Institusi RP4 bersama Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat, JKMN Melaka

- **Tarikh:** 5 hingga 8 April 2021




### 4. Kelas Bahasa Malaysia Siri 4

➢ **Tarikh:** 21 April 2021






### 5. Sambutan Aidilfitri

➢ **Tarikh:** 14 dan 15 Mei 2021





### 6. Sambutan Hari Lahir Penghuni

➢ **Tarikh:** 1 Julai 2021





## 7. Program Penjagaan Kebersihan

- **Tarikh:** 7 Julai 2021





## 8. Program Motivasi dan Bimbingan

- **Tarikh:** 13 Julai 2021




## PENCAPAIAN BAHAGIAN BAGI TAHUN 2021

### A. Program Taujihat Khas Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat Tahun 2021 [Peringkat Kebangsaan]

| | |
|---|---|
| Tarikh/Hari | : 24 September 2021 [Jumaat] |
| Tempat | : Pelaksanaan melalui aplikasi Zoom dan disiarkan ke Facebook Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat, Institut Sosial Malaysia, Kemeterian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dan Facebook YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff. |
| Peserta | : 258 orang peserta |
| Perasmi dan Penceramah | : YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. |

Objektif Program:

- Mengingatkan pelatih PKM agar sentiasa mengingati dan memohon bantuan daripada Allah S.W.T;
- Melahirkan pelatih PKM yang mantap daripada aspek jasmani, emosi, rohani dan disiplin; dan
- Menyemai semangat cintakan ilmu dan agama.






Sesi Taujihat oleh YB Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff





Sesi Interaksi Pelatih PKM bersama YBTM

## B. Pelancaran Sistem Maklumat Perintah Khidmat Masyarakat: Sistem eCSO

| | |
|---|---|
| Tarikh/Hari | : 29 September 2021 (Rabu) |
| Tempat | : Facebook Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| Dirasmikan oleh | : YBrs. Puan Fatimah Zuraidah binti Salleh, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) |

Sistem e-CSO (eCSO.jkm.gov.my) merupakan sistem maklumat dalam talian yang julung kalinya dibangunkan oleh Bahagian PKM. Pembangunan sistem ini adalah melalui kerjasama erat Bahagian PKM dan Bahagian Pengurusan Maklumat (BKP) bermula awal April 2021.














### C. Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat.


Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri

PEKELILING

KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT

BILANGAN 1 TAHUN 2022

PROSEDUR OPERASI STANDARD

PERINTAH KHIDMAT MASYARAKAT PESALAH DEWASA DAN KANAK-KANAK

TUJUAN

Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 1 Tahun 2022 Prosedur Operasi Standard Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Dewasa dan Kanak-Kanak nombor rujukan JKM/100/03/1/Jld.6(13), berkuat kuasa 1 Februari 2022 telah diedarkan pada 26 Januari 2022. Ini sekaligus memansuhkan Peraturan Tetap Operasi Perintah Khidmat Masyarakat dan Arahan Kerja (Kanak-Kanak dan Pesalah Dewasa) tahun 2016

**SOP PKM Pesalah Dewasa**




Terdapat lima prosedur di dalam SOP PKM Pesalah Dewasa iaitu:

- Prosedur Penerimaan Perintah Mahkamah;
- Prosedur Pelaksanaan;
- Prosedur Pelanggaran;
- Prosedur Perpindahan Pelaksanaan; dan
- Prosedur Penamatan.

**SOP PKM Kanak-Kanak**




Terdapat lima prosedur di dalam SOP PKM Kanak-Kanak iaitu:

- Prosedur Penerimaan Kes;
- Prosedur Pelaksanaan;
- Prosedur Pelanggaran;
- Prosedur Perpindahan Pelaksanaan; dan
- Prosedur Penamatan.

## D. Advokasi Media Bahagian PKM Bagi Tahun 2021

12 infografik: enam infografik PKM dan enam infografik mangsa pemerdagangan orang/Rumah Perlindungan Keempat (RP4) diedarkan ke peringkat negeri dan hebahan melalui media sosial bahagian (Facebook).

**PKM**



















**RP4**


















## Hebahan Media Bahagian PKM







Sesi temu bual media (Bernama TV) pada 23 Februari 2021

HOME · MALAYSIA

# Appointing the public as protection officers among amendments to Atipsom, says Social Welfare Dept division director



Ahmad Hashim Selamat said the amendment would also seek to improve the role of the Women, Family, and Community Development Minister and the operation of shelters for victims of human trafficking. — Thomson Reuters Foundation pic

*Subscribe to our* **Telegram** *channel for the latest updates on news you need to know.*

KUALA LUMPUR, Feb 24 — Appointing protection officers among members of the public is one of the amendments that will be made under the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act (Atipsom) 2007 said Social Welfare Department (JKM) Community Service Order Division director Ahmad Hashim Selamat.

Without divulging further Ahmad Hashim said the plan to amend the act should have been carried out last year but could not be implemented due to the Covid-19 pandemic and would likely be done this year.

He said the amendment would also seek to improve the role of the Women, Family, and Community Development Minister and the operation of shelters for victims of human trafficking.

Currently, protection officers under Atipsom are appointed among government officials, he said when appearing as a guest on Bernama TV's *Ruang Bicara* talkshow programme, here.

According to him, the amendment process would involve several parties including the Council for Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants, the Women, Family, and Community Development Ministry and relevant departments.

On the United States Department of State Trafficking in Persons report that placed Malaysia in the Tier 2 Watch List in 2020, he said various enhancements were being made to improve Malaysia's position such as providing adequate health screening and interpreter services to victims of human trafficking as well as increasing collaboration with non-governmental organisations.

"Malaysia has been placed in the Tier 2 position for three years in a row and we really hope it can be improved," he said.

Meanwhile, JKM Policy and International Relations Division head Rosmaini Ahmad said one of the measures taken to improve Malaysia's position was to provide skills to the victims to allow them to generate income such as repairing electronic devices that they can utilise while in the country as well as when they return to their home countries. — Bernama

Hebahan akhbar Malaymail pada 24 Februari 2021

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat

*Berkat Berjasa*

**JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**
ARAS 6,9-18, NO. 55, PERSIARAN PERDANA,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA
TEL: 03-8323 1656 / 03-8323 1658 | FAKS: 03-8323 2094

JKMHQ JKMHQ jkmhq

**www.jkm.gov.my**

ADUAN KRISIS MASYARAKAT
**TALIAN** *Kasih*
**15999**

ISSN 1985-7764
9 771985 776006